E-mel: amirul@ukm.edu.my

Aziatul Waznah Ghazali (Dr.)

DIA (UiTM), BAcc. (UiTM), MSc(University of Strathclyde, UK), MRes. (Kingston University, UK), Ph.D(Kingston University, UK)

Pelaporan Kewangan; Tadbir urus korporat, Pengauditan; Kriminology Kewangan

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-8921

E-mel: aziatul.ghazali@ukm.edu.my

Azlina binti Ahmad (Dr.)

BAC(UKM), MSc(London), DPP(UKM)

Pelaporan Kewangan

Pusat Kajian Pembangunan Inklusif & Lestari (SID)

Tel: 603-89213434

E-mel: azlina@ukm.edu.my

Dahlia Fernandez Bt Mohd Farid Fernandez (Dr.)

Bac (UKM), MSc Acct (UIA), PhD Acct (UKM)

Sistem Maklumat Perakaunan, Automasi Proses Robotik, Sistem Perancangan Sumber Perusahaan, Perakaunan Digital

Pusat Kajian Perniagaan Global & Ekonomi Digital (GLOBDE)

Tel: 03-89213449

E-mel: dahlia@ukm.edu.my

Hamezah binti Md. Nor (Dr.), Associate CPA

BAc, MAc(UKM), Ph.D(UUM)

Pelaporan Kewangan, Tadbir Urus Korporat

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89213413

E-mel: miezah@ukm.edu.my

Intan Maiza binti Abdul Rahman (Dr.)

BAc(UKM), MSc(UIAM), Ph.D(UUM)

Pelaporan Kewangan

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89214488

E-mel: intanmaiza@ukm.edu.com

Kamarul Baraini binti Keliwon (Dr.), Associate CPA

BAc(UUM), MAc(UKM), Ph.D(UKM)

Pelaporan Kewangan, Pelaporan Internet

Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GloBDE)

Tel: 603-89213428

E-mel: baraini@ukm.edu.my

Khairul Naziya binti Kasim (Dr.)

BAc (UKM), MAc(UKM), Ph.D(UKM)

Perakaunan Pengurusan dan Kawalan

Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GloBDE)

Tel: 603-89213567

E-mel: naziya@ukm.edu.my

Maizatul Akma binti Abdullah (Dr.)

BAc(UKM), MAc(Gothenburg), Ph.D(UKM)

Pelaporan dan Tadbir Urus Korporat

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89215732

E-mel: maizatul@ukm.edu.my

Mara Ridhuan bin Che Abdul Rahman (Dr.) Dipinjamkan ke UKM-GSB

BAc, MAc(UKM), Ph.D(Newcastle)

Pelaporan Kewangan, Pelaporan Naratif

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89214928

E-mel: mara@ukm.edu.my

Noorsakinah binti Abdul Wahab

MAc(Fin.)(Manchester Business School,UK), BAc(UiTM), Dip. Acc(UiTM)

Percukaian; Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89214488

E-mel: sakinahwahab@ukm.edu.my

Norida binti Basnan (Dr.)

BAc(UKM), MSoc. Sc(Birmingham), Ph.D(Massey)

Perakaunan Sektor Awam

Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID)

Tel: 603-89213415

E-mel: norida@ukm.edu.my

Norul Syuhada binti Abu Hassan

BAc(UiTM), MAc(UKM)

Percukaian, Perakaunan Sektor Awam

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89213436

E-mel: syuhada@ukm.edu.my

Rosiati binti Ramli (Dr.)

BAc(sheffield), MSc(Manchester), Ph.D(Macquire)

Percukaian, Cukai Alam Sekitar, Pelaporan Kewangan

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89213430

E-mel: rosie@ukm.edu.my

Siti Fatimah binti Abdul Rashid

BAc(UiTM), MSc(Strathclyde), DIA(UiTM)

Percukaian

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89214948

E-mel: fatimahrashid@ukm.edu.my

Syaima binti Adznan (Dr.)

BAc(UIAM), MSc Acc(UIAM), Ph.D (INCEIF)

Pelaporan Kewangan

Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GloBDE)

Tel: 603-89214478

E-mel : syaima@ukm.edu.my

Yusasniza binti Mohd Yunus (Dr.), CA(M)

BAc(UiTM), MSc(UUM), Ph.D(UKM),

Sistem Maklumat Perakaunan, Percukaian

Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GloBDE)

Tel: 603-89213720

E-mel: yusas@ukm.edu.my

Zaini binti Embong (Datin, Dr.)

Bac. Econs(Acc & Fin)(Manchester), Dip.Pend(UKM), SmPer, DBA(UKM)

Pelaporan Kewangan, Pelaporan Korporat, Tadbir Urus Korporat

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89214788

E-mel: zainiembong@ukm.edu.my

GIG AKADEMIK

Hamizah Bt Abdul Razak (Dr.)

BAcc(UKM), MAcc(UiTM), Ph.D(ARI,UiTM)

Strategic Management, Performance Information Use, Social Outcome & Impact Measurement and Reporting,

Knowledge Management, and Sustainability of Social Organisations.

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89215474

E-mel: hamizahabdrazak@ukm.edu.my

Siti Hajar Asmah binti Ali (Dr.)

BAcc(UM), MAcc(UiTM), Ph.D (UKM)

Audit, Hubungan Juruaudit, Tempoh Audit, Urusniaga Pihak Berkaitan, Pemegang Saham Mengawal

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel : 603-89213066

Emel: shajar.asmah@gmail.com

**PROGRAM PENTADBIRAN PERNIAGAAN
PROGRAM KEUSAHAWANAN DAN INOVASI**

PROFESOR

Aisyah binti Abdul Rahman (Dr.)

BSc(Lehigh Univ. Bethlehem), MBA(UKM), Ph.D(UIAM)
Kewangan, Perbankan Islam dan Konvensional, dan Pengurusan Risiko
Pusat Kajian Pembangunan Inklusif & Lestari (SID)
Tel: 603-89213007 E-mel: eychah@ukm.edu.my

Mohd Helmi Bin Ali (Ts. Dr) Dipinjamkan ke UKM-GSB

MGMT. Tech(Maritime Transportation UTM), MBA(IB)(UPM), Ph.D(Univ. of Nottingham)
Halal, Rantai Bekalan Makanan, Integriti Makanan, Kelestarian, Pengurusan Operasi, Pengangkutan
Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GloBDE)
Tel: 603-89213664 E-mel: mohdhelmiali@ukm.edu.my

Nor Asiah binti Omar (Dr.)

BBA(UIAM), MBA(UNITAR), Ph.D(UiTM), Postgraduate Diploma in Entrepreneurship (Cambridge,UK)
Pemasaran Perhubungan, Pemasaran Perkhidmatan, Tingkah Laku Pengguna, Peruncitan
Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)
Tel: 603-89213737 E-mel: norasiah@ukm.edu.my

Ruzita binti Abdul Rahim (Dr.)

BSc, MBA(SUNY), DBA(UKM)
Pelaburan (Pasar Ekuiti), Kewangan Korporat, dan Kewangan Antarabangsa
Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GloBDE)
Tel: 603-89215764 E-mel: ruzitaar@ukm.edu.my

Zafir Khan bin Mohamed Makhbul (Dr.) Dipinjamkan ke UKM-GSB

BBA(UUM), MBA(UKM), Ph.D(UTM)
Pengurusan Organisasi, Pengurusan Sumber Manusia, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Ergonomik, Pengurusan Stress
Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)
Tel: 603-89213440 E-mel: zafir@ukm.edu.my

PROFESOR MADYA

Abu Hanifah Ayob (Dr.)

BSc. In ICT(UTPetronas), MSc Management (Toulouse Business School), PhD (Toulouse Business School)

Tel: 603-89215612

E-mel: abuhanifah.ayob@ukm.edu.my

Che Aniza binti Che Wel (Dr)

BBA(UiTM), MSc(UPM), DBS, Ph.D(UPM)

Pengurusan Perhubungan Pelanggan, Pemasaran Perkhidmatan, Tingkah Laku Pengguna, Peruncitan

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Tel: 603-89213943

E-mel: aniza@ukm.edu.my

Lokhman Hakim Osman (Dr.) (Lt. Kdr. (B) TLDM)

BA(Michigan State Univ.), MMgt(UNSW), Ph.D(RMIT, Australia)

Pengurusan Peralatan dan Teknologi

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Tel: 603-89213722

E-mel: lokhman@ukm.edu.my

Md. Daud bin Ismail (Dr.)

BSc(Oklahoma City), MBA(UKM), Ph.D(Monash Univ.)

Prestasi Eksport, Orientasi Pembelajaran, PKS, Inovasi, Keusahawanan,

Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GloBDE)

Tel: 603-89214935

E-mel: mddaud@ukm.edu.my

Mohd. Hafizuddin Syah Bangaan Abdullah (Dr.)

BBA(UKM), MoRM (Monash), DBA (UKM), Certified in Quantitative Risk Management- CQRM (IIPER)

Pengurusan Risiko Organisasi (ERM), Pengurusan Risiko, Kewangan Korporat, Perancangan Kewangan

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89213616

E-mel: m_hafiz@ukm.edu.my

Mohd. Hasimi bin Yaacob (Dr.)

BBA Hons.(UKM), MBA(UPM), Ph.D(LaTrobe)

Kewangan Korporat, Tadbir Urus Korporat, Penggabungan dan Pemerolehan, Pelaburan, Kajian peristiwa

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89213732

E-mel: mhasimi@ukm.edu.my

Mohd. Hizam bin Hanafiah (Dr.)

BBA(UUM), MBA(UKM), Ph.D(Essex Univ.)

Keusahawanan, Francais, Pengurusan Strategik, Kajian Kegiatan Penganas
Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Tel: 603-89215762

E-mel: mhhh@ukm.edu.my

Noor Azuan binti Hashim (Dr.)

BSc Hons (University of Nebraska Lincoln, USA), MA (Eastern Michigan University, USA), Ph.D(University of Sheffield, UK), Postgraduate Diploma in Entrepreneurship (Cambridge Univ, UK)

Pengurusan Inovasi, Keusahawan Digital, E-dagang, Kepelbagaian Internet, Pengurusan Matematik

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Tel: 603-89214977

E-mel: azuan@ukm.edu.my

Nor Liza binti Abdullah (Datin Dr.)

BEC(UIAM), MBA(UKM), Ph.D(UM), Postgraduate Diploma in Entrepreneurship (Cambridge Univ, UK)

Pengurusan Strategik, Keupayaan Dinamik, Pengurusan Pengetahuan, Kepimpinan
Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89215743

E-mel: iza@ukm.edu.my

Norazlan bin Alias (Dr.)

BBA(Western Michigan), MBA(Hull), Ph.D(UPM)

Kewangan & Tadbir Urus Korporat

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-80213697

E-mel: norazlan@ukm.edu.my

Rasidah binti Arshad (Dr.)

BSBA(Univ. of Denver), MBA(Univ. of Denver), Ph.D(Manchester University)

Kelakuan Organisasi

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213760

E-mel: rasida@ukm.edu.my

Rohayu binti Abdul Ghani (Dr.)

BBA(UUM), MSPHRM(UT Arlington), Ph.D(Cranfield)

Pengurusan Ekspatriasi, Keseimbangan Kerja-Kehidupan, Pengurusan Sumber Manusia

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213605

E-mel: rohayu@ukm.edu.my

Rosmah binti Mat Isa (Dr.)

BBA(UIAM), MSc(Strathclyde Univ), Ph.D(Aston Univ.)

Knowledge Management, Social Capital

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213942

E-mel: rosmah@ukm.edu.my

Rubayah binti Yakob (Dr.)

BSC(UKM), MBA(UKM), Ph.D(UPM)

Pengurusan Risiko dan Insurans Hayat

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89213408

E-mel: rubayah@ukm.edu.my

Zaleha Yazid (Prof Madya Dr.)

BSc (UKM), MSc(UiTM), Ph.D(University of Strathclyde, UK)

Kepimpinan, Pengurusan Organisasi, Pengurusan Konflik, Pendekatan Kualitatif

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213569

E-mel: leyha@ukm.edu.my

Zizah binti Che Senik (Dr.)

BSc(Alabama), MBA(UKM), Dip. of Education(UIAM),

Ph.D (Murdoch), Postgraduate Diploma in Entrepreneurship (Cambridge,UK)

Perniagaan Antarabangsa, Pengantarabangsaan, PKS, Keusahawanan Antarabangsa

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213751

E-mel: zizahcs@ukm.edu.my

PENSYARAH

Abdullah Sanusi bin Othman

BSc. BA(Missouri-St.Louis), MBA(Saint Louis)

Kelakuan Organisasi, Pengurusan Strategik

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213579

E-mel: asza@ukm.edu.my

Ahmad Rafli bin Che Omar (Dr.)

BBA, MBA(UKM), PhD (UPM)

Kewangan, Keusahawanan

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213419

E-mel: rafli@ukm.edu.my

Elaina Rose Johar

Professional Degree in Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT)(UiTM),
MBA(UiTM), DBA(UiTM)

Pengurusan Sumber Manusia, Kelakuan Organisasi

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Tel: 603-89213413

E-mel: elainarose@ukm.edu.my

Farhana binti Sidek (Dr.)

BBA(UIAM), MBA(UKM), Ph.D(University of Waikato, NZ)

Etika Perniagaan, Pengurusan Strategik & Keusahawanan

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213616

E-mel: sfarhana@ukm.edu.my

Hafizah binti Omar Zaki (Dr.)

Diploma (MMC), BBA-Hons (MMU), MBA (UKM), PH.D (UM)

Pemasaran, Pemasaran Digital, Pengiklanan, Penjenamaan, Tingkahlaku
Pengguna

Pusat Kajian Perniagaan Global Dan Ekonomi Digital (GloBDE)

Tel: 603-89214488

E-mel: hafizah.omar@ukm.edu.my

Hamizah Abd Hamid (Dr.)

BBA(Hons)(UKM), MSc.(Hull), Ph.D(Otago)

Perniagaan Antarabangsa, Keusahawanan

Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GloBDE)

Tel: 603-89214488

E-mel: hamizah.h@ukm.edu.my

Hendon binti Redzuan (Dr.)

BSc(Western Ontario), MSc(Illinois), Ph.D(UTM)

Insurans Hayat, Insurans

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89213317

E-mel: hendon@ukm.edu.my

Ishak bin Hj. Abd. Rahman

BEc(Hons)(UM), MPA(UM)

Pengurusan Sumber Manusia, Keusahawanan

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213571

E-mel: haq@ukm.edu.my

Janette Marcial @ Nur Atiqah binti Abdullah (Dr.)

BEC, MBA(UKM), Ph.D(UKM)

Pengurusan Sumber Manusia, Kelakuan Organisasi

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213578

E-mel: atiq@ukm.edu.my

Kew Si Roei (Dr.)

BBA(UKM), MBA(UKM), Ph.D(Univ. of Newcastle, Australia)

Pelaburan, Kewangan

Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GloBDE)

Tel: 603-89215547

E-mel: srkew@ukm.edu.my

Lim Xin Jean (Dr.)

BBA, MSc., Ph.D (UTM)

Kelakuan Pengguna, Teknologi Pemasaran, Pemasaran Hubungan, Penyelidikan Kuantitatif, Pemasaran Dalam Talian

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89214488

E-mel: lim.xinjean@ukm.edu.my

Mohd Radzuan bin Rahid

BA Int. Business(Northumbria), MBA(UM)

Pengurusan dan Keusahawan, Perniagaan Antrabangsa

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213570

E-mel: radzuan@ukm.edu.my

Mohd. Rashan Shah Robuan (Dr.)

BEC(Osaka Univ), MBA(UPM), Ph.D(Univ. of Seville)

Pendidikan Keusahawanan, Keusahawanan, Pengurusan Strategik

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89215612

E-mel: rashan@ukm.edu.my

Nadzirah Binti Rosli (Dr.)

B.Sn.Sos. (UKM), MBA (UKM), Ph.D (UM)

Kelakuan Pengguna, Pemasaran Perkhidmatan, Penjenamaan

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Tel: 603-89213958

E-mel: nadzirah.rosli@ukm.edu.my

Noor Hasni Juhdi (Dr.)

BBA(Univ. Miami), MMgt(UPM), DBA(UKM-GSB)

Keusahawanan, Perniagaan Kecil & Sederhana, Pengurusan

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Tel: 603-89213567

E-mel: n_hasni@ukm.edu.my

Noor Azryani binti Auzairy (Dr.)

BBA(Lamar Univ. Texas), MBA(UIAM), PhD(UM)

Kewangan Antarabangsa, Teknologi Kewangan, Gelagat Kewangan, Pengurusan Kewangan

Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital GloBDE)

Tel: 603-89213461

E-mel: azryani@ukm.edu.my

Norazila binti Mat (Dr.)

DBS(ITM), BBA(UKM), MBA(UKM), Ph.D (Aston Univ. UK)

Pembelajaran Organisasi, Pengurusan Pengetahuan, Sistem Maklumat Pengurusan, Pembelajaran Dalam Talian dan Kelakuan Organisasi.

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Tel: 603-89214835

E-mel: norazila@ukm.edu.my

Norhafizah Abu Hasan (Dr.)

BBA(UKM), MBA(UM), Ph.D(Univ. of Kent, UK)

Pengurusan Sumber Manusia, Pemindahan Pengetahuan, Pengurusan Bakat, PKS

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Tel: 603-89215739

E-mel: norhafizah1@ukm.edu.my

Nur Sa'adah Muhamad (Dr.)

LL.B (UIAM), LL.B_S(UIAM), MBA(UKM), DBA(UKM-GSB)

Pengurusan Organisasi/Strategik, Inovasi Sosial, Pengurusan Berasaskan Nilai,

Pengurusan Perkhidmatan, Perkhidmatan Berasaskan Islam, Kajian Kualitatif

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-89213700

E-mel: nurs@ukm.edu.my

Nurul Atasha binti Jamaludin (Dr.)

BBA(UKM), MBA(UKM), Ph.D(UKM)

Keusahawanan, Keusahawanan Imigran, Modal Sosial, Penyelidikan Kualitatif

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Manusia (INSAN)

Tel: 603-8921 5479

E-mel: nurulataasha@ukm.edu.my

Roshayati binti Abd. Hamid (Dr.)

BBA(UUM), MBA(UKM), DBA(UKM-GSB)

Tingkhilaku Organisasi, Pengurusan Rantailan Bekalan, Pengurusan Kualiti,

Pengurusan Operasi.

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Tel: 603-89215932

E-mel: wanrose@ukm.edu.my

Sharizal Bin Hashim (Dr.)

BEB (UNIMAS), MBA (UM), Ph.D (UKM)

Pengurusan Penjenamaan Strategik, Pemasaran Strategik, Keusahawanan,
Perniagaan Digital, Gelagat Pengguna

Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GloBDE)

Tel: 603-89213307

E-mel: hsharizal@ukm.edu.my

Shifa Mohd. Nor (Dr.)

BBA(UIAM), MA(Loughborough Univ.), Ph.D(Durham, Univ. UK)

Tanggungjawab Sosial Korporat, Etika Perniagaan, Perbankan Islam, Perbankan
Sosial

Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)

Tel: 603-89213450

E-mel: shifa@ukm.edu.my

Siti Ngayesah Ab. Hamid (Dr.)

BBA (hons) Marketing (UiTM), Msc. Marketing (IIUM), PhD (IIUM)

Pemasaran Islamik, Penjenamaan, Gelagat Pengguna

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN)

Tel: 603-89213755

E-mel: ctngayesah@ukm.edu.my

Syajarul Imna Mohd Amin (Dr.)

BBA(UKM), MBA(UKM), Ph.D(INCEIF)

Kewangan Islam, Perbankan, Pengurusan Risiko

Pusat Kajian Pembangunan Inklusif & Lestari (SID)

Tel: 603-89213965

E-mel: imna@ukm.edu.my

Tee Lain Tze (Dr.)

BBA(UKM), MBA(UKM), Ph.D(Univ. of Newcastle, Australia)

Pelaburan, Kewangan

Pusat Kajian Perniagaan Global & Ekonomi Digital (GloBDE)

Tel: 603-89215547

E-mel: jrtee@ukm.edu.my

Wong Wai Yan (Dr.)

B.Mgmt.(USM), M.A.(USM), Ph.D.(USM)

Kewangan Korporat, Tadbir Urus Korporat

Pusat Kajian Perniagaan Global & Ekonomi Digital (GloBDE)

Tel: 603-89215910

E-mel: wongwy@ukm.edu.my

WAWASAN, MISI DAN MATLAMAT FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

Wawasan

Menjadi fakulti terpilih yang memangkin dan menjana ilmu untuk pembangunan ekonomi, perniagaan dan profesion bagi kesejahteraan negara dan masyarakat sejagat.

Misi

Bertekad menjadi pusat kecemerlangan ilmu pengurusan perniagaan, perakaunan dan ekonomi melalui gabungan ilmu dan amalan yang mulia, profesionalisme yang tinggi dan perkembangan terkini.

Matlamat

- Memupuk kesarjanaan dan kecemerlangan pendidikan, penyelidikan dan pengembangan ilmu.
- Melahirkan graduan berpengetahuan, berketrampilan, beretika dan berpandangan global.
- Menghasilkan graduan berwibawa dalam profesionnya.
- Menyebarkan ilmu dan kepakaran kepada masyarakat.

LATAR BELAKANG FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

Sejarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM dirintis dengan tertubuhnya Jabatan Ekonomi dan Perdagangan di Fakulti Sastera pada tahun 1970 di kampus UKM Lembah Pantai Kuala Lumpur, seusia dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kemudian dinaikkan ke peringkat fakulti pada 1 Januari 1974 dengan nama Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.

Perkembangan ilmu ekonomi dan perniagaan serta permintaan pasaran guna tenaga yang semakin meningkat telah melahirkan idea untuk memisahkan fakulti ini kepada dua buah fakulti yang berasingan iaitu Fakulti Ekonomi dan Fakulti Pengurusan Perniagaan. Pengasingan fakulti ini telah berlaku pada 16 Mei 1979. Setelah 18 tahun berlalu pada bulan Ogos 1997, Pengurusan UKM telah bersetuju untuk menggabungkan beberapa fakulti berdasarkan susunan atau rumpun ilmu. Bermula tahun 1999 semua fakulti dalam rumpun sains telah disatukan dan menjadi Fakulti Sains dan Teknologi. Pada tahun 2001 Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Fakulti Sains Pembangunan dan Fakulti Pengajian Bahasa distruktur semula sebagai Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Pada 1 April 2004, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan telah ditubuhkan iaitu gabungan antara Fakulti Ekonomi dengan Fakulti Pengurusan Perniagaan. Pemilihan nama Fakulti Ekonomi dan Perniagaan membayangkan disiplin utama ilmu dalam bidang ekonomi, pengurusan perniagaan dan perakaunan serta mencerminkan kesepaduan ilmu yang mempunyai epistemologi sepunya. Fakulti Ekonomi dan Perniagaan ini mempunyai empat pusat pengajian iaitu Pusat Pengajian Ekonomi, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Pusat Pengajian Perakaunan dan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan.

Bagi mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan pengajian siswazah pentadbiran perniagaan bertaraf antarabangsa, Graduate School of Business (UKM-GSB) telah diwujudkan bagi menggantikan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan pada 1 Januari 2008. UKM-GSB ini menguruskan penawaran Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Doktor Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Perakaunan, manakala program pascasiswazah dalam bidang ekonomi diurus oleh Fakulti Ekonomi dan Perniagaan yang ditadbir di bawah pengurusan pejabat dekan. Pada Ogos 2010, Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan nama baru Fakulti Ekonomi dan

Perniagaan kepada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, manakala Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan ditukar kepada Pusat Pengajian Pengurusan.

Pada 7 Mei 2014, Mesyuarat Pengurusan Universiti telah bersetuju untuk meluluskan penstrukturan tadbir urus UKM dan usaha ini seterusnya melibatkan penstrukturan semula fakulti. Pada Julai 2018, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan telah distrukturkan semula dengan mewujudkan portfolio penolong-penolong dekan dan pusat-pusat penyelidikan yang baharu bagi menggantikan pusat pengajian iaitu Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID), Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE), Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GLOBDE) dan Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN).

Ijazah pertama yang ditawarkan oleh Fakulti Ekonomi dan Pengurusan ialah Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dan Inovasi dengan Kepujian.

Fakulti juga menawarkan program di peringkat Pascasiswazah iaitu Program Sarjana Perakaunan, Sarjana Perdagangan, Sarjana Ekonomi, Sarjana Ekonomi Islam, Sarjana Pentadbiran Awam dan Kepimpinan, Sarjana Keusahawanan dan Inovasi, Doktor Falsafah Ekonomi dan Doktor Falsafah.

JENIS-JENIS KURSUS

Pelajar perlu lulus kursus-kursus di bawah:

- Wajib Universiti
- Citra Universiti
- Wajib Fakulti
- Wajib Program
- Elektif Program

Bilangan kredit yang perlu dipenuhi adalah seperti dalam jadual di bawah.

Bil	Program	Kursus				
		Wajib Universiti	*Citra Universiti	**Wajib Fakulti	Wajib Program	Elektif
1	Ekonomi (BE)	10	30	29/31	66	6
2	Pentadbiran Perniagaan (BBA)	10	30	29/31	66	6
3	Keusahawanan & Inovasi (BEI)	10	30	29/31	66	6
4	Perakaunan (BAC)	10	20	29/31	79	12

*Pelajar perlu memenuhi keperluan minima 2 unit setiap domain C1-C6

** Pelajar MUET Band 1.0 - 2.5 = 31 kredit, pelajar MUET Band 3.0 dan ke atas = 29 kredit

1. Kursus Wajib Universiti : 10 kredit

Bil	Kod	Kursus	Kredit
1	LMCW1022	Asas Keusahawanan dan Inovasi	2
2	LMCW2022	Pengurusan dan Analitik Data	2
3	LMCW2143	Falsafah dan Isu Semasa	3
4	LMCW2153	Penghayatan Etika dan Peradaban	3

2. Kursus Citra Universiti

Kursus citra universiti perlu memenuhi keperluan minima 2 unit setiap domain seperti berikut:

Bil	Domain	Nama Domain	Kredit
1	C1	Literasi Bahasa dan Komunikasi	2
2	C2	Pemikiran Kritis dan Reka Cipta	2
3	C3	Literasi Sastera, Budaya dan Ketamadunan	2
4	C4	Literasi Sains, Teknologi dan Kesihatan	2
5	C5	Keusahawanan dan Tanggungjawab Sosial	2
6	C6	Keterampilan Diri dan Pasukan	2
Jumlah			12

Senarai lengkap kursus citra boleh diperolehi daripada Buku Panduan Prasiswazah Pusat Pengajian Citra Universiti (PPCU), UKM Sesi 2023/2024 yang boleh dimuat turun di laman sesawang PPCU.

3. Kursus Wajib Fakulti (WF): 29/31 Kredit

Pelajar program Sarjana Muda Perakaunan perlu lulus semua kursus Wajib Fakulti seperti berikut:

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPD1013	Mikroekonomi I	3
2	EPPD1023	Makroekonomi I	3
3	EPPD1033	Prinsip Perakaunan	3
4	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
5	EPPD1053	Pengantar Pengurusan	3
6	EPPD1073	Komunikasi Perniagaan Kontemporari	3
7	EPPD1083	Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
8	EPPD2043	Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat	3
9	LMCE1042	Breakthrough English (Band 1, 2.0, 2.5)	2
10	LMCE1052	Bridging English (Band 1.0, 2.0, 2.5)	2
11	LMCE1062 / LMCE1072 / LMCE1082	Academic Interactions (Band 1.0, 2.0, 2.5, 3.0, 3.5) Academic Literacy (Band 4.0, 4.5) Page To Stage (Band 5.0, 5+)	2
12	LMCE2082 / LMCE2092 / LMCE2103	Pro Talk English (Band 3.0, 3.5) Speak to Persuade (Band 4.0, 4.5) Advanced Communication Project (Band 5.0, 5+)	2
13	LMCE3051 / LMCE3061 / LMCE3071	Let's Get Talking (Band 1.0, 2.0, 2.5) Corporate StoryTelling (Band 3.0, 3.5) Professional Communications (Band 4.0, 4.5)	1
Jumlah			*29/31

*Pelajar MUET Band 1.0 - 2.5 = 31 kredit, pelajar MUET Band 3.0 dan ke atas = 29 kredit

Pelajar program Sarjana Muda Ekonomi, Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Muda Keusahawanan dan Inovasi perlu lulus semua kursus Wajib Fakulti seperti berikut:

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPD1013	Mikroekonomi I	3
2	EPPD1023	Makroekonomi I	3
3	EPPD1033	Prinsip Perakaunan	3
4	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
5	EPPD1053	Pengantar Pengurusan	3
6	EPPD1063	Aplikasi Komputer	3
7	EPPD2023	Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
8	EPPD2033	Perniagaan Mengikuti Perspektif Islam	3
9	LMCE1042	Breakthrough English (Band 1, 2.0, 2.5)	2
10	LMCE1052	Bridging English (Band 1.0, 2.0, 2.5)	2
11	LMCE1062 / LMCE1072 / LMCE1082	Academic Interactions (Band 1.0, 2.0, 2.5, 3.0, 3.5) Academic Literacy (Band 4.0, 4.5) Page To Stage (Band 5.0, 5+)	2
12	LMCE2082 / LMCE2092 / LMCE2103	Pro Talk English (Band 3.0, 3.5) Speak to Persuade (Band 4.0, 4.5) Advanced Communication Project (Band 5.0, 5+)	2
13	LMCE3051 / LMCE3061 / LMCE3071	Let's Get Talking (Band 1.0, 2.0, 2.5) Corporate StoryTelling (Band 3.0, 3.5) Professional Communications (Band 4.0, 4.5)	1
Jumlah			*29/31

*Pelajar MUET Band 1.0 - 2.5 = 31 kredit, pelajar MUET Band 3.0 dan ke atas = 29 kredit

Pengambilan Kursus Bahasa Inggeris

1. Pelajar **WAJIB** melengkapkan jumlah kredit kursus Bahasa Inggeris seperti berikut:
 - i. **7 kredit** (MUET tahap 1.0, 2.0 dan 2.5)
 - ii. **5 kredit** (MUET tahap 3.0, 3.5, 4.0, 4.5., 5.0 dan 5+) (Rujuk Pekeliling Pusat Pengajian Citra Bil1/2022)
2. Pelajar yang belum mengambil MUET tidak dibenarkan mendaftar kursus Bahasa Inggeris (kemasukan luar UPU).
3. Pelajar yang mempunyai kelulusan IELTS, TOEFL atau sijil kelulusan yang lain boleh mendaftar kursus Bahasa Inggeris dengan mengemukakan bukti kelulusan kepada Penyelaras Kursus Bahasa Inggeris Pusat Citra Universiti (PCU).
4. Pelajar-pelajar berikut layak memohon pemindahan kredit kursus Bahasa Inggeris secara menegak:
 - i. Diploma (Politeknik dan Kolej IPTA/IPTS/Institusi Luar Negara); atau
 - ii. Diploma IB (International Baccalaureate).
 - iii. Pelajar perlu mengisi *Borang Pemindahan Kredit Secara Menegak* secara terus kepada Pusat Citra Universiti.
5. Pelajar-pelajar berikut layak memohon pemindahan kredit kursus Bahasa Inggeris secara mendatar:
 - i. pelajar telah mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di institusi lain;
 - ii. pelajar bertukar program pengajian di UKM; dan
 - iii. pelajar mengikuti program pertukaran pelajar (mobiliti) di luar negara.
 - iv. Pelajar perlu mengisi *Borang Pemindahan Kredit Secara Mendatar* secara terus kepada Pusat Citra Universiti.
6. Kursus yang boleh dipohon untuk pemindahan kredit adalah LMCE1042/1062/1072/1082 bergantung kepada tahap pencapaian MUET.
7. Pelajar yang membuat permohonan pemindahan kredit perlu mendapat pengesahan dari Akademik-UKM terlebih dahulu dan hanya boleh mendaftar kursus Bahasa Inggeris pada Semester II.

8. Pelajar wajib mendaftar kursus Bahasa Inggeris mengikut turutan yang ditetapkan oleh Pusat Citra Universiti.

MUET Band 1.0, 2.0, & Band 2.5 (7 Kredit)

- a. LMCE1042 Breakthrough English
- b. LMCE1052 Bridging English
- c. LMCE1062 Academic Interactions
- d. LMCE3051 Let's Get Talking

MUET Band 3.0 & 3.5 (5 Kredit)

- a. LMCE1062 Academic Interactions
- b. LMCE2082 Pro Talk English
- c. LMCE3061 Corporate Storytelling

MUET Band 4 & 4.5 (5 Kredit)

- a. LMCE1072 Academic Literacy
- b. LMCE2092 Speak to Persuade
- c. LMCE3071 Professional Communication

MUET Band 5.0 ke atas (5 Kredit)

- a. LMCE1082 Page to Stage
- b. LMCE2103 Advanced Communication Project

SINOPSIS KURSUS WAJIB FAKULTI (WF)

EPPD1013 Mikroekonomi I

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang model, konsep dan metodologi mikroekonomi dalam memahami masalah ekonomi pada peringkat pengguna dan firma. Pelajar akan didedahkan kepada tajuk-tajuk utama mikroekonomi meliputi aspek permintaan, penawaran, keseimbangan harga, keanjalan, teori pilihan pengguna, fungsi pengeluaran, kos dan struktur pasaran. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pendekatan mikroekonomi dalam menyelesaikan masalah persekitaran ekonomi dan pengurusan.

EPPD1023 Makroekonomi I

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang konsep asas makroekonomi yang meliputi pengukuran dan keseimbangan pendapatan negara, peranan bank pusat, bank perdagangan dan proses penciptaan kredit, pasaran wang dan penentuan kadar bunga, implikasi dasar fiskal dan monetari terhadap pendapatan negara, pengangguran dan inflasi, perdagangan antarabangsa, imbalan pembayaran dan pasaran pertukaran asing serta globalisasi dan pertumbuhan ekonomi. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaitkan ilmu tersebut dengan isu ekonomi semasa dalam persekitaran global dan setempat.

EPPD1033 Prinsip Perakaunan

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan prinsip asas serta rasional yang mendasari amalan perakaunan. Kitaran perakaunan disentuh secara terperinci yang meliputi proses penjumlahan, pengeposan, penyediaan imbalan duga, pelarasan, penyediaan penyata kewangan dan catatan penutup. Perbincangan meliputi kitaran perakaunan bagi jenis operasi berbeza seperti perniagaan perkhidmatan, pembarangan dan perkilangan serta konteks pemilikan berbeza yang meliputi pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi tidak bermotifkan keuntungan.

EPPD1043 Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan

Kursus ini memberi kefahaman kepada pelajar beberapa aspek asas dalam matematik yang meliputi fungsi, matriks, matematik kewangan, had, keselajaran,

perbezaan dan pengamiran. Aplikasi dalam bidang ekonomi turut dibincangkan untuk setiap tajuk tersebut. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dapat menganalisis masalah ekonomi dan perniagaan dengan menggunakan teknik-teknik matematik yang telah dibincangkan.

EPPD1053 Pengantar Pengurusan

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada pengurusan perniagaan. Ia mendedahkan kepada pelajar konsep dan teori asas pengurusan dan pentadbiran organisasi. Tajuk-tajuk utama merangkumi pemikiran pengurusan, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan motivasi, pengawalan kualiti dan prestasi, budaya korporat dan komunikasi dalam menguruskan sesebuah organisasi. Kursus ini turut membincangkan tentang amalan-amalan terbaik pengurusan terkini dalam pembentukan dan pengkalan daya saing organisasi.

EPPD2023 Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan / EPPD1083 Statistik untuk Ekonomi dan Pengurusan

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai konsep dan kaedah statistik yang digunakan dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Perbincangan akan meliputi pengenalan kepada statistik, perihal data secara visual dan numerik, pengenalan kepada kebarangkalian, taburan kebarangkalian selanjar, taburan pensampelan, penganggaran, ujian hipotesis, analisis varian, ujian khi-kuasa dua, kaedah statistik tak berparameter, analisis kolerasi, dan analisis regresi. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh mentafsir maklumat statistik yang diperolehi dalam konteks ekonomi dan perniagaan.

EPPD2043 Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat

Secara umumnya kursus ini membincangkan etika dan tanggungjawab sosial korporat berdasarkan perspektif Teori Pemegang Kepentingan yang menekankan bahawa perniagaan dan masyarakat adalah sebahagian daripada sistem yang saling berinteraksi dan bergantung antara satu sama lain. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan termasuklah hubungan di antara perniagaan dan masyarakat, persekitaran sosial, persekitaran etika, kerajaan, alam sekitar, perubahan teknologi, dan pemegang kepentingan. Para pelajar akan didedahkan kepada konsep dan teori

etika dan tanggungjawab sosial korporat, isu-isu semasa dan masalah berkaitan dengan etika dan tanggungjawab sosial korporat. Melalui kursus ini juga, pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan melalui keterlibatan dengan aktiviti kesukarelawanan. Pelajar dikehendaki memilih satu daripada empat modul kesukarelawanan yang ditawarkan, iaitu: 1) modul alam sekitar, 2) modul kepenggunaan, 3) modul perniagaan sosial, dan 4) modul khidmat masyarakat. Di penghujung kursus, pelajar dikehendaki mengaplikasikan teori dan pengetahuan yang telah dipelajari dalam kes-kes sebenar berkaitan etika dan tanggungjawab sosial perniagaan.

EPPD1073 Komunikasi Perniagaan Kontemporari

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini melatih pelajar cara untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi sebagai asas kejayaan dalam alam pekerjaan. Kursus ini membolehkan pelajar memahami faktor-faktor yang akan menjamin komunikasi yang efektif. Pelajar akan diajar tentang pelbagai elemen kemahiran komunikasi seperti komunikasi silang budaya, komunikasi lisan dan bukan lisan. Pelajar akan mengetahui cara berkomunikasi ketika berada dalam situasi berbeza, dalam kumpulan kerja, mendengar secara efektif, serta menggunakan teknologi untuk berkomunikasi dengan lebih efektif dan produktif. Pelajar juga akan didedahkan kepada penulisan resume dan penyediaan resume video bagi memenuhi tuntutan terkini industri, seterusnya dibimbing melalui satu sesi mock interview sebagai latihan persediaan temuduga pekerjaan.

SARJANA MUDA EKONOMI DENGAN KEPUJIAN



PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI DENGAN KEPUJIAN

Melahirkan graduan yang peka dengan isu ekonomi semasa dan berupaya untuk menyumbangkan idea dalam perancangan yang berteraskan prinsip dan teori ekonomi.

Objektif Pembelajaran Program (OPP)

- a. Memenuhi keperluan negara dengan menghasilkan modal insan yang berilmu, berketerampilan, beretika dan kompeten dalam alam pekerjaan
- b. Memenuhi tuntutan keilmuan dalam bidang ekonomi yang bermanfaat kepada masyarakat
- c. Menyediakan peluang perkembangan ilmu ekonomi menerusi peningkatan dalam keupayaan penyelidikan

Hasil Pembelajaran Program Sarjana Muda Ekonomi

Program ini dirangka untuk menghasilkan graduan yang mampu:

1. Memahami dan menguasai teori dan konsep ilmu ekonomi.
2. Mengaplikasi pendekatan ekonomi dalam menyelesaikan masalah negara dan masyarakat sejagat.
3. Berupaya membuat keputusan secara rasional dan kritikal berpandukan fakta.
4. Berkomunikasi secara berkesan dengan pelbagai pihak berkepentingan.
5. Memiliki kemahiran sosial dan Tanggungjawab.
6. Bersifat terbuka terhadap perubahan teknologi dan idea baharu melalui pembelajaran sepanjang hayat.
7. Menguasai kemahiran Pengurusan dan Keusahawanan.
8. Beretika dan professional.

Program Sarjana Muda Ekonomi

Program pengajian yang ditawarkan ialah Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian dalam bidang pengkhususan berikut:

- Ekonomi Industri dan Antarabangsa
- Ekonomi Monetari dan Fiskal
- Ekonometrik dan Statistik Gunaan
- Ekonomi Islam
- Ekonomi Pembangunan dan Sumber Manusia

Program Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Keupujian

Kursus Wajib Fakulti (WF) - 29/31 kredit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPD1013	Mikroekonomi I	3
2	EPPD1023	Makroekonomi I	3
3	EPPD1033	Prinsip Perakaunan	3
4	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
5	EPPD1053	Pengantar Pengurusan	3
6	EPPD1063	Aplikasi Komputer	3
7	EPPD2023	Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
8	EPPD2033	Perniagaan Mengikuti Perspektif Islam	3
9	LMCE1042	Breakthrough English (Band 1, 2.0, 2.5)	2
10	LMCE1052	Bridging English (Band 1.0, 2.0, 2.5)	2
11	LMCE1062 / LMCE1072 / LMCE1082	Academic Interactions (Band 1.0, 2.0, 2.5, 3.0, 3.5) Academic Literacy (Band 4.0, 4.5) Page To Stage (Band 5.0, 5+)	2
12	LMCE2082 / LMCE2092 / LMCE2103	Pro Talk English (Band 3.0, 3.5) Speak to Persuade (Band 4.0, 4.5) Advanced Communication Project (Band 5.0, 5+)	2
13	LMCE3051 / LMCE3061 / LMCE3071	Let's Get Talking (Band 1.0, 2.0, 2.5) Corporate Story Telling (Band 3.0, 3.5) Professional Communications (Band 4.0, 4.5)	1
Jumlah			*29/31

*Pelajar MUET Band 1.0 - 2.5 = 31 kredit, pelajar MUET Band 3.0 dan ke atas = 29 kredit

Kursus Wajib Program (WP) - 48 kredit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPE2014	Mikroekonomi II	4
2	EPPE2024	Makroekonomi II	4
3	EPPE2033	Prinsip Ekonomi Islam	3
4	EPPE2044	Kalkulus untuk Ekonomi	4
5	EPPE2053	Ekonomi Malaysia	3
6	EPPM2063	Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat	3
7	EPPE3014	Kaedah Penyelidikan	4
8	EPPE3023	Ekonomi Antarabangsa	3
9	EPPE3033	Perkembangan Pemikiran Ekonomi	3
10	EPPE3043	Ekonomi Pembangunan	3
11	EPPE3098	Latihan Industri	8
12	EPPE3996	Kertas Ilmiah	6

Kursus Wajib Modul (WM) - 18 kredit

Kursus Wajib Modul adalah sebilangan kursus bidang pengkhususan yang ditetapkan oleh program. Pelajar perlu lulus 18 kredit kursus termasuk kursus yang bertanda * daripada modul pilihan seperti berikut:

1. Modul Ekonomi Industri dan Antarabangsa

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPE2113	Organisasi Industri*	3
2	EPPE2123	Statistik untuk Kajian Industri	3
3	EPPE2133	Kerajaan dan Pembangunan Industri*	3
4	EPPE3113	Ekonomi dan Pengurusan Pengangkutan	3
5	EPPE3123	Industri dan Perniagaan Antarabangsa*	3
6	EPPE3133	Institusi dan Perniagaan Antarabangsa	3
7	EPPE3143	Ekonomi Perdagangan Antarabangsa*	3
8	EPPE3213	Ekonomi Monetari Antarabangsa	3
9	EPPE3553	Ekonomi Buruh	3
10	EPPE3563	Hubungan Industri	3
11	EPPE3683	Perdagangan dan Alam Sekitar	3
12	EPPM2033	Perniagaan Antarabangsa	3

2. Modul Ekonomi Monetari dan Fiskal

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPE2213	Ekonomi Monetari*	3
2	EPPE2223	Perbelanjaan Awam*	3
3	EPPE3143	Ekonomi Perdagangan Antarabangsa	3
4	EPPE3213	Ekonomi Monetari Antarabangsa*	3
5	EPPE3223	Ekonomi Pencucuaian*	3
6	EPPE3233	Pasaran Hadapan dan Opsyen	3
7	EPPE3243	Pengurusan Organisasi Awam	3
8	EPPE3253	Ekonomi Kewangan Mikro	3
9	EPPE3263	Pasaran Kewangan dan Perbankan	3
10	EPPE3273	Ekonomi Dasar Sosial	3
11	EPPE3413	Dasar Fiskal dan Kewangan Islam	3
12	EPPA3023	Percucuaian I	3

3. Modul Ekonometrik dan Statistik Gunaan

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPE2313	Pengantar Ekonometrik*	3
2	EPPE2323	Pengantar Penyelidikan Kendalian*	3
3	EPPE2333	Analisis Data Ekonomi	3
4	EPPE2343	Pengantar Sistem Maklumat	3
5	EPPE2353	Kaedah Persampelan	3
6	EPPE2363	Analisis Statistik Sosio-Ekonomi	3
7	EPPE3313	Ekonometrik Pertengahan*	3
8	EPPE3323	Statistik Penakbiran*	3
9	EPPE3333	Kaedah-kaedah Statistik	3
10	EPPE3343	Penyelidikan Kendalian Pertengahan	3
11	EPPE3353	Analisis Siri Masa dan Peramalan	3
12	EPPE3363	Tajuk Terpilih dalam Ekonometrik	3

4. Modul Ekonomi Islam

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPE2413	Analisis Ekonomi Islam*	3
2	EPPE2423	Pengenalan Kepada Fiqh Ekonomi*	3
3	EPPE2433	Perbankan Islam*	3
4	EPPE3413	Dasar Fiskal dan Kewangan Islam*	3

5	EPPE3423	Perkembangan Pemikiran Ekonomi Islam	3
6	EPPE3433	Perbandingan Sistem Ekonomi	3
7	EPPE3443	Institusi Ekonomi Islam	3
8	EPPE4153	Perakaunan untuk Instrumen Kewangan Islam dan Zakat	3
9	PPPG1143	Undang-undang Kontrak Perniagaan	3
10	PPPG2173	Fiqh Muamalat I	3
11	PPPG3163	Undang-undang Pentadbiran Pusaka, Wasiat, dan Wakaf	3
12	PPPG3263	Fiqh Muamalat II	3

5. Modul Ekonomi Pembangunan dan Sumber Manusia

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPE2513	Analisis Demografi Ekonomi	3
2	EPPE2523	Analisis Sosial dan Politik dalam Pembangunan	3
3	EPPE2533	Pertumbuhan Ekonomi dan Agihan*	3
4	EPPE3513	Perancangan Pembangunan dan Penilaian Projek*	3
5	EPPE3523	Ekonomi Pembangunan Sumber Manusia*	3
6	EPPE3533	Pembangunan Ekonomi Asia	3
7	EPPE3543	Ekonomi Bandar dan Wilayah	3
8	EPPE3553	Ekonomi Buruh	3
9	EPPE3563	Hubungan Industri	3
10	EPPE3573	Ekonomi Pembangunan Antarabangsa*	3
11	EPPE3583	Piawaiian Buruh Antarabangsa	3
12	EPPM3214	Pengurusan Sumber Manusia	4

Kursus Elektif (PB) - 6 unit

Pelajar perlu mengambil 2 kursus di luar modul/program/ Fakulti/ kursus Citra Luar Fakulti berjumlah tiga (3) kredit bagi satu kursus.

SINOPSIS KURSUS WAJIB FAKULTI (WF)

EPPD1013 Mikroekonomi I

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang model, konsep dan metodologi mikroekonomi dalam memahami masalah ekonomi pada peringkat pengguna dan firma. Pelajar akan didedahkan kepada tajuk-tajuk utama mikroekonomi meliputi aspek permintaan, penawaran, keseimbangan harga,

keanjalan, teori pilihan pengguna, fungsi pengeluaran, kos dan struktur pasaran. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pendekatan mikroekonomi dalam menyelesaikan masalah persekitaran ekonomi dan pengurusan.

EPPD1023 Makroekonomi I

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang konsep asas makroekonomi yang meliputi pengukuran dan keseimbangan pendapatan negara, peranan bank pusat, bank perdagangan dan proses penciptaan kredit, pasaran wang dan penentuan kadar bunga, implikasi dasar fiskal dan monetari terhadap pendapatan negara, pengangguran dan inflasi, perdagangan antarabangsa, imbangan pembayaran dan pasaran pertukaran asing serta globalisasi dan pertumbuhan ekonomi. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaitkan ilmu tersebut dengan isu ekonomi semasa dalam persekitaran global dan setempat.

EPPD1033 Prinsip Perakaunan

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan prinsip asas serta rasional yang mendasari amalan perakaunan. Kitaran perakaunan disentuh secara terperinci yang meliputi proses penjumlahan, pengeposan, penyediaan imbangan duga, pelarasan, penyediaan penyata kewangan dan catatan penutup. Perbincangan meliputi kitaran perakaunan bagi jenis operasi berbeza seperti perniagaan perkhidmatan, pembarangan dan perkilangan serta konteks pemilikan berbeza yang meliputi pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi tidak bermotifkan keuntungan.

EPPD1043 Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan

Kursus ini memberi kefahaman kepada pelajar beberapa aspek asas dalam matematik yang meliputi fungsi, matriks, matematik kewangan, had, keselajaran, perbezaan dan pengamiran. Aplikasi dalam bidang ekonomi turut dibincangkan untuk setiap tajuk tersebut. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dapat menganalisis masalah ekonomi dan perniagaan dengan menggunakan teknik-teknik matematik yang telah dibincangkan.

EPPD1053 Pengantar Pengurusan

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada pengurusan perniagaan. Ia mendedahkan kepada pelajar konsep dan teori asas pengurusan dan pentadbiran organisasi. Tajuk-tajuk utama merangkumi pemikiran pengurusan, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan motivasi, pengawalan kualiti dan prestasi, budaya korporat dan komunikasi dalam menguruskan sesebuah organisasi. Kursus ini turut membincangkan tentang amalan-amalan terbaik pengurusan terkini dalam pembentukan dan pengkalan daya saing organisasi.

EPPD1063 Aplikasi Komputer

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang konsep asas sistem maklumat dan penggunaan praktikal aplikasi komputer terkini dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Kursus ini memperkenalkan konsep teknologi maklumat seperti perkakasan, perisian, sistem pengoperasian, konsep pangkalan data, rangkaian, internet dan telekomunikasi. Elemen utama kursus ini merangkumi lima aplikasi komputer yang asas bagi kegunaan dalam pengurusan dan perniagaan iaitu aplikasi Microsoft Office yang terdiri daripada Word, Excel, Powerpoint dan Access.

EPPD2023 Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai konsep dan kaedah statistik yang digunakan dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Perbincangan akan meliputi pengenalan kepada statistik, perihal data secara visual dan numerik, pengenalan kepada kebarangkalian, taburan kebarangkalian selanjar, taburan pensampelan, penganggaran, ujian hipotesis, analisis varian, ujian khi-kuasa dua, kaedah statistik tak berparameter, analisis kolerasi, dan analisis regresi. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh mentafsir maklumat statistik yang diperolehi dalam konteks ekonomi dan perniagaan.

EPPD2033 Perniagaan Mengikut Perspektif Islam

Matlamat utama kursus ini adalah untuk memberi pemahaman kepada pelajar-pelajar terhadap asas-asas perniagaan menurut perspektif Islam. Pelajar didedahkan dengan konsep-konsep asas perniagaan dalam Islam, instrumen-instrumen kewangan Islam dan etika pengurusan Islam. Kursus ini juga akan meningkatkan pengetahuan pelajar untuk membezakan teknik-teknik urusniaga

yang dianjurkan Islam dengan urusanniaga konvensional. Di samping itu juga, kursus ini akan membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan asas perniagaan menurut perspektif Islam.

SINOPSIS KURSUS WAJIB PROGRAM (WP)

EPPE2014 Mikroekonomi II

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar tentang teori dan aplikasi mikroekonomi peringkat pertengahan. Kursus ini membincangkan topik-topik penting dalam mikroekonomi pertengahan yang tidak dibincangkan dalam Mikroekonomi I yang meliputi pasaran input, keseimbangan umum, pilihan antara masa, ketakpastian, pasaran aset dan aset berisiko, maklumat tak simetri, teori permainan, barangan awam dan kesan luaran. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dijangka dapat memahami, berupaya menghubungkaitkan konsep ekonomi dan mengaplikasikannya untuk memahami isu ekonomi semasa dengan lebih baik

Prasyarat: EPPD1013

EPPE2024 Makroekonomi II

Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus Makroekonomi I. Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang konsep, teori dan model makroekonomi dengan penekanan kepada model ekonomi terbuka. Tajuk yang dibincangkan ialah fungsi penggunaan, pelaburan, inflasi dan pengangguran, model ekonomi klasik baru, model kitaran niaga benar, model ekonomi Keynes baru, keseimbangan umum pendapatan negara dalam ekonomi terbuka (model IS-LM-BP), permintaan dan penawaran agregat dalam ekonomi terbuka dan pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya berupaya mengaplika teori dan model makroekonomi dalam mengenal pasti dan menyelesaikan permasalahan ekonomi.

Prasyarat: EPPD1023

EPPE2033 Prinsip Ekonomi Islam

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai prinsip-prinsip asas ekonomi Islam yang perlu diterapkan dalam setiap topik yang dibincangkan. Antara topik utama yang dibincangkan adalah penggunaan, pengeluaran, peranan

pemerintah, pasaran, dasar monetari dan fiskal, perancangan dan pembangunan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat memahami kegiatan ekonomi berasaskan prinsip syariah demi mendapat rahmat, keberkatan dan keredhaan Allah.

EPPE2044 Kalkulus Untuk Ekonomi

Kursus ini memberi pengetahuan kepada pelajar tentang kalkulus pembezaan dan kamiran dan aplikasinya dalam bidang ekonomi. Tajuk-tajuk yang dibincangkan termasuk had, keselajaran, pembezaan yang merangkumi pembezaan tersirat, pembezaan fungsi berbilang pemboleh ubah, aplikasi pembezaan, pengoptimuman fungsi berbilang pemboleh ubah. Tajuk yang diliputi oleh kalkulus kamiran ialah teknik-teknik pengamiran dan penggunaannya dalam ekonomi. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat menggunakan kalkulus pembezaan dan kamiran dalam penyelesaian masalah ekonomi.

EPPE2053 Ekonomi Malaysia

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai sejarah perkembangan dan pembangunan ekonomi Malaysia sebelum merdeka hingga kini. Antara topik yang dibincangkan ialah struktur dan dasar pembangunan ekonomi negara dalam perspektif pembangunan domestik dan global seiring dengan pertumbuhan sektor-sektor utama negara. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar sewajarnya mampu mengulas dan menganalisis prestasi ekonomi negara, memahami dasar kerajaan dan berupaya mengenalpasti faktor ekonomi dan sosial yang mendorong pembangunan ekonomi negara.

EPPE3014 Kaedah Penyelidikan

Kursus ini bertujuan membincang dan mengenal pasti beberapa langkah perlu bagi menjalankan penyelidikan dalam bidang sains sosial khususnya ekonomi. Tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah pengertian penyelidikan, etika dalam penyelidikan, pembentukan model ekonomi: model sebab akibat dan model siri masa, skala pengukuran dan pembentukannya, kaedah pungutan data dan reka bentuk borang soal selidik, kaedah pensampelan dan isu-isu yang berkaitan dengannya, memproses data dan penulisan laporan penyelidikan. Pelajar diwajibkan membuat

projek penyelidikan bagi kursus ini. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya mengenalpasti kaedah penyelidikan dan melaksanakan suatu penyelidikan secara ilmiah dan saintifik.

EPPE3023 Ekonomi Antarabangsa

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang teori dan konsep asas dalam ekonomi antarabangsa yang meliputi topik dalam ekonomi perdagangan antarabangsa dan kewangan antarabangsa. Antara topik yang dibincangkan ialah teori perdagangan antarabangsa awal dan moden, sekatan tarif dan bukan tarif, integrasi ekonomi, aliran antarabangsa faktor, imbangan pembayaran dan pasaran pertukaran asing dan sistem kewangan dunia. Di akhir kursus ini pelajar seharusnya dapat membincangkan kerelevanan teori ekonomi antarabangsa dengan isu dunia sebenar dan polisi yang berkaitan.

EPPE3033 Perkembangan Pemikiran Ekonomi

Kursus ini meninjau sejarah aliran ilmu ekonomi. Perbincangan bermula dari pemikiran ekonomi zaman Merkantalis sehinggalah ke zaman moden. Tinjauan dibuat terhadap sejarah aliran pemikiran pelbagai kumpulan ahli ekonomi seperti kumpulan Merkantalis, Fisiokrat, Klasik, Marginalis, Neoklasik, Institutionalisme, Kebajikan, Keynesian dan Chicago. Turut dibincangkan ialah pendekatan ekonomi Sustainomics dan Ekonomi Syariah. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat mengenalpasti dan membincangkan tenet-tenet penting setiap kumpulan ahli ekonomi tersebut dan sumbangan penting tokoh-tokoh ekonomi terkemuka.

EPPE3043 Ekonomi Pembangunan

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar tentang konsep dan teori pertumbuhan dan pembangunan ekonomi serta pelaksanaan dasar yang diperlukan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk di negara membangun. Fokus perbincangan tertumpu kepada aspek berkaitan struktur, proses, ciri-ciri dan masalah yang terdapat di negara membangun serta melihat punca wujudnya masalah tersebut. Perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pertama, aspek teori dan kedua, mengkaji isu-isu penting dalam proses pembangunan ekonomi. Tajuk yang dibincangkan merangkumi teori pertumbuhan dan

pembangunan ekonomi, isu penduduk, migrasi, kemiskinan, sektor pertanian, sektor industri, sumber pertumbuhan ekonomi dan isu global terpilih dalam pembangunan ekonomi seperti gender, kesihatan dan alam sekitar. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya berupaya menganalisis secara kritis isu-isu penting dalam proses pembangunan ekonomi.

EPPE3098 Latihan Industri

Latihan industri memberikan pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan agar lebih bersedia dengan suasana kerja yang bakal mereka cemburi. Selain itu, kursus ini juga bertujuan memperkasakan kompetensi dan kemahiran pekerjaan pelajar dan seterusnya dapat mempertingkatkan kebolehan pasaran pelajar. Melalui kursus ini juga pelajar berpeluang menerapkan konsep, teori dan kemahiran ilmu yang diperolehi dalam bilik kuliah kepada alam pekerjaan.

EPPE3996 Kertas Ilmiah

Kursus ini menyediakan platform kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan mengenai penyelidikan dalam konteks ilmu ekonomi. Ia memberi peluang kepada pelajar untuk menjalankan kajian lapangan secara sendiri di bawah pantauan penyelia. Selain itu, ia juga melatih pelajar untuk menggunakan metodologi dan analisis yang bersesuaian dengan objektif kajian. Kursus ini juga melatih pelajar untuk menyediakan laporan hasil kajian yang boleh memberi manfaat kepada industri dan negara.

SINOPSIS KURSUS WAJIB MODUL (WM)

EPPE2113 Organisasi Industri

Kursus ini membincangkan isu-isu dalam bidang organisasi industri. Matlamat utama kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan pelajar berkaitan bidang organisasi industri moden. Fokus kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan yang berkaitan dengan gelagat firma, struktur pasaran dan interaksi strategik di antara firma. Pasaran yang akan dibincangkan ialah pasaran persaingan sempurna, monopoli dan oligopoli. Di samping itu, kesan daripada persekitaran struktur pasaran juga akan turut dibincangkan. Antara kesan tersebut ialah diskriminasi

harga, kepelbagaian produk, pengiklanan, kesejahteraan masyarakat, penggabungan serta ikatan produk. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh memahami dan menerangkan aspek yang berkaitan dengan ciri-ciri organisasi industri yang wujud dalam pelbagai bentuk pasaran dan tingkah laku masing-masing.

Prasyarat : EPPD1013

EPPE2123 Statistik Untuk Kajian Industri

Kursus ini menggabungkan teori statistik dan organisasi industri untuk menganalisis prestasi industri dalam ekonomi. Matlamat utama kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan pelajar berkenaan kajian empirikal yang berkaitan dengan organisasi industri moden. Bahagian awal kursus ini memfokus kepada hubungan antara kajian industri dan statistik. Dalam bahagian ini, pelajar dapat mempelajari konsep statistik penakbiran dan kaitannya dengan teori organisasi industri. Pemahaman pelajar dapat ditingkatkan lagi dengan menunjukkan hasil kajian empirikal yang pernah dibuat. Di samping itu, kesan persekitaran struktur pasaran juga akan dibincangkan dengan mempelajari beberapa ukuran pasaran yang digunakan dalam bidang organisasi industri seperti darjah penumpuan dan indeks pengeluaran. Bahagian seterusnya kursus ini akan memfokus kepada kaedah penilaian kualiti produk dalam proses pengeluaran firma. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar boleh memahami kaedah-kaedah statistik yang diaplikasikan dalam industri, melakukan persampelan, menafsirkan carta kawalan, menilai kualiti produk dan membuat keputusan.

EPPE2133 Kerajaan dan Pembangunan Industri

Kursus ini membincangkan peranan kerajaan dalam membangunkan sektor pembuatan di Malaysia. Tajuk utama yang dibincangkan ialah penglibatan kerajaan, institusi dan insentif yang disediakan dalam proses industrialisasi negara. Tajuk-tajuk lain seperti sumber untuk pembangunan industri, cabaran dan prospek perindustrian turut dibincangkan bagi menangani persaingan global di alaf baru. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat merangka dasar industri dan perdagangan untuk membangunkan sektor pembuatan.

Prasyarat : EPPD1013

EPPE2213 Ekonomi Monetari

Kursus ini membincangkan teori dan aplikasi penawaran dan permintaan wang. Daripada aspek penawaran wang, perbincangan difokuskan kepada struktur sistem kewangan, peranan bank pusat, teori penentu penawaran wang dan pelbagai alat dasar monetari. Daripada aspek permintaan pula, perbincangan tertumpu kepada teori permintaan wang Klasik, Keynesian dan Friedman serta kajian empirik terhadap fungsi permintaan wang. Selain itu, teori penentuan kadar bunga, kelakuan kadar bunga, struktur tempoh kadar bunga, pelaksanaan dasar monetari dan proses mekanisme transmisi juga turut dibincangkan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat menerangkan aspek penawaran dan permintaan wang dan membincangkan proses dan strategi dasar monetari dalam ekonomi.

Prasyarat : EPPD1023

EPPE2223 Perbelanjaan Awam

Kursus ini bertujuan untuk mengkaji kegiatan ekonomi kerajaan daripada aspek perbelanjaan yang berasaskan pengalaman Malaysia. Penumpuan perbincangan diberikan terhadap topik kegagalan mekanisme pasaran yang memerlukan campur tangan kerajaan, analisis pembekalan optimum barang awam tulen dan tidak tulen, eksternaliti pengeluaran dan penggunaan, masalah pasaran monopoli dalam ekonomi, isu agihan optimum polisi fiskal dalam pilihan awam serta penentuan prinsip penilaian perbelanjaan awam. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh menganalisis teori pertumbuhan perbelanjaan awam, struktur dan prestasi perbelanjaan awam di Malaysia.

Prasyarat : EPPD1023

EPPE2313 Pengantar Ekonometrik

Kursus ini bertujuan untuk memberi fahaman kepada pelajar mengenai prinsip asas dalam ekonometrik dengan memberi fokus kepada model regresi linear. Liputan kursus termasuklah pengenalan ekonometrik, regresi mudah dan berbilang, model regresi pembolehubah dami, masalah-masalah dalam regresi, multikolineariti, heteroskedastisiti, autokorelasi dan pemodelan ekonometrik. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar diharap mampu mengaplikasikan analisis regresi dalam kajian ekonomi secara empirikal.

Prasyarat : EPPD2023

EPPE2323 Pengantar Penyelidikan Kendalian

Kursus ini bertujuan membincangkan kaedah-kaedah pengoptimuman asas dalam bidang penyelidikan kendalian. Antara tajuk yang akan dibincangkan adalah pengenalan kepada penyelidikan kendalian dan aplikasinya di Malaysia, pemrograman linear, kaedah simpleks dan ciri-ciri penyelesaian. Analisis kepekaan dan analisis selepas keoptimuman, masalah dual dan hubungannya dengan masalah primal turut dibincangkan. Perbincangan tentang model pengangkutan dan model peruntukan, model rangkaian dan penjadualan projek (PERT/CPM) mengakhiri kursus ini. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar diharapkan berupaya mengenal pasti dan mengaplikasi kaedah-kaedah penyelidikan kendalian dalam industri.

Prasyarat : EPPD2023

EPPE2333 Analisis Data Ekonomi

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang teknik menganalisis data ekonomi dengan menggunakan perisian statistik SPSS dan Microsoft Excel. Perbincangan meliputi statistik dan analisis data, pengenalan kepada SPSS, pemerihal data, ujian hipotesis, analisis korelasi dan regresi, dan analisis kebolehpercayaan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya berupaya untuk mengenal pasti teknik analisis yang sesuai dengan objektif kajian, memerihal data ekonomi dalam pelbagai bentuk, serta menganalisis dan membincangkan keputusan analisis secara logik dan kritis.

Prasyarat : EPPD2023

EPPE2353 Kaedah Pensampelan

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan tentang beberapa kaedah pensampelan yang lazim digunakan dalam suatu penyelidikan. Tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah pengenalan dan istilah-istilah penting dalam pensampelan, pensampelan rawak mudah, berstrata, bersistem dan berkelompok. Fokus utama perbincangan ialah anggaran bagi min, varians, kadaran bagi populasi menerusi anggaran titik dan selang, di samping penentuan saiz sampel bagi setiap kaedah. Tajuk-tajuk tertentu dalam pensampelan akan tertumpu kepada pensampelan untuk kawalan kualiti dan industri, pensampelan populasi hidupan liar dan model respon rawak. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya mengaplikasikan pelbagai kaedah

pensampelan untuk membantunya membuat penakbiran yang jitu dan boleh percaya.

Prasyarat : EPPD2023

EPPE2413 Analisis Ekonomi Islam

Kursus ini bertujuan memberi fahaman dan kemahiran menganalisis kemungkinan kesan perubahan sikap dan gelagat agen ekonomi daripada amalan ekonomi konvensional kepada ekonomi Islam. Pelajar akan diperkenalkan kepada gelagat dan peranan agen ekonomi sebelum dan selepas perubahan sikap, serta implikasi perubahan sikap terhadap aktiviti ekonomi. Perbincangan meliputi teori ekonomi yang lazim seperti penggunaan, pengeluaran, sistem pasaran, agihan pendapatan faktor, keseimbangan pendapatan negara dan dasar ekonomi negara. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat menganalisis kesan perubahan sikap dan gelagat agen ekonomi ke atas kebajikan ekonomi dan rohani serta ekonomi negara secara agregat.

Prasyarat : EPPE2033

EPPE2423 Pengenalan Kepada Fiqh Ekonomi

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang kontrak muamalat yang digunakan dalam aktiviti ekonomi. Pelajar akan diperkenalkan kepada konsep dan aplikasi sesuatu kontrak dalam amalan sebenar. Perbincangan akan meliputi konsep asas fiqh iaitu hak, milik dan harta, dan beberapa kontrak muamalat seperti kontrak jual beli, *salam*, *istisna'*, *wadiah*, *wakalah*, *kafalah*, *hawalah*, *ijarah*, *qard*, *rahnu*, *musyarakah*, dan *mudarabah*. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat memahami beberapa kontrak muamalat dan boleh mengaplikasikan dalam amalan kewangan Islam semasa.

Prasyarat : EPPE2033

EPPE2433 Perbankan Islam

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar dengan prinsip dan operasi perbankan Islam. Pelajar diberi fahaman mengenai rasional pengharaman riba yang membawa kepada penubuhan perbankan Islam, serta hubungan di antara perbankan Islam dengan pelanggan. Seterusnya, pelajar diperkenalkan dengan prinsip muamalat

utama yang mendasari operasi perbankan Islam. Perbincangan dalam kursus ini meliputi aspek pengoperasian, pengurusan dan pengawalseliaan perbankan Islam, serta pengurusan modal, aset dan liabiliti. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat mengaplikasikan pengetahuan mengenai prinsip muamalat dalam operasi perbankan Islam. Selain itu, pelajar juga memperoleh pengetahuan mengenai kaedah pengurusan modal, aset dan liabiliti.

Prasyarat : EPPE2033

EPPE2513 Analisis Demografi Ekonomi

Kursus ini bertujuan mempelajari teknik asas berhubung analisis demografi daripada perspektif ekonomi. Tajuk yang dibincangkan meliputi pengukuran asas demografi, pembinaan jadual hayat, analisis fertiliti dan mortaliti, model populasi, tenaga buruh dan migrasi, kaedah penganggaran dan pelunjuran populasi, dan penggunaan jadual '*multiple decrement*' dalam demografi ekonomi. Selepas mengikut kursus ini pelajar harus dapat menjelaskan komponen-komponen penting demografi, menggunakan teknik asas, menganalisis dan membuat unjuran berhubung kependudukan

Prasyarat : EPPD1013

EPPE2523 Analisis Sosial dan Politik dalam Pembangunan

Kursus ini meliputi kepentingan faktor bukan ekonomi dalam pembangunan ekonomi, teori ekonomi, sosial dan politik, institusi sosial, stratifikasi sosio-ekonomi, masalah sosial, penilaian dampak sosial, serta kepentingan dan keperluan dasar sosial dan ekonomi dalam pembangunan ekonomi negara membangun. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya menerangkan prinsip, konsep dan teori asas pembangunan ekonomi, sosial dan politik, menghubungkan institusi sosial dan pembangunan ekonomi, serta menilai program komuniti berdasarkan teori dan perkembangan sosio-ekonomi semasa.

Prasyarat : EPPD1013

EPPE2533 Pertumbuhan Ekonomi dan Agihan

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai isu pertumbuhan ekonomi dan agihan pendapatan di kalangan penduduk negara dunia khususnya di negara membangun. Perkara-perkara yang dibincangkan termasuklah konsep

pertumbuhan, pembangunan, agihan pendapatan, kemiskinan dan guna tenaga, teori agihan pendapatan, kemiskinan dan guna tenaga pengukuran agihan pendapatan dan kemiskinan, impak dan sebab-sebab ketidaksetaraan agihan pendapatan, kemiskinan, guna tenaga serta peranan institusi dalam mengurangkan ketaksetaraan agihan pendapatan dan kemiskinan. Kajian kes berkait hubungan proses pertumbuhan dengan agihan pendapatan dan kemiskinan juga turut dibincangkan. Di akhir kursus pelajar diharap dapat menerangkan hubungkait antara pertumbuhan ekonomi dengan agihan pendapatan, kemiskinan dan gunatenaga serta berupaya membincang dan menilai keberkesanan peranan institusi dalam mengurangkan ketaksetaraan agihan pendapatan, kemiskinan dan guna tenaga.

Prasyarat : EPPD1013

EPPE2623 Ekonomi dan Pengurusan Alam Sekitar

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang aplikasi teori ekonomi dalam pengurusan alam sekitar. Antara topik-topik yang akan dibincangkan ialah konsep asas ekonomi dan alam sekitar, teori asas ekonomi dan alam sekitar, kegagalan pasar dan permasalahan alam sekitar, pengurusan alam sekitar mengikut pendekatan konvensional dan pasaran, pembangunan lestari dan kerajaan dalam pengurusan alam sekitar. Dengan mengikuti kursus ini pelajar berupaya memikir bahawa keseluruhan permasalahan alam sekitar yang berlaku adalah berpunca daripada tabiat manusia sendiri.

EPPE3123 Industri dan Perniagaan Antarabangsa

Kursus ini bertujuan untuk menganalisis kedinamikan industri dan perniagaan antarabangsa dalam perubahan teknologi. Aspek-aspek penting yang diliputi ialah perkembangan terkini perdagangan antarabangsa dan industri; perubahan paradigma dari konsep faedah berbanding kepada konsep faedah dayasaing; teori kesan jaringan dan sistem kompleks; dan persaingan dalam produk berteknologi masa kini dan akan datang dengan aplikasi teori inovasi teknologi berterusan berlawanan dengan inovasi teknologi memusnah. Di akhir kursus ini pelajar seharusnya dapat merangka strategi industri dan perniagaan antarabangsa dengan perspektif perubahan teknologi masa hadapan.

Prasyarat : EPPD1013

EPPE3143 Ekonomi Perdagangan Antarabangsa

Kursus ini membincangkan tentang teori, polisi dan aplikasi dalam ekonomi perdagangan antarabangsa. Tajuk-tajuk utama yang dibincangkan meliputi teori perdagangan antarabangsa klasik dan moden, kesan perdagangan ke atas agihan pendapatan dan kebajikan penduduk, sekatan perdagangan yang berkaitan dengan tarif dan sekatan bukan tarif serta hujah yang menyokong kepada halangan perdagangan antarabangsa. Di samping itu, isu-isu dan tajuk berkaitan integrasi ekonomi, pertumbuhan dan mobiliti antarabangsa faktor pengeluaran serta kemajuan teknikal dan hubungan mereka dengan kadar syarat perdagangan, jumlah perdagangan antarabangsa dan kebajikan ekonomi negara turut dibincangkan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya mengaplikasikan konsep dan polisi, membandingkan teori perdagangan antarabangsa dan mampu membuat penyelidikan berkaitan isu ekonomi perdagangan antarabangsa.

Prasyarat : EPPD1013

EPPE3213 Ekonomi Monetari Antarabangsa

Kursus ini membincangkan teori dan aplikasi dalam ekonomi monetari antarabangsa. Tajuk-tajuk utama yang dibincangkan meliputi akaun imbalan pembayaran, pasaran pertukaran asing, pendekatan kewangan dan pendekatan imbalan portfolio, mekanisme pelarasan harga, dasar ekonomi terbuka di bawah sistem kadar pertukaran fleksibel dan sistem kadar pertukaran tetap, harga dan output dalam ekonomi terbuka dengan menggunakan pendekatan agregat, isu pemilihan sistem kadar pertukaran, sejarah dan prospek sistem kewangan antarabangsa. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya mengaplikasikan teori dan konsep asas ekonomi monetari antarabangsa dalam konteks semasa serta mampu membuat penyelidikan dan membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi monetari antarabangsa.

Prasyarat : EPPD1023

EPPE3223 Ekonomi Pencukaian

Kursus ini bertujuan membincangkan kegiatan kerajaan dari aspek pencukaian yang berasaskan pengalaman Malaysia. Penumpuan diberikan terhadap analisis kesaksamaan cukai, kesan beban cukai dari aspek kecekapan dan taburan, pencukaian dalam ekonomi terbuka, cukai jualan, cukai pengeluaran terutama cukai

eksais, cukai kekayaan, hartanah dan harta pusaka, serta federalisme fiskal dan pembiayaan kerajaan negeri dan tempatan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh menganalisis prestasi dan kesan amalan sesuatu cukai dari aspek kecekapan dan kesaksamaan secara kualitatif dan kuantitatif.

Prasyarat : EPPD1023

EPPE3253 Ekonomi Kewangan Mikro

Kursus ini membincangkan teori dan aplikasi dalam bidang ekonomi kewangan mikro. Antara topik yang dibincangkan ialah teori pelaburan portfolio yang terdiri daripada analisis min-varian (model Markowitz) dan model keseimbangan pasaran modal yang terdiri daripada model CAPM, perletakan harga arbitraj, dan model multi faktor CAPM. Selain itu, kaedah untuk membentuk dan mengira sempadan portfolio yang cekap serta model penilaian pelaburan portfolio juga dibincangkan. Perbezaan antara pasaran modal, pasaran opsyen, pasaran hadapan dan mikro kredit juga dibincangkan. Akhir sekali, konsep kecekapan pasaran dan strategi penentuan harga di pasaran opsyen dan pasaran hadapan juga dibincangkan secara teori dan berdasarkan pengalaman di negara Malaysia.

Prasyarat : EPPD1023

EPPE3273 Ekonomi Dasar Sosial

Kursus ini bertujuan mengkaji peranan modal manusia dalam pasaran buruh dan ekonomi serta dasar kebajikan sosial. Pelajar diberi pencerahan teori modal manusia, khususnya dalam sektor pendidikan dan kesihatan, serta impaknya dalam dasar kebajikan sosial. Selain itu, pembiayaan dalam sektor pendidikan, kesihatan, perumahan, kebajikan am dan keselamatan sosial juga dibincangkan. Pendekatan mikroekonomi digunakan untuk menganalisis sebarang dasar yang dibentuk oleh kerajaan khususnya dasar sosial. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat menilai permasalahan sosial dari segi ekonomi, menerangkan kepentingan kecekapan dan ekuiti dalam penentuan objektif sosial serta menerangkan rasional campur tangan kerajaan dalam mengatasi masalah sosial.

Prasyarat : EPPD1023

EPPE3313 Ekonometrik Pertengahan

Kursus ini adalah kursus lanjutan bagi kursus Pengantar Ekonometrik. Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang penggunaan kaedah ekonometrik lanjutan untuk menganalisis data ekonomi. Perbincangan akan meliputi pengujian hipotesis dalam model regresi berbilang, spesifikasi model dan pengujian diagnostik, model ekonometrik dinamik, model persamaan serentak dan model respon kualitatif. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya berupaya untuk mengaplikasikan pelbagai kaedah ekonometrik dalam penyelidikan empirikal dan menganalisis hasil kajian secara berkesan.

Prasyarat : EPPD2023

EPPE3323 Statistik Penakbiran

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang konsep dan teori asas statistik penakbiran. Perbincangan akan meliputi pemboleh ubah rawak dan taburan kebarangkalian, jangkaan matematik, taburan khusus pemboleh ubah diskrit dan selanjar, fungsi pemboleh ubah, taburan pensampelan, teori dan aplikasi penganggaran serta teori dan aplikasi ujian hipotesis. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat memahami beberapa teori statistik penakbiran dan boleh mengaplikasikan dalam analisis ekonomi.

Prasyarat : EPPD2023

EPPE3353 Analisis Siri Masa dan Peramalan

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang konsep peramalan dan kemahiran menganalisis data siri masa. Perbincangan akan meliputi konsep asas peramalan, analisis awalan data siri masa, regresi siri masa, perlicinan eksponen, tren stokastik, pembezaan, model perjalanan rawak, ujian kepegungan, penganggaran dan ujian diagnostik model Box-Jenkins tanpa musim dan bermusim, dan peramalan menggunakan kaedah perlicinan eksponen dan model Box-Jenkins. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat memahami beberapa model peramalan dan boleh mengaplikasikan dalam analisis data ekonomi semasa.

Prasyarat : EPPD2023

EPPE3413 Dasar Fiskal dan Kewangan Islam

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang dasar fiskal dan monetari Islam. Perbincangan akan meliputi peranan pemerintah Islam dalam ekonomi, struktur sistem dan dasar fiskal, struktur sistem dan dasar monetari, serta keberkesanan

dasar fiskal dan monetari Islam. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat membincangkan kesan pelaksanaan dasar fiskal dan monetari Islam dalam konteks ekonomi Malaysia

Prasyarat : EPPE2033

EPPE3423 Perkembangan Pemikiran Ekonomi Islam

Kursus ini mengutarakan pemikiran ekonomi di kalangan tokoh cendekiawan Islam dalam pelbagai era perkembangan tamadun Islam. Antara tokoh Islam yang tersohor dalam menjelaskan teori-teori ekonomi ialah Abu Yusuf, al-Ghazali, Ibn Taymiyyah, Ibn Khaldun dan lain-lain. Tajuk-tajuk perbincangan akan meliputi pelbagai aspek sistem ekonomi antaranya sistem pembiayaan awam meliputi percukaian dan perbelanjaan awam, sistem pasaran, sumber ekonomi dan lain-lain. Kursus ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan tentang perkembangan pemikiran ekonomi Islam dan bagaimana idea-idea awal ekonomi mempengaruhi perkembangan ekonomi semasa serta bagaimana ekonomi Islam boleh berkembang semula menggantikan kedudukan sistem ekonomi sedia ada.

Prasyarat : EPPE2033

EPPE3433 Perbandingan Sistem Ekonomi

Kursus ini bertujuan untuk menjelaskan kepelbagaian sistem ekonomi yang diamalkan di dunia, ciri-ciri dan aplikasinya dalam konteks semasa. Pelajar akan diperkenalkan kepada jenis-jenis sistem ekonomi di dunia iaitu sistem ekonomi kapitalis, sosialis dan juga sistem ekonomi Islam. Perbincangan juga meliputi amalan setiap sistem ekonomi ini, kebaikan dan juga keburukan yang terdapat pada setiap sistem ini. Selain itu, perbincangan mengenai isu-isu semasa, cabaran-cabaran serta pendekatan dan juga penyelesaian yang disarankan oleh setiap sistem ini turut ditekankan. Selepas mengikuti kursus ini pelajar berupaya menjelaskan prinsip-prinsip dan membezakan antara setiap sistem ekonomi serta menilai aplikasinya dalam konteks semasa.

Prasyarat: EPPE2033

EPPE3513 Perancangan Pembangunan dan Penilaian Projek

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang teori perancangan pembangunan dan penilaian projek. Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama memberi tumpuan terhadap perancangan pembangunan yang meliputi topik berkaitan kepentingan perancangan pembangunan, serta jenis, matlamat, alat, model dan proses perancangan pembangunan. Pengalaman perancangan pembangunan di Malaysia turut dibincangkan. Bahagian kedua menjelaskan konsep dan kaedah penilaian projek serta hubungannya dengan perancangan pembangunan. Di akhir kursus, pelajar dapat membincang dan menilai proses pelaksanaan perancangan pembangunan dan penilaian projek serta kaitannya dengan pembangunan sesebuah negara.

Prasyarat : EPPD1013

EPPE3523 Ekonomi Pembangunan Sumber Manusia

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai konsep, teori dan aplikasi pembangunan sumber manusia dan perancangan tenaga manusia. Tajuk yang dibincangkan termasuklah konsep dan teori pelaburan modal manusia, kriteria pelaburan modal manusia, kaedah mengira kadar pulangan pelaburan modal manusia, sumbangan modal manusia kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, perolehan individu, agihan perolehan dan perbezaan upah, teknik dan masalah perancangan tenaga manusia serta strategi pembangunan dan perancangan sumber manusia. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar diharapkan dapat menjelaskan kepentingan pembangunan dan perancangan sumber manusia kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dan mengaplikasikan aspek yang dipelajari kepada situasi empirikal.

Prasyarat : EPPD1013

EPPE3543 Ekonomi Bandar dan Wilayah

Kursus ini membincangkan mengenai teori ekonomi ruang dalam letakan lokasi kegiatan ekonomi dan firma. Khususnya kursus ini mengkaji mengapa kegiatan ekonomi tertentu dan firma tertentu menempatkan diri di mana mereka kini berada dan faktor-faktor yang menentukan keputusan mereka untuk berada di lokasi berkenaan. Teori-teori yang dibincangkan termasuk analisis ruang sebuah bandar sebagai pusat ekonomi, fungsi bandar, asas ekonomi bandar yang diukur sebagai

aktiviti asas dan tidak asas serta keperluan minima, dan struktur ekonomi bandar mengikut teori zon berpusat, teori sektoral, dan pelbagai nuklei. Analisis terhadap lokasi dilakukan melalui teori letakan industri, teori lokasi intra-bandar, teori pusat setempat dan teori pusat pertumbuhan. Selepas mengikut kursus ini pelajar dapat menjelaskan dan menganalisis mengenai kewujudan kegiatan ekonomi tertentu dan firma tertentu di sesuatu lokasi tertentu.

Prasyarat : EPPD1013

EPPE3553 Ekonomi Buruh

Kursus ini merupakan pengenalan kepada bidang kajian ekonomi buruh. Kandungan kursus ini tertumpu kepada perbincangan mengenai agihan buruh dan proses penetapan upah mengikut pendekatan fahaman Neoklasik. Bahan utama melibatkan topik mengenai teori pilihan dalam penawaran dan permintaan buruh. Turut sama dibincangkan ialah bukti empirik dan aplikasi dasar bagi setiap teori berkenaan termasuk kaitannya dengan isu semasa dalam pasaran buruh Malaysia. Topik lain ialah proses penentuan upah, struktur upah, mobiliti buruh dan peranan kesatuan sekerja. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya menerangkan model-model utama penawaran dan permintaan buruh sebagai asas proses agihan buruh dan penentuan upah serta perbezaan upah antara pekerja, pekerjaan, industri dan kawasan.

Prasyarat : EPPD1013

EPPE3573 Ekonomi Pembangunan Antarabangsa

Kursus ini membincangkan pembangunan ekonomi antarabangsa dengan memfokus kepada tren pembangunan seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, kursus ini juga memberi pengetahuan teoritis dan analisis empirik mengenai situasi, arah aliran dan pembangunan ekonomi di peringkat antarabangsa. Kandungan kursus ini merangkumi teori ekonomi pembangunan antarabangsa, perubahan struktur ekonomi, perdagangan dan pelaburan antarabangsa, ekonomi “baru”, serta isu semasa berhubung liberalisasi perdagangan dan kewangan dalam era globalisasi. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar mampu mengaplikasikan teori pembangunan ekonomi untuk menerangkan proses dan struktur pembangunan antarabangsa, menerangkan proses transformasi

dunia, khususnya di negara membangun, membanding ciri dan faktor mencorak pembangunan di negara-negara terpilih, menghurai tren dan kesan perdagangan dan pelaburan, menjelas maksud, teori, faktor pendorong, ciri dan kesan globalisasi, dan mengenalpasti dan membincangkan isu-isu ekonomi semasa berkaitan ekonomi pembangunan antarabangsa.


Prasyarat : EPPD1013

EPPE3613 Pengurusan Perniagaan Tani

Kursus ini merupakan kursus asas dalam pengurusan, pembiayaan dan keusahawanan dalam perniagaan asas tani. Matlamat utama kursus adalah memberi pendedahan dan fahaman supaya pelajar mampu menghayati konsep dan teori asas dalam aspek pengurusan perniagaan, pengurusan pembiayaan dan pembangunan keusahawanan dalam pertanian dan industri asas tani. Topik-topik utama berfokus kepada pengenalan sektor pertanian dan perniagaan asas tani, pengurusan pembiayaan dan sumber-sumber kewangan, pengurusan pemasaran, pengurusan komunikasi dan jaringan dalam perniagaan asas tani. Dalam aspek pembangunan keusahawanan tani pula mencakupi ciri dan keperluan asas dalam pembangunan keusahawanan tani, pembangunan rancangan perniagaan untuk projek perniagaan asas tani. Pelajar diperlukan untuk menghasilkan kajian kes perniagaan tani di Malaysia untuk membolehkan pelajar mengaplikasi teori dalam persekitaran perniagaan tani yang sebenar. Selain itu, pelajar dapat mengenalpasti peranan koperasi dan institusi kerajaan serta memadankan kesesuaian agensi dalam membangunkan sektor pertanian



SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN



PROGRAM SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN

Falsafah pendidikan program ini adalah untuk melahirkan graduan yang beretika, berpengetahuan luas dalam persekitaran sosial, ekonomi dan perniagaan yang dinamik dan global, berkemahiran dalam ilmu perakaunan seiring dengan tuntutan profesion, berketerampilan dan berfikiran kreatif.

Objektif Pembelajaran Program

- a. Membekalkan pelajar dengan teras ilmu dan kemahiran mengenai organisasi dan perniagaan.
- b. Membekalkan pelajar dengan ilmu dan kemahiran perakaunan yang membolehkan mereka mengaplikasikan ilmu tersebut di alam pekerjaan.
- c. Menyediakan pelajar yang beretika, sedia berdaya saing di pasaran global serta boleh menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran perniagaan yang dinamik.

Hasil Pembelajaran Program

Pada akhir program pengajian, graduan seharusnya boleh:

1. Menguasai pengetahuan bidang asas perakaunan dalam pembuatan keputusan ekonomi.
2. Mengaplikasi pengetahuan bidang asas perakaunan dalam pembuatan keputusan ekonomi.
3. Mempamerkan tingkah laku yang mengambil kira tanggungjawab sosial.
4. Mempamerkan tingkah laku yang beridentiti nasional konsisten dengan etika profesional.
5. Berkomunikasi secara berkesan, bekerja dalam pasukan dan menunjukkan kemahiran kepimpinan.
6. Mengaplikasi kemahiran saintifik dan pemikiran kritis dalam penyelesaian masalah.
7. Menunjukkan kemahiran pengurusan maklumat dan komitmen bagi pembelajaran sepanjang hayat.
8. Mempamerkan kemahiran pengurusan dan keusahawanan yang berdaya saing dan berinovasi.

Pengiktirafan Badan Profesional

Program ini diiktiraf sebagai program profesional oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA). Program ini juga ditanda aras mengikut standard badan profesional antarabangsa *International Federation of Accountants (IFAC)*.

Program ini mendapat pengiktirafan badan profesional dalam dan luar negara seperti MICPA, ACCA, CIMA, ICAEW, MIT, dan MAICSA. Graduan Sarjana Muda Perakaunan mendapat pengecualian bagi peperiksaan profesional MICPA, ACCA, CIMA dan ICAEW. (Sila rujuk laman sesawang badan profesional untuk mendapatkan maklumat pengecualian terkini.)

Laluan Pengajian Program

Pelajar Program Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian boleh memilih salah satu daripada tiga laluan program yang ditawarkan iaitu:

1. **Laluan Konvensional:** Laluan ini menyediakan fleksibiliti kepada pelajar untuk memilih kursus elektif yang ditawarkan.
2. **Laluan Profesional:** Laluan ini menyediakan platform untuk pelajar untuk menduduki peperiksaan profesional seperti ACCA dan MICPA-CAANZ pada tahun akhir pengajian.
3. **Laluan Industri:** Laluan ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk berada di industri selama setahun. Pelajar mempunyai dua pilihan berikut:
 - a. Pelajar mengikuti kursus EPPA409C Latihan Industri selama 6 bulan dan pembelajaran berasaskan kerja selama 6 bulan melalui kursus EPPA419C Sangkutan Industri.
 - b. Pelajar mengikuti kursus EPPA409C Latihan Industri selama 6 bulan dan pembelajaran berasaskan kerja di Industri Perkhidmatan Perniagaan Global (Global Business Services Industry) melalui kursus LMCR1423 Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS), EPPA4343 Makmal Latihan Industri Perkhidmatan Perniagaan Global Junior dan EPPA4353 Perundingan Sistem Maklumat Perakaunan.
 - c. **Struktur Program**

Untuk tujuan pengijazahan, pelajar perlu lulus sekurang-kurangnya 150 kredit seperti berikut:

- | | | |
|----|---------------------------------|---------------|
| 1. | Kursus Wajib Universiti (CW) | 10 unit |
| 2. | Kursus Citra Universiti (C1-C6) | 20 unit |
| 3. | Kursus Wajib Fakulti (WF) | 29 / 31 unit* |
| 4. | Kursus Wajib Pusat (WP) | 37 unit |
| 5. | Kursus Wajib Modul (WM) | 42 unit |
| 6. | Kursus Elektif (PB) | 12 unit |

* bergantung kepada keputusan MUET

Kursus Wajib Fakulti (WF) – 29 / 31 Kredit/Unit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPD1013	Mikroekonomi I	3
2	EPPD1023	Makroekonomi I	3
3	EPPD1033	Prinsip Perakaunan	3
4	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
5	EPPD1053	Pengantar Pengurusan	3
6	EPPD1073	Komunikasi Perniagaan Kontemporari	3
7	EPPD1083	Statistik untuk Ekonomi dan Pengurusan	3
8	EPPD2043	Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat	3
9	LMCE1042	Breakthrough English (Band 1, 2.0, 2.5)	2
10	LMCE1052	Bridging English (Band 1.0, 2.0, 2.5)	2
11	LMCE1062 / LMCE1072 / LMCE1082	Academic Interactions (Band 1.0, 2.0, 2.5, 3.0, 3.5) Academic Literacy (Band 4.0, 4.5) Page To Stage (Band 5.0, 5+)	2
12	LMCE2082 / LMCE2092 / LMCE2103	Pro Talk English (Band 3.0, 3.5) Speak to Persuade (Band 4.0, 4.5) Advanced Communication Project (Band 5.0, 5+)	2

13	LMCE3051 / LMCE3061 / LMCE3071	Let's Get Talking (Band 1.0, 2.0, 2.5) Corporate Story Telling (Band 3.0, 3.5) Professional Communications (Band 4.0, 4.5)	1
Jumlah			*29/31

*Pelajar MUET Band 1.0 - 2.5 = 31 kredit, pelajar MUET Band 3.0 ke atas = 29 kredit

Kursus Wajib Program (WP) - 37 Kredit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPA2013	Perakaunan dan Pelaporan Kewangan I	3
2	EPPA2023	Perakaunan dan Pelaporan Kewangan II	3
3	EPPA2033	Perakaunan Kos	3
4	EPPA3013	Pengauditan	3
5	EPPA3023	Percukaian I	3
6	EPPA3034	Perakaunan dan Pelaporan Korporat	4
7	EPPA3043	Sistem Maklumat Perakaunan dan Kawalan	3
8	EPPA3053	Perakaunan Pengurusan	3
9	EPPA409C	Latihan Industri Perakaunan	12
Jumlah			37

Kursus Wajib Modul (WM) - 42 Kredit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPA2413	Undang-undang Komersan	3
2	EPPA2423	Undang-Undang Perkongsian dan Syarikat	3
3	EPPA3113	Isu Terpilih dalam Perakaunan dan Pelaporan Kewangan	3
4	EPPA3513	Percukaian II	3
5	EPPA3613	Pembangunan dan Aplikasi Strategik Sistem Maklumat Perakaunan	3
6	EPPA4123	Teori dan Amalan Perakaunan	3
7	EPPA4133	Perakaunan Sektor Awam	3
8	EPPA4213	Seminar Perakaunan Pengurusan	3
9	EPPA4313	Audit Lanjutan dan Penyiasatan	3
10	EPPA4713	Kajian Kes Integrasi	3

11	EPPM2053	Pengurusan Kewangan	3
12	EPPM3103	Kelakuan Organisasi	3
13	EPPM3643	Kewangan Korporat	3
14	EPPM4023	Pengurusan Strategik	3
Jumlah			42

Kursus Elektif (PB) - 12 Kredit

Sebanyak empat (4) kursus boleh diambil daripada senarai berikut:

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPA4113	Perakaunan Khusus	3
2	EPPA4143	Analisis Pelaporan Kewangan	3
3	EPPA4153	Perakaunan untuk Instrumen Kewangan Islam dan Zakat	3
4	EPPA419C	Sangkutan Industri	12
5	EPPA4323	Audit Dalaman	3
6	EPPA4343	Makmal Latihan Industri Perkhidmatan Perniagaan Global Junior	3
7	EPPA4353	Perundingan Sistem Maklumat Perakaunan	3
8	EPPA4513	Percukaian Lanjutan	3
9	EPPM3053	Pengurusan Sumber Manusia	3
10	EPPM3613	Pasaran dan Institusi Kewangan	3
11	EPPM3653	Pengurusan Pelaburan dan Portfolio	3
12	EPPM4013	Pengurusan Operasi	3
13	EPPM4623	Kewangan Antarabangsa	3
14	LMCR1423	Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS)	3

Bagi laluan industri, pelajar wajib mengambil kursus elektif mengikut pilihan yang diambil seperti berikut:

Pilihan A:

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
EPPA419C	Sangkutan Industri	12

Pilihan B:

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
LMCR1423	Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS)	3
EPPA4343	Makmal Latihan Industri Perkhidmatan Perniagaan Global Junior	3
EPPA4353	Perundingan Sistem Maklumat Perakaunan	3

SINOPSIS KURSUS

a) **Wajib Fakulti (WF)**

EPPD1013 Mikroekonomi I

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang model, konsep dan metodologi mikroekonomi dalam memahami masalah ekonomi pada peringkat pengguna dan firma. Pelajar akan didedahkan kepada tajuk-tajuk utama mikroekonomi meliputi aspek permintaan, penawaran, keseimbangan harga, keanjalan, teori pilihan pengguna, fungsi pengeluaran, kos dan struktur pasaran. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pendekatan mikroekonomi dalam menyelesaikan masalah persekitaran ekonomi dan pengurusan.

EPPD1023 Makroekonomi I

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang konsep asas makroekonomi yang meliputi pengukuran dan keseimbangan pendapatan negara, peranan bank pusat, bank perdagangan dan proses penciptaan kredit, pasaran wang dan penentuan kadar bunga, implikasi dasar fiskal dan monetari terhadap pendapatan negara, pengangguran dan inflasi, perdagangan antarabangsa, imbalan pembayaran dan pasaran pertukaran asing serta globalisasi dan pertumbuhan ekonomi. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaitkan ilmu tersebut dengan isu ekonomi semasa dalam persekitaran global dan setempat.

EPPD1033 Prinsip Perakaunan

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan prinsip asas serta rasional yang mendasari amalan perakaunan. Kitaran perakaunan disentuh secara terperinci yang meliputi proses penjurnalan, pengeposan, penyediaan imbangan duga, pelarasan, penyediaan penyata kewangan dan catatan penutup. Perbincangan meliputi kitaran perakaunan bagi jenis operasi berbeza seperti perniagaan perkhidmatan, pembarangan dan perkilangan serta konteks pemilikan berbeza yang meliputi pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi tidak bermotifkan keuntungan.

EPPD1043 Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan

Kursus ini memberi kefahaman kepada pelajar beberapa aspek asas dalam matematik yang meliputi fungsi, matriks, matematik kewangan, had, keselajaran, perbezaan dan pengamiran. Aplikasi dalam bidang ekonomi turut dibincangkan untuk setiap tajuk tersebut. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dapat menganalisis masalah ekonomi dan perniagaan dengan menggunakan teknik-teknik matematik yang telah dibincangkan.

EPPD1053 Pengantar Pengurusan

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada pengurusan perniagaan. Kursus ini mendedahkan kepada pelajar konsep dan teori asas pengurusan dan pentadbiran organisasi. Tajuk-tajuk utama merangkumi pemikiran pengurusan, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan motivasi, pengawalan kualiti dan prestasi, budaya korporat dan komunikasi dalam menguruskan sesebuah organisasi. Kursus ini turut membincangkan tentang amalan-amalan terbaik pengurusan terkini dalam pembentukan dan pengekalannya daya saing organisasi.

EPPD1073 Komunikasi Perniagaan Kontemporari

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini melatih pelajar cara untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi sebagai asas kejayaan dalam alam pekerjaan. Kursus ini membolehkan pelajar memahami faktor-faktor yang akan menjamin komunikasi yang efektif. Pelajar akan diajar tentang pelbagai elemen kemahiran komunikasi seperti komunikasi silang budaya, komunikasi lisan dan bukan lisan. Pelajar akan mengetahui cara

berkomunikasi ketika berada dalam situasi berbeza, dalam kumpulan kerja, mendengar secara efektif, serta menggunakan teknologi untuk berkomunikasi dengan lebih efektif dan produktif. Pelajar juga akan didedahkan kepada penulisan resume dan penyediaan resume video bagi memenuhi tuntutan terkini industri, seterusnya dibimbing melalui satu sesi mock interview sebagai latihan persediaan temuduga pekerjaan.

EPPD1083 Statistik untuk Ekonomi dan Pengurusan

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai konsep dan kaedah statistik yang digunakan dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Perbincangan akan meliputi pengenalan kepada statistik, perihal data secara visual dan numerik, pengenalan kepada kebarangkalian, taburan kebarangkalian selanjar, taburan pensampelan, penganggaran, ujian hipotesis, analisis varian, ujian khi-kuasa dua, kaedah statistik tak berparameter, analisis kolerasi, dan analisis regresi. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh mentafsir maklumat statistik yang diperolehi dalam konteks ekonomi dan perniagaan.

EPPD2043 Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat

Secara umumnya kursus ini membincangkan etika dan tanggungjawab sosial korporat berdasarkan perspektif Teori Pemegang Kepentingan yang menekankan bahawa perniagaan dan masyarakat adalah sebahagian daripada sistem yang saling berinteraksi dan bergantung antara satu sama lain. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan termasuklah hubungan di antara perniagaan dan masyarakat, persekitaran sosial, persekitaran etika, kerajaan, alam sekitar, perubahan teknologi, dan pemegang kepentingan. Para pelajar akan didedahkan kepada konsep dan teori etika dan tanggungjawab sosial korporat, isu-isu semasa dan masalah berkaitan dengan etika dan tanggungjawab sosial korporat. Melalui kursus ini juga, pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan melalui keterlibatan dengan aktiviti kesukarelawanan. Pelajar dikehendaki memilih satu daripada empat modul kesukarelawanan yang ditawarkan, iaitu: 1) modul alam sekitar, 2) modul kepenggunaan, 3) modul perniagaan sosial, dan 4) modul khidmat masyarakat. Di penghujung kursus, pelajar dikehendaki mengaplikasi teori dan pengetahuan yang

telah dipelajari dalam kes-kes sebenar berkaitan etika dan tanggungjawab sosial perniagaan.

b) Kursus Wajib Program (WP)

EPPA2013 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan I

Kursus ini adalah kursus tahap pertama dalam siri LIMA kursus perakaunan dan pelaporan kewangan. Kursus ini akan (1) memperkenalkan pelajar kepada kerangka kerja perundangan yang melibatkan persekitaran pelaporan kewangan di Malaysia; iaitu pihak MASB, MIA, SC, CCM, Bursa Malaysia dan lain-lain. Kursus ini juga akan memperkenalkan pelajar kepada peranan pihak tersebut dalam pasaran modal, sektor IKS, sektor awam dan sektor organisasi bukan-untung (NGOs, organisasi kebajikan dan lain-lain). Kursus ini akan (2) memperkenalkan pelajar kepada kerangka kerja konseptual, elemen seperti aset, liabiliti, ekuiti, pendapatan dan belanja, komponen penyata kewangan, penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata aliran tunai dan penyata perubahan ekuiti (dan bagaimana penyata tersebut berkait antara satu dengan lain). Pelajar akan juga (3) diperkenalkan kepada item mudah bagi aset dan liabiliti seperti tunai, inventori, belum terima, hartanah, loji dan peralatan, aset tak zahir, pelaburan dan instrumen kewangan

Prasyarat: EPPD1033

EPPA2023 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan II

Kursus ini bertujuan untuk mendalami konsep dan perlakuan perakaunan, di samping memberi pendedahan dalam pelaporan kewangan bagi tajuk-tajuk terpilih. Penekanan diberikan kepada keperluan perundangan yang diterima pakai di Malaysia seperti Akta Syarikat 2016 dan piawaian perakaunan yang diterima pakai.

Prasyarat: EPPA2013

EPPA2033 Perakaunan Kos

Kursus ini memperkenalkan konsep-konsep asas, istilah, prinsip dan kaedah berkaitan perakaunan kos pada peringkat operasi. Liputan kursus merangkumi pengenalan kepada elemen-elemen kos, teknik asas pengumpulan kos dan pelbagai

kaedah pengekosan termasuk pendekatan kontemporari dalam menentukan kos produk yang dikeluarkan atau perkhidmatan yang ditawarkan.

Prasyarat: EPPD1033

EPPA3013 Pengauditan

Kursus ini merupakan pengenalan kepada pengauditan yang akan mendedahkan pelajar kepada konsep dan asas pengauditan. Penekanan akan diberikan kepada audit statutori dan peranan juruaudit luaran. Pelajar akan didedahkan kepada prinsip dalam melaksanakan tugas audit. Kandungan kursus ini termasuk perancangan audit, pengumpulan bukti, penilaian sistem kawalan dalaman, dokumentasi audit sehingga pengeluaran laporan audit. Metodologi audit bagi kitaran penyata kewangan seperti kitaran jualan dan penerimaan, kitaran belian dan pembayaran, dan kitaran tunai dan inventori juga akan dibincangkan. Ilmu asas yang diperolehi daripada kursus ini akan dikembangkan dengan lebih lanjut dalam kursus Audit Lanjutan.

Prasyarat: EPPA 2013

EPPA3023 Percukaian I

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada aspek percukaian di Malaysia. Antara topik yang dibincangkan ialah maksud percukaian, jenis-jenis cukai, pihak yang dikenakan cukai, serta bagaimana pengiraan cukai dilakukan dengan mengambilkira item-item yang diberi pelepasan dan pengecualian cukai. Fokus kursus adalah ke atas cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan perniagaan di Malaysia.

Prasyarat: EPPD1033

EPPA3034 Perakaunan dan Pelaporan Korporat

Kursus ini merupakan lanjutan kepada kursus-kursus perakaunan kewangan. Ia bermatlamat meningkatkan keupayaan pelajar dalam menyediakan dan membuat interpretasi penyata kewangan kumpulan serta memberi maklumat-maklumat kewangan dalam bentuk yang dikehendaki oleh pengguna.

Prasyarat: EPPA2023

EPPA3043 Sistem Maklumat Perakaunan dan Kawalan

Kursus ini menggunakan pendekatan ‘*hands-on*’ dalam mendedahkan pelajar kepada kitaran-kitaran perniagaan melalui bantuan teknologi maklumat. Kursus ini bertujuan memberi pelajar pengetahuan dan pengalaman dalam mengendalikan proses-proses di dalam kitaran perniagaan menggunakan perisian aplikasi perakaunan, termasuk aspek dokumentasi dan isu-isu kawalan.

Prasyarat: *EPPD1033*

EPPA3053 Perakaunan Pengurusan

Kursus ini membincangkan dan mengaplikasikan teknik-teknik perakaunan pengurusan untuk menyediakan maklumat bagi tujuan perancangan, kawalan dan pembuatan keputusan. Topik-topik yang diliputi termasuk belanjawan, analisis varian, strategi perletakan harga, perakaunan tanggungjawab dan harga pindahan. Selain itu, kursus ini membincangkan aspek tingkah laku beserta isu-isu etika.

Prasyarat: *EPPA2033*

EPPA409C Latihan Industri Perakaunan

Latihan industri memberikan pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan agar lebih bersedia dengan suasana kerja yang bakal mereka ceburi. Selain itu, kursus ini juga bertujuan memperkasakan kompetensi dan kemahiran pekerjaan pelajar dan seterusnya dapat mempertingkatkan kebolehan pasaran pelajar. Melalui kursus ini juga pelajar berpeluang menerapkan konsep, teori dan kemahiran ilmu yang diperolehi dalam bilik kuliah kepada alam pekerjaan.

Prasyarat: *EPPA3013, EPPA3023, EPPA3034, EPPA3053*

c) Kursus Wajib Modul (WM)

EPPA2413 Undang-Undang Komersan

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang perundangan yang berkaitan perdagangan. Topik yang dibincangkan adalah Sistem Perundangan Malaysia, Undang-undang Kontrak, Undang-undang Ejensi, Undang-undang Sewa Beli, Undang-undang Jualan Barangan, Undang-undang Insurans, Undang-undang Instrumen Boleh Niaga dan Prinsip Syariah dalam Kontrak.

EPPA2423 Undang-Undang Perkongsian dan Syarikat

Kursus ini bermatlamat menambah pengetahuan pelajar berhubung undang-undang berkaitan perniagaan. Pelajar akan didedahkan kepada undang-undang perkongsian dan undang-undang syarikat. Pelajar akan mempelajari ciri dan sifat yang terdapat dalam perkongsian dan syarikat selain mengenal pasti prinsip-prinsip yang diterima pakai untuk setiap perniagaan tersebut. Kursus ini juga akan membincangkan struktur, kewajipan dan liabiliti pihak-pihak yang mengurus perniagaan serta pembubaran dan penggulungan setiap bentuk perniagaan itu.

EPPA3113 Isu Terpilih Dalam Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan

Kursus ini adalah kursus tahap keempat dalam siri LIMA kursus Perakaunan dan Pelaporan Kewangan. Kursus ini meningkatkan pengetahuan dan skil yang telah diperkenalkan dalam kursus tahap ketiga, EPPA3034. Pelajar dibawa ke tahap keempat dari segi pembentukan kemampuan dan kompetensi yang melibatkan IFRS. Kursus ini meningkatkan skil pelajar dalam akaun disatukan dengan memperkenalkan struktur kumpulan yang lebih kompleks untuk menguruskan syarikat bersekutu, usaha sama, dan operasi asing. Kursus ini juga melibatkan isu yang berhubung kait seperti Penyata Aliran Tunai Disatukan dan memperkenalkan isu pendedahan yang lebih tinggi berkaitan topik segmen operasi dan urusaniaga pihak berkaitan.

Prasyarat: EPPA3034

EPPA3513 Percukaian II

Kursus ini merupakan lanjutan kursus EPPA 3023 Percukaian I. Matlamat utama kursus ini ialah untuk membincangkan lanjutan topik-topik dalam percukaian syarikat dan topik-topik sampingan dalam percukaian bagi membolehkan para pelajar memahami sistem percukaian Malaysia secara keseluruhan. Selain itu, pelajar juga mampu untuk merancang perancangan cukai bagi perniagaan berskala kecil dan sederhana.

Prasyarat: EPPA3023

EPPA3613 Pembangunan dan Aplikasi Strategik Sistem Maklumat dan Perakaunan

Kursus ini menggunakan pengetahuan asas pelajar berkenaan sistem maklumat perakaunan dalam menilai, mencadang dan mengurus projek pembangunan sistem kes dunia sebenar.

Prasyarat: EPPA3043

EPPA4123 Teori dan Amalan Perakaunan

Kursus ini bertujuan memberikan pemahaman kepada pelajar mengenai aspek-aspek teori dan amalan dalam bidang perakaunan. Pelajar diharap dapat memahami dan menggarap persoalan dan permasalahan yang dihadapi dalam bidang perakaunan. Pelajar juga dilatih untuk berfikir dengan sewajarnya dan berhujah secara kritis dalam menangani permasalahan perakaunan. Di antara topik yang dibincangkan termasuk sejarah dan perkembangan teori perakaunan, pendekatan dalam pembentukan teori perakaunan, model pemikiran dalam perakaunan, kerangka kerja konseptual perakaunan, isu aset, liabiliti, ekuiti, hasil dan belanja, serta isu semasa dalam perakaunan.

Prasyarat: EPPA3034

EPPA4133 Perakaunan Sektor Awam

Kursus ini diolah untuk mendedahkan pelajar kepada teori dan amalan perakaunan sektor awam serta perundangan dan peraturan yang mendasarinya. Liputan kursus adalah termasuk persekitaran perakaunan sektor awam dan isu-isu utama berkaitan perakaunan kewangan dan pelaporan, perakaunan pengurusan dan kawalan, pengauditan dan akauntabiliti.

Prasyarat: EPPA2023

EPPA4213 Seminar Perakaunan Pengurusan

Kursus ini merupakan lanjutan kepada kursus perakaunan kos dan perakaunan pengurusan yang dikendalikan menggunakan kaedah seminar. Kursus ini bertujuan meningkatkan keupayaan pelajar untuk menganalisis dan sintesis maklumat perakaunan pengurusan untuk perancangan strategik, penilaian prestasi dan kawalan pengurusan. Isu motivasi, tingkah laku dan etika juga diambil kira dalam kursus ini. Pendedahan kepada pemikiran kritikal, pembuatan keputusan dan isu-isu

kontemporari dalam perakaunan pengurusan dilaksanakan melalui analisis kes dan projek.

Prasyarat: EPPA3053

EPPA4313 Audit Lanjutan Dan Penyiasatan

Kursus ini adalah lanjutan daripada kursus pengauditan. Ia bertujuan untuk memberi kefahaman yang mendalam kepada pelajar mengenai konsep yang menjadi asas kepada amalan pengauditan. Pelajar perlu untuk mengintegrasikan ilmu yang dipelajari dari kursus asas EPPA3013 dalam persekitaran berkomputer dan mendalami topik-topik pengauditan yang khusus dan terpilih. Selain itu, pelajar juga didedahkan kepada konsep urus tadbir korporat dari perspektif pengauditan.

Prasyarat: EPPA3013 Pengauditan

EPPA4713 Kajian Kes Integrasi

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada kes perniagaan sebenar dengan mengintegrasikan pengetahuan dalam bidang perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan, percukaian, pengauditan, kewangan, pengurusan dan perniagaan yang berkaitan, teknologi maklumat dan lain-lain kursus dalam bidang sains sosial. Penggunaan kes akan membolehkan dan membantu membentuk pemikiran yang kritis dan pembuatan keputusan yang rasional. Latihan melalui pengalaman secara praktikal turut dimuatkan di dalam kursus ini bagi membantu pembelajaran sendiri. Proses pembelajaran diperolehi melalui perbincangan dan pembentangan dalam kumpulan kecil.

EPPM2053 Pengurusan Kewangan

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai prinsip dan teknik asas yang digunakan secara meluas dalam bidang kewangan di samping menekankan aplikasinya dalam membuat keputusan kewangan. Antara topik yang dibincangkan termasuk persekitaran dan pasaran kewangan, konsep dan aplikasi nilai masa wang, kadar faedah, penilaian sekuriti, polisi dividen, risiko dan pulangan dan pengurusan modal kerja. Di akhir kursus, pelajar diharap dapat memahami dan berkemahiran untuk

menganalisa serta membuat perancangan kewangan dan menilai pelaburan dalam aset kewangan.

Prasyarat: *EPPD1033, EPPD1043*

EPPM3103 Kelakuan Organisasi

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang aspek utama kelakuan organisasi pada tiga tahap utama iaitu individu, kumpulan dan organisasi. Antara tajuk utama dalam rangka perbincangan adalah kelakuan dan sikap individu, kelakuan antara individu, dinamik kumpulan, kepimpinan dan kuasa, serta budaya dan perubahan organisasi. Kursus ini menggunakan pendekatan kuliah, perbincangan dalam kumpulan dan forum untuk meningkatkan kefahaman pelajar berkenaan kelakuan organisasi.

Prasyarat: *EPPD1053*

EPPM3643 Kewangan Korporat

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengaplikasikan teknik menganalisis dan penerapan model kewangan bagi membuat keputusan secara berkesan. Di antara keputusan kewangan korporat yang penting termasuklah perancangan dan pembiayaan pelaburan jangka panjang, dasar dividen, penstrukturan, penggabungan dan pengambilalihan. Matlamat utama kursus ini adalah mendedahkan pelajar kepada kemahiran dalam mengenalpasti masalah atau isu kewangan, menjana alternatif dan membuat keputusan.

Prasyarat: *EPPM2053*

EPPM4023 Pengurusan Strategik

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai pengurusan strategik secara keseluruhan bagi sesebuah perniagaan. Pelajar diberi pendedahan mengenai keperluan dan tanggungjawab pengurusan atasan sesebuah syarikat dalam mengekal atau meningkatkan daya saing perniagaan menerusi perancangan dan pelaksanaan strategik. Pelajar diberi latihan untuk menganalisis persekitaran dalaman dan luaran perniagaan, dan diberi panduan tentang cara membentuk dan melaksanakan strategi yang sesuai untuk sesebuah perniagaan. Di

samping itu juga, kursus ini turut membincangkan isu-isu persekitaran global dan tren semasa yang dihadapi oleh pengurus atasan syarikat.

SINOPSIS KURSUS ELEKTIF (PB) PROGRAM PERAKAUNAN

EPPA4113 Perakaunan Khusus

Kursus ini membincangkan dengan lebih terperinci konsep, prinsip dan tatacara perakaunan yang diamalkan dalam beberapa industri khusus di Malaysia. Industri yang diberi tumpuan adalah kewangan, perkhidmatan, perlombongan, perladangan dan penternakan. Pelajar juga akan menjalankan kajian tentang amalan perakaunan dalam industri yang terlibat.

Prasyarat: EPPA3034

EPPA4153 Perakaunan Untuk Instrumen Kewangan Islam dan Zakat

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang perakaunan untuk urusniaga instrumen Islam dan juga zakat perniagaan. Tumpuan kursus adalah kepada aspek teori dan amali meliputi pelbagai kontrak dalam Islam, kontrak dan instrumen dalam pelbagai sektor dan institusi perniagaan dan bukan perniagaan, falsafah zakat, hukum hakam zakat, aset-aset yang tertakluk kepada zakat, kemahiran kaedah penaksiran zakat mengikut industri dan sektor, pentadbiran dan perundangan zakat di Malaysia serta isu keperluan standard perakaunan yang khusus untuk muamalah Islam.

Prasyarat: EPPA2023

EPPA4513 Percukaian Lanjutan

Kursus ini membincangkan ilmu percukaian di peringkat lanjutan dari sudut penggubal dasar, pentadbir cukai dan perancang cukai di sektor swasta dengan mengaitkannya dengan amalan sebenar di sektor awam dan korporat.

Prasyarat: EPPA3513

EPPM3053 Pengurusan Sumber Manusia

Kursus ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan mengenai pelbagai konsep, prinsip, isu strategik dan taktikal yang berkaitan dengan pengurusan sumber

manusia. Ia juga bertujuan melatih pelajar memperoleh kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berhubung isu-isu pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Tajuk-tajuk yang diliputi termasuklah cabaran masa kini berkaitan pengurusan sumber manusia, analisis kerja, perancangan sumber manusia, pemilihan kakitangan, latihan, pembangunan kerjaya, penilaian prestasi, pentadbiran ganjaran, serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Prasyarat: *EPPD1013*

EPPM3613 Pasaran Dan Institusi Kewangan

Kursus ini merupakan kursus wajib bagi semua pelajar yang mengkhusus dalam bidang kewangan. Kursus ini bertujuan memberi kefahaman menyeluruh tentang teori dan praktis pasaran dan institusi kewangan. Topik yang dipelajari merangkumi pasaran kewangan iaitu pasaran wang, pasaran modal, pasaran tukaran wang asing dan pasaran derivatif; dan institusi kewangan

Prasyarat: *EPPM2083, EPPM2114*

EPPM3653 Pengurusan Pelaburan Dan Portfolio

Kursus ini bertujuan memberi kemahiran kepada pelajar membuat penilaian pelaburan, memilih sekuriti untuk pelaburan yang optimal, membuat dan memahami analisis, fundamental dan teknikal dan membentuk portfolio saham dan bon. Antara topik-topik penting dalam kursus ini termasuklah persekitaran pelaburan di Malaysia, alternatif pelaburan, konsep dan prinsip asas pelaburan, cara dan prosedur penilaian sekuriti dan pengurusan portfolio. Kursus ini juga membincangkan beberapa teori-teori kewangan, pelaburan, dan portfolio

Prasyarat: *EPPM2114*

EPPA4143 Analisis Pelaporan Kewangan

Kursus ini bertujuan untuk membina kemahiran menganalisis maklumat untuk tujuan pembuatan keputusan ekonomi. Pelajar dilatih untuk membaca, memahami, menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang didedahkan dalam laporan tahunan yang diterbitkan. Di samping itu, pelajar juga dilatih untuk memahami realiti ekonomi di sebalik maklumat yang dilaporkan, memahami kaitan di antara tadbir urus korporat dengan pelaporan kewangan, menilai kualiti pelaporan serta mengenal

pasti dan membetulkan kesan pengurusan perolehan ke atas angka perakaunan. Analisis merangkumi analisis prestasi kewangan, pengenalpastian sumber yang menjana nilai bagi entiti pelapor, penilaian risiko dan kredit serta penilaian pencapaian sasaran dan matlamat strategik

Prasyarat: EPPA3034

EPPA 4323 Audit Dalaman

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang fungsi audit dalaman di organisasi. Secara khususnya, kursus ini menghuraikan skop bidang audit dalaman membantu organisasi memperbaiki mutu serta memberi khidmat yang dapat menambah nilai organisasi terutamanya dalam aspek kawalan, pengurusan risiko dan tadbir urus. Pelajar juga akan mengetahui tentang piawai yang perlu dipatuhi oleh juruaudit dalaman dalam melaksanakan tugas mereka.

Prasyarat: EPPA3043

EPPM4623 Kewangan Antarabangsa

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai isu-isu utama dalam pengurusan kewangan antarabangsa dan kaedah-kaedah bagi menangani isu-isu tersebut. Perbincangan merangkumi aspek persekitaran syarikat multinasional, penentuan kadar pertukaran mata wang asing, pendedahan dan cara mengurus pendedahan perubahan kadar tukaran mata wang asing, pengurusan modal kerja antarabangsa, pelaburan dan pembiayaan antarabangsa khususnya pelaburan langsung asing, pembelanjawan modal global, pembiayaan perdagangan antarabangsa, trend teknologi kewangan dan kesannya terhadap kewangan global.

Prasyarat: EPPM2114 dan EPPM3644

EPPA4343 Makmal Latihan Industri Perkhidmatan Perniagaan Global Junior

Kursus ini bertujuan menyediakan ruang untuk pembelajaran berasaskan kerja dalam makmal latihan di universiti yang dibangunkan oleh firma perkhidmatan

perniagaan global (*Global Business Services* atau GBS) yang terpilih. Melalui Pembelajaran berasaskan Kerja, pelajar akan dilatih melaksanakan kerja-kerja mengikut bidang kerjaya masing-masing. Contohnya pelajar perakaunan dan kewangan akan dilatih melaksanakan kerja-kerja berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan perakaunan dan kewangan. Pelajar dari jurusan perniagaan atau yang berkaitan pula boleh memilih perkhidmatan sumber manusia, perkhidmatan teknologi maklumat atau yang berkaitan dengannya. Firma GBS terpilih akan bekerjasama dengan penyelaras kursus dalam membangunkan pelan latihan untuk memastikan pelajar memperolehi pengalaman kerja dalam firma GBS disamping meningkatkan kemahiran insaniah serta kecekapan bekerja yang diperlukan dalam industri GBS.

EPPA4353 Perundingan Sistem Maklumat Perakaunan

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dengan konsep-konsep utama, amalan dan isu yang berkaitan dengan kerja-kerja perundingan Sistem Maklumat Perakaunan (SMP) daripada perspektif kedua-dua pihak iaitu pelanggan dan perunding. Kursus ini mengguna pakai teori yang berkaitan dalam pengurusan perubahan, aspek tingkah laku dan psikologi sosial untuk menggambarkan bagaimana perunding SMP terlibat dengan organisasi dan membantu pihak pengurusan menyelesaikan isu dalam proses perniagaan. Kursus ini juga mengkaji cabaran dan peluang dalam persekitaran perniagaan yang kontemporari yang dibawa oleh kemajuan teknologi seperti kemunculan perakaunan awan, "*Robotic Process Automation*", teknologi terkini dalam media sosial, "*Big Data Analytics*" dan "*crowdsourcing*".

EPPA419C Sangkutan Industri

Kursus ini merupakan lanjutan kepada kursus EPPA409C Latihan Industri Perakaunan. Kursus ini diambil pada semester akhir tahun 4 pengajian iaitu sejeurus tamat menjalani kursus EPPA409C Latihan Industri Perakaunan. Kursus ini adalah bertaraf elektif program yang berjumlah 12 jam kredit. Pelajar yang mengambil kursus ini dikira sebagai telah memenuhi keperluan kursus elektif dan tidak perlu lagi mengambil kursus elektif yang lain sebagaimana pelajar yang memilih laluan konvensional dan profesional. Tujuan kursus ini diperkenalkan adalah bagi memberi pendedahan tambahan kepada pelajar selama 6 bulan lagi. Pendedahan pratikal

yang lebih panjang akan meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Adalah diharapkan pelajar akan diserap sebagai pekerja selepas selesai sahaja menamatkan kursus ini tanpa perlu lagi kembali ke kampus untuk menyambung pengajian mereka.

Prasyarat: Lulus Kursus EPPA409C Latihan Industri Perakaunan

SINOPSIS KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK PROGRAM SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN

EPPA2813 Perakaunan untuk Pengurusan

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar-pelajar Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan tentang elemen dan isu perakaunan kos dan perakaunan pengurusan. Dengan ini, bakal-bakal pengurus ini bukan sahaja boleh memahami malahan juga boleh menerapkan pengetahuan yang berkaitan dalam merancang, mengawal, membuat keputusan dan melakukan penambahbaikan berterusan dalam kerja mereka kelak.

Prasyarat: EPPD1033.

EPPA2823 Undang-Undang Perniagaan

Kursus ini membincangkan prinsip undang-undang perniagaan di Malaysia. Rangkuman kursus mengandungi topik berhubung sistem perundangan Malaysia, undang-undang kontrak, undang-undang jualan barang, undang-undang insurans, undang-undang agensi, undang-undang hubungan majikan dan pekerja, undang-undang perkongsian dan undang-undang syarikat.

SINOPSIS KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK LUAR FAKULTI

EPPA2913 Prinsip Perakaunan Perniagaan

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan asas perakaunan kepada pelajar bukan daripada jurusan perakaunan, pengurusan perniagaan dan ekonomi. Pelajar akan diperkenalkan kepada proses perakaunan kewangan bagi entiti perniagaan seperti perniagaan perseorangan, perkongsian dan syarikat. Pelajar juga diberi kefahaman tentang perakaunan pengurusan dan perakaunan kos.

EPPA2923 Analisis Penyata Kewangan

Kursus ini memperkenalkan konsep menganalisis maklumat yang terdapat dalam penyata kewangan. Kursus ini memberi pengenalan tentang persekitaran perakaunan dan kewangan, kefahaman tentang penyata kewangan dan konsep perakaunan, serta teknik-teknik analisis dan pembuatan keputusan.



SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN DENGAN KEPUJIAN



PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN

Tujuan dan objektif Program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan ialah untuk melahirkan graduan yang mahir dan berpengetahuan dari segi teoritikal dan juga praktikal dalam bidang pentadbiran perniagaan yang meliputi pengurusan, pemasaran dan kewangan.

Objektif Program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan adalah:-

- a. Melahirkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pengurusan dan keusahawanan bagi menghasilkan pekerja, pengurus dan pemimpin yang berfungsi dengan berkesan dalam organisasi awam, swasta dan perniagaan sendiri.
- b. Menyediakan pendidikan berkualiti dan inovatif melalui pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan perkembangan ilmu dan penyelidikan terkini.
- c. Memberikan pendidikan pengurusan yang luwes dan sesuai dengan keperluan pasaran.

Hasil Pembelajaran Program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan

Pada akhir program pengajian, graduan seharusnya boleh:

1. Menunjukkan pengetahuan dan kefahaman dalam ilmu pengurusan dan persekitaran perniagaan.
2. Mempamerkan kemahiran praktikal yang relevan dalam mengurus organisasi.
3. Menunjukkan kemahiran sosial dan tanggungjawab yang konsisten dengan etika pengurusan.
4. Melaksanakan dan menyempurnakan tugas berdasarkan nilai dan sikap yang profesional.
5. Mengaplikasikan kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan yang berkesan untuk menyempurnakan tugas secara berkumpulan.
6. Menggunakan konsep pengurusan organisasi dalam proses pembuatan keputusan dan penyelesaian masalah organisasi.
7. Mengaitkan ilmu dan amal bidang pengurusan dalam pembelajaran sepanjang hayat.
8. Mempamerkan kemahiran keusahawanan yang kreatif dan inovatif.

Kursus Wajib Fakulti (WF) – 29/31 Kredit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPD1013	Mikroekonomi I	3
2	EPPD1023	Makroekonomi I	3
3	EPPD1033	Prinsip Perakaunan	3
4	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
5	EPPD1053	Pengantar Pengurusan	3
6	EPPD1063	Aplikasi Komputer	3
7	EPPD2023	Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
8	EPPD2033	Perniagaan Mengikuti Perspektif Islam	3
9	LMCE1042	Breakthrough English (Band 1, 2.0, 2.5)	2
10	LMCE1052	Bridging English (Band 1.0, 2.0, 2.5)	2
11	LMCE1062 / LMCE1072 / LMCE1082	Academic Interactions (Band 1.0, 2.0, 2.5, 3.0, 3.5) Academic Literacy (Band 4.0, 4.5) Page To Stage (Band 5.0, 5+)	2
12	LMCE2082 / LMCE2092 / LMCE2103	Pro Talk English (Band 3.0, 3.5) Speak to Persuade (Band 4.0, 4.5) Advanced Communication Project (Band 5.0, 5+)	2
13	LMCE3051 / LMCE3061 / LMCE3071	Let's Get Talking (Band 1.0, 2.0, 2.5) Corporate Story Telling (Band 3.0, 3.5) Professional Communications (Band 4.0, 4.5)	1
Jumlah			*29/31

*Pelajar MUET Band 1.0 - 2.5 = 31 kredit, pelajar MUET Band 3.0 dan ke atas = 29 kredit

Kursus Wajib Program (WP) - 50 Kredit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPA2813	Perakaunan Untuk Pengurusan	3
2	EPPA2823	Undang-undang Perniagaan	3
3	EPPM2014	Komunikasi Perniagaan	4
4	EPPM2033	Perniagaan Antarabangsa	3
5	EPPM2063	Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat	3
6	EPPM2073	Pengantar Pemasaran	3
7	EPPM2114	Pengurusan Kewangan	4
8	EPPM2123	Sistem Maklumat Perniagaan	3
9	EPPM2133	Penyelidikan Perniagaan	3
10	EPPM3033	Kelakuan Organisasi	3
11	EPPM3043	Pengurusan Perubahan dan Inovasi	3
12	EPPM3093	Kertas Ilmiah	3
13	EPPM4014	Pengurusan Strategik	4
14	EPPM4098	Latihan Industri	8

Kursus Wajib Modul (WM) - 16 Kredit

Pelajar perlu memilih **SATU** modul pengkhususan bermula tahun dua daripada pilihan berikut:

- Kewangan
- Perkhidmatan Kewangan dan Pengurusan Risiko
- Pemasaran dan Kepenggunaan
- Pengurusan Sumber Manusia
- Perniagaan Antarabangsa

1. Modul Kewangan

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPM2514	Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans	4
2	EPPM3613	Pasaran dan Institusi Kewangan	3
3	EPPM3644	Kewangan Korporat dan Penstrukturan	4
4	EPPM3654	Pengurusan Pelaburan dan Portfolio	4
5	EPPM3673	Kewangan dan Perbankan Islam	3
6	EPPM4433	Kewangan Antarabangsa	3

2. Modul Perkhidmatan Kewangan dan Pengurusan Risiko

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPM2514	Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans	4
2	EPPM3523	Insurans Hayat dan Kesihatan	3
3	EPPM3533	Operasi Syarikat Insurans dan Takaful	3
4	EPPM3613	Pasaran dan Institusi Kewangan	3
5	EPPM4543	Pengurusan Risiko Korporat	3

3. Modul Pemasaran dan Kepenggunaan

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPM3024	Pengurusan dan Strategi Pemasaran	4
2	EPPM3313	Kelakuan Pengguna	3
3	EPPM3363	Pengurusan Peruncitan	3
4	EPPM3373	Pemasaran Perkhidmatan	3
5	EPPM3423	Pemasaran Antarabangsa	3

4. Modul Pengurusan Sumber Manusia

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPM3113	Teori Organisasi	3
2	EPPM3214	Pengurusan Sumber Manusia	4
3	EPPM3223	Pengurusan Sumber Manusia Antarabangsa	3
4	EPPM4223	Latihan dan Pembangunan Pekerja	3
5	EPPM4253	Pengurusan Ganjaran Pekerja	3

5. Modul Perniagaan Antarabangsa

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPE3143	Ekonomi Perdagangan Antarabangsa	3
2	EPPM3223	Pengurusan Sumber Manusia Antarabangsa	3
3	EPPM3414	Pengurusan Silang Budaya	4
4	EPPM3423	Pemasaran Antarabangsa	3
5	EPPM4433	Kewangan Antarabangsa	3

Kursus Elektif (PB) - 6 Kredit

Pelajar perlu mengambil mana-mana dua kursus minima 3 kredit selain daripada kursus Wajib Modul sendiri:

- a. Kursus Wajib Modul lain dalam program Pentadbiran Perniagaan, atau

- b. Kursus Wajib Program Perakaunan, Ekonomi, atau Keusahawanan dan Inovasi, atau
- c. Kursus di luar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan termasuk kursus di Pusat Citra Universiti

SINOPSIS KURSUS WAJIB FAKULTI (WF)

EPPD1013 Mikroekonomi I

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang model, konsep dan metodologi mikroekonomi dalam memahami masalah ekonomi pada peringkat pengguna dan firma. Pelajar akan didedahkan kepada tajuk-tajuk utama mikroekonomi meliputi aspek permintaan, penawaran, keseimbangan harga, keanjalan, teori pilihan pengguna, fungsi pengeluaran, kos dan struktur pasaran. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pendekatan mikroekonomi dalam menyelesaikan masalah persekitaran ekonomi dan pengurusan.

EPPD1023 Makroekonomi I

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang konsep asas makroekonomi yang meliputi pengukuran dan keseimbangan pendapatan negara, peranan bank pusat, bank perdagangan dan proses penciptaan kredit, pasaran wang dan penentuan kadar bunga, implikasi dasar fiskal dan monetari terhadap pendapatan negara, pengangguran dan inflasi, perdagangan antarabangsa, imbalan pembayaran dan pasaran pertukaran asing serta globalisasi dan pertumbuhan ekonomi. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaitkan ilmu tersebut dengan isu ekonomi semasa dalam persekitaran global dan setempat.

EPPD1033 Prinsip Perakaunan

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan prinsip asas serta rasional yang mendasari amalan perakaunan. Kitaran perakaunan disentuh secara terperinci yang meliputi proses penjumlahan, pengeposan, penyediaan imbalan duga, pelarasan, penyediaan penyata kewangan dan catatan penutup. Perbincangan meliputi kitaran perakaunan bagi jenis operasi berbeza seperti perniagaan perkhidmatan, pembarangan dan perkilangan serta konteks pemilikan berbeza yang meliputi pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi tidak bermotifkan keuntungan.

EPPD1043 Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan

Kursus ini memberi kefahaman kepada pelajar beberapa aspek asas dalam matematik yang meliputi fungsi, matriks, matematik kewangan, had, keselajaran, perbezaan dan pengamiran. Aplikasi dalam bidang ekonomi turut dibincangkan untuk setiap tajuk tersebut. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dapat menganalisis masalah ekonomi dan perniagaan dengan menggunakan teknik-teknik matematik yang telah dibincangkan.

EPPD1053 Pengantar Pengurusan

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada pengurusan perniagaan. Ia mendedahkan kepada pelajar konsep dan teori asas pengurusan dan pentadbiran organisasi. Tajuk-tajuk utama merangkumi pemikiran pengurusan, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan motivasi, pengawalan kualiti dan prestasi, budaya korporat dan komunikasi dalam menguruskan sesebuah organisasi. Kursus ini turut membincangkan tentang amalan-amalan terbaik pengurusan terkini dalam pembentukan dan pengkalan daya saing organisasi.

EPPD2023 Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai konsep dan kaedah statistik yang digunakan dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Perbincangan akan meliputi pengenalan kepada statistik, perihal data secara visual dan numerik, pengenalan kepada kebarangkalian, taburan kebarangkalian selanjar, taburan pensampelan, penganggaran, ujian hipotesis, analisis varian, ujian khi-kuasa dua, kaedah statistik tak berparameter, analisis kolerasi, dan analisis regresi. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh mentafsir maklumat statistik yang diperolehi dalam konteks ekonomi dan perniagaan.

EPPD1063 Aplikasi Komputer

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang konsep asas sistem maklumat dan penggunaan praktikal aplikasi komputer terkini dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Kursus ini memperkenalkan konsep teknologi maklumat seperti perkakasan, perisian, sistem pengoperasian, konsep pangkalan data, rangkaian, internet dan telekomunikasi. Elemen utama kursus ini merangkumi lima aplikasi komputer yang asas bagi kegunaan dalam pengurusan dan perniagaan iaitu aplikasi Microsoft Office yang terdiri daripada Word, Excel, Powerpoint dan Access.

EPPD2033 Perniagaan Mengikut Perspektif Islam

Matlamat utama kursus ini adalah untuk memberi pemahaman kepada pelajar-pelajar terhadap asas-asas perniagaan menurut perspektif Islam. Pelajar didedahkan dengan konsep-konsep asas perniagaan dalam Islam, instrumen-instrumen kewangan Islam dan etika pengurusan Islam. Kursus ini juga akan meningkatkan pengetahuan pelajar untuk membezakan teknik-teknik urusniaga yang dianjurkan Islam dengan urusniaga konvensional. Di samping itu juga, kursus ini akan membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan asas perniagaan menurut perspektif Islam.

SINOPSIS KURSUS WAJIB PROGRAM (WP)

EPPM2014 Komunikasi Perniagaan

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran berkomunikasi sebagai asas utama untuk berjaya dalam kerjaya di organisasi. Kursus ini juga membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan dalam komunikasi perniagaan. Pelajar berpengetahuan untuk berkomunikasi secara berkesan dalam situasi kerja yang pelbagai, bekerja secara berpasukan, berfikir secara kritikal serta menggunakan teknologi untuk berkomunikasi.

EPPM2033 Perniagaan Antarabangsa

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar terhadap pelbagai aspek perniagaan yang mempengaruhi pengoperasian firma di pasaran antarabangsa, dan bagaimana firma menangani tekanan daripada isu globalisasi. Para pelajar akan mempelajari faktor persekitaran nasional yang berbeza seperti sistem budaya, politik, perundangan, kewangan dan ekonomi yang mempengaruhi amalan dan strategi perniagaan merentas sempadan. Kursus ini juga akan membincangkan komponen-komponen yang mempengaruhi perniagaan antarabangsa seperti teori perdagangan antarabangsa, polisi perdagangan kerajaan, integrasi kawasan, pelaburan langsung luar dan persekitaran kewangan di era globalisasi. Di samping

itu, pelajar juga akan menilai pengurusan perniagaan antarabangsa seperti fungsian organisasi yang melibatkan sumber manusia, pemasaran, operasi dan sumber rantaian nilai. Selain itu, isu pasaran baru muncul (*emerging markets*) juga merupakan topik yang akan dibincangkan dalam kursus ini.

EPPM2063 Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat

Kursus ini membincangkan etika dan tanggungjawab perniagaan berdasarkan perspektif Teori Pemegang Kepentingan yang menekankan bahawa perniagaan dan masyarakat adalah sebahagian daripada sistem yang saling berinteraksi dan saling bergantung antara satu sama lain. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan termasuklah hubungan di antara: perniagaan dan masyarakat, perniagaan dan persekitaran sosial, perniagaan dan persekitaran etika, perniagaan dan kerajaan, perniagaan dan alam fizikal, perniagaan dan perubahan teknologi serta perniagaan dan pemegang kepentingan. Para pelajar akan didedahkan kepada konsep, teori-teori etika dan tanggungjawab sosial perniagaan. Seterusnya dibincangkan bagi mengaplikasi teori dan pengetahuan yang telah dipelajari daripada kes-kes berkaitan etika dan tanggungjawab sosial perniagaan dalam realiti perniagaan hari ini.

Prasyarat: EPPD1053.

EPPM2073 Pengantar Pemasaran

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang dunia pemasaran. Kursus ini membolehkan para pelajar mengenali dan memahami konsep-konsep asas dan falsafah pemasaran, memberi kefahaman tentang persekitaran pemasaran dan kefahaman tentang kelakuan pengguna pasaran perniagaan dalam pemasaran. Pelajar juga akan didedahkan tentang bagaimana pihak pemasar bertindak mensegmenkan pasaran, mensasarkannya dan memposisikan produk di kacamata pengguna. Elemen-elemen campuran pemasaran iaitu keluaran, harga, saluran pengagihan dan promosi atau lebih dikenali sebagai 4P's serta strategi-strategi dan keputusan-keputusan yang perlu dilakukan oleh pihak pemasar juga turut didedahkan. Di samping itu, pelajar juga akan didedahkan kepada pemasaran global dan kepentingannya.

EPPM2114 Pengurusan Kewangan

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai prinsip dan teknik asas yang digunakan secara meluas dalam bidang kewangan di samping menekankan aplikasinya dalam membuat keputusan kewangan. Antara topik yang dibincangkan termasuk persekitaran dan pasaran kewangan, konsep dan aplikasi nilai masa wang, kadar faedah, penilaian sekuriti, polisi dividen, risiko dan pulangan, dan pengurusan modal kerja. Di akhir kursus, pelajar diharap dapat memahami dan berkemahiran untuk menganalisa serta membuat perancangan kewangan dan menilai pelaburan dalam aset kewangan.

Prasyarat: EPPD1033, EPPD1043 atau EPPD2023.

EPPM2123 Sistem Maklumat Perniagaan

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan pengurusan sistem maklumat dalam era globalisasi. Penggunaan sistem maklumat yang berkesan dapat memberi peluang organisasi berinovasi. Penekanan diberikan kepada konsep asas, teori, klasifikasi dan fungsi sistem maklumat yang perlu ada di dalam sesebuah organisasi. Pelajar juga dapat mengenalpasti peluang dan kekangan yang dihadapi oleh organisasi dalam membangunkan sistem maklumat. Antara tajuk yang diliputi ialah cabaran masakini berkaitan pengurusan sistem maklumat yang merangkumi perkakasan dan perisian, teknologi komunikasi, perancangan dan pembangunan sistem maklumat untuk pembuatan keputusan dan juga isu-isu etika dan keselamatan.

Prasyarat: EPPD1063.

EPPM2133 Penyelidikan Perniagaan

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada kaedah penyelidikan perniagaan. Pendekatan berasaskan masalah akan digunakan dalam pengajaran di mana pelajar dikehendaki membuat latihan dan perbincangan untuk setiap topik yang diperkenalkan sepanjang semester. Pelajar didedahkan dengan konsep penyelidikan selari dengan perkembangan idea penyelidikan mereka. Tajuk-tajuk yang dibincangkan meliputi penyelidikan saintifik, penyataan masalah, ulasan literatur, pembentukan kerangka teoritikal dan hipotesis, kaedah pengumpulan data, pengukuran pembolehubah, persampelan, reka bentuk penyelidikan dan analisa

data kuantitatif. Pelajar turut diberi pendedahan tentang aplikasi SPSS yang boleh membantu pelajar menganalisis dapatan penyelidikan. Di akhir kursus, pelajar perlu mengemukakan cadangan penyelidikan perniagaan sebagai asas kepada kursus EPPM3093-Kertas Ilmiah.

EPPM3033 Kelakuan Organisasi

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang aspek utama mengenai kelakuan individu, kumpulan dan sistem dalam organisasi. Ia juga bertujuan meningkatkan kemahiran pelajar untuk menggunakan kaedah pengurusan organisasi dengan lebih berkesan. Antara topik yang dimasukkan dalam rangka perbincangan ialah kelakuan individu, kelakuan antara individu, dinamik kumpulan, kepemimpinan, kuasa dan politik dan budaya organisasi.

Prasyarat: EPPD1053.

EPPM3043 Pengurusan Perubahan dan Inovasi

Matlamat kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada pelajar tentang pengurusan inovasi secara strategik. Ia merangkumi tajuk-tajuk seperti konsep dan prinsip asas inovasi, isu-isu ke arah pengurusan inovasi yang berkesan dan elemen-elemen penting di dalam model proses inovasi. Model proses inovasi terdiri daripada sumber dan jaringan inovasi, proses pemilihan idea dengan pengurusan risiko yang baik, proses merealisasikan idea inovatif dan kaedah mengenalpasti nilai/faedah hasil inovasi.

EPPM3093 Kertas Ilmiah

Kursus ini menyediakan platform kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan mengenai penyelidikan dalam konteks perniagaan sebenar. Ia memberi peluang kepada pelajar untuk menjalankan kajian lapangan secara sendiri di bawah pantauan penyelia. Selain itu, ia juga melatih pelajar untuk menggunakan metodologi dan analisis yang bersesuaian dengan objektif kajian. Kursus ini juga melatih pelajar untuk menyediakan laporan hasil kajian yang boleh memberi manfaat kepada organisasi perniagaan.

Prasyarat: EPPM2133.

EPPM4014 Pengurusan Strategik

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai pengurusan strategik secara keseluruhan bagi sesebuah perniagaan. Pelajar diberi pendedahan mengenai keperluan dan tanggungjawab pengurusan atasan sesebuah syarikat dalam mengekal atau meningkatkan daya saing perniagaan menerusi perancangan dan pelaksanaan strategik. Pelajar diberi latihan untuk menganalisis persekitaran dalaman dan luaran perniagaan, dan diberi panduan tentang cara membentuk dan melaksanakan strategi yang sesuai untuk sesebuah perniagaan. Disamping itu juga, kursus ini turut membincangkan isu-isu persekitaran global dan tren semasa yang dihadapi oleh pengurus atasan syarikat.

EPPM4098 Latihan Industri

Latihan Industri bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang persekitaran pekerjaan sebenar. Lazimnya, pelajar mengikuti Latihan Industri akan ditempatkan di firma-firma perniagaan atau organisasi terpilih. Dalam latihan ini pelajar akan dapat mengenali pelbagai struktur dan fungsi yang terdapat di dalam firma atau organisasi berkenaan. Di akhir latihan, pelajar dikehendaki menghantar laporan terhadap latihan yang dijalankannya.

Syarat: Dijalankan selepas lulus semua kursus.

SINOPSIS KURSUS WAJIB MODUL (WM)

MODUL KEWANGAN

EPPM2514 Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans

Kursus ini merupakan kursus asas dalam bidang pengurusan risiko dan insurans. Kursus ini akan membincangkan konsep asas mengenai risiko termasuk definisi, klasifikasi, istilah-istilah penting dan bebanan risiko. Kursus ini juga akan mendedahkan para pelajar tentang proses pengurusan risiko dan teknik-teknik untuk menguruskan risiko dengan memberikan penekanan kepada teknik insurans sebagai instrumen paling asas yang digunakan dalam pengurusan risiko. Insurans am (insurans harta dan liabiliti), insurans hayat, kontrak insurans dan peruntukan-

peruntukan serta klausa-klausa insurans am dan hayat juga akan dibincangkan di dalam kursus ini. Kursus ini juga meliputi aspek yang berkaitan dengan sistem insurans Islam iaitu Takaful merangkumi prinsip asa, model operasi dan produk.

EPPM3613 Pasaran dan Institusi Kewangan

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman menyeluruh tentang teori dan praktis pasaran dan institusi kewangan. Topik yang dipelajari merangkumi pasaran kewangan iaitu pasaran wang, pasaran modal, pasaran tukaran wang asing dan pasaran derivatif; dan institusi kewangan.

Prasyarat: EPPM2114

EPPM3644 Kewangan Korporat dan Penstrukturan

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengaplikasikan teknik menganalisis dan penerapan model kewangan bagi membuat keputusan secara berkesan. Di antara keputusan kewangan korporat yang penting termasuklah perancangan dan pembiayaan pelaburan jangka panjang, dasar dividen, penstrukturan, penggabungan dan pengambilalihan. Matlamat utama kursus ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada kemahiran dalam mengenalpasti masalah/isu kewangan, menjana alternatif dan membuat keputusan.

Prasyarat: EPPM 2114

EPPM3654 Pengurusan Pelaburan dan Portfolio

Kursus ini bertujuan memberi kemahiran kepada pelajar membuat penilaian pelaburan, memilih sekuriti untuk pelaburan yang optimal, membuat dan memahami analisis teras dan teknikal, serta membentuk portfolio saham dan bon. Antara topik-topik penting dalam kursus ini termasuklah persekitaran pelaburan di Malaysia, yang merangkumi pelbagai alternatif pelaburan langsung dan tidak langsung serta struktur pasaran kewangan, konsep dan prinsip pelaburan, cara dan prosedur penilaian sekuriti dan pengurusan portfolio dengan mengambil kira perspektif Islam. Kursus ini juga membincangkan beberapa teori-teori utama kewangan dan pelaburan.

Prasyarat: EPPM 2114

EPPM3673 Kewangan dan Perbankan Islam

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai industri perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Di peringkat pengenalan, sumber hukum Islam, takrifan riba, prinsip dan mekanisme perbankan dan kewangan Islam akan dibincangkan. Ini akan disusuli dengan operasi perbankan Islam, sumber deposit dan penggunaan dana dalam perbankan Islam. Pelajar juga didedahkan dengan konsep pasaran saham Islam dan pasaran sukuk.

EPPM4433 Kewangan Antarabangsa

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai isu-isu utama dalam pengurusan kewangan antarabangsa dan kaedah-kaedah bagi menangani isu-isu tersebut. Perbincangan merangkumi aspek persekitaran syarikat multinasional, penentuan kadar pertukaran mata wang asing, pendedahan dan cara mengurus pendedahan perubahan kadar tukaran mata wang asing, pengurusan modal kerja antarabangsa, pelaburan dan pembiayaan antarabangsa khususnya pelaburan langsung asing, pembelanjawan modal global, pembiayaan perdagangan antarabangsa, trend teknologi kewangan dan kesannya terhadap kewangan global.

Prasyarat: EPPM2114 dan EPPM3644

MODUL PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN PENGURUSAN RISIKO

EPPM2514 Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans

Kursus ini merupakan kursus asas dalam bidang pengurusan risiko dan insurans. Kursus ini akan membincangkan konsep asas mengenai risiko termasuk definisi, klasifikasi, istilah-istilah penting dan bebanan risiko. Kursus ini juga akan mendedahkan para pelajar tentang proses pengurusan risiko dan teknik-teknik untuk menguruskan risiko dengan memberikan penekanan kepada teknik insurans sebagai instrumen paling asas yang digunakan dalam pengurusan risiko. Insurans am (insurans harta dan liabiliti), insurans hayat, kontrak insurans dan peruntukan-peruntukan serta klausa-klausa insurans am dan hayat juga akan dibincangkan di

dalam kursus ini. Kursus ini juga meliputi aspek yang berkait dengan sistem insurans Islam iaitu Takaful merangkumi prinsip asa, model operasi dan produk.

EPPM3523 Insurans Hayat Dan Kesihatan

Kursus ini bertujuan memberikan kefahaman terperinci kepada pelajar mengenai prinsip dan operasi insurans hayat dan takaful keluarga. Kepentingan dan perancangan insurans hayat dan takaful keluarga dari aspek ekonomi dan sosial akan juga ditekankan. Pendedahan akan juga diberikan kepada aspek aktuarial, pengunderaitan serta undang-undang berkaitan insurans hayat dan takaful keluarga. Isu-isu terkini berkaitan dengan insurans hayat dan takaful keluarga akan dibincangkan dari masa ke semasa.

Prasyarat: EPPM2514

EPPM3533 Operasi Syarikat Insurans dan Takaful

Kursus ini bertujuan memberikan fahaman terperinci kepada pelajar mengenai fungsi dan operasi syarikat insurans dan pengendali takaful. Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan mengenai fungsi-fungsi yang terdapat dalam pengoperasian sesuatu syarikat insurans dan pengendali takaful merangkumi perniagaan insurans hayat dan am, dan takaful keluarga dan am. Penekanan diberikan kepada sistem pemasaran dan pengagihan produk, proses pengunderaitan, program reinsurans, proses pengkadaran, proses tuntutan, pelaburan dan lain-lain fungsi yang berkaitan.

Prasyarat: EPPM 2514

EPPM3613 Pasaran dan Institusi Kewangan

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman menyeluruh tentang teori dan praktis pasaran dan institusi kewangan. Topik yang dipelajari merangkumi pasaran kewangan iaitu pasaran wang, pasaran modal, pasaran tukaran wang asing dan pasaran derivatif; dan institusi kewangan.

Prasyarat: EPPM2114

EPPM4543 Pengurusan Risiko Korporat

Kursus ini memberi pendedahan mengenai aspek-aspek berkaitan risiko tulen, risiko enterpris dan proses pengurusan risiko. Penerangan terperinci diberikan mengenai

langkah-langkah dalam proses pengurusan risiko termasuk pengenalanpastian risiko, penilaian risiko, pemilihan teknik bagi mengurus risiko, pelaksanaan dan pemantauan program pengurusan risiko. Perbincangan terperinci juga akan merangkumi pelbagai teknik kawalan risiko dan pembiayaan risiko bagi mengurus risiko secara sistematik dan berkesan. Kursus ini juga memperkenalkan konsep asas pengurusan risiko bersepadu (enterprise risk management).

Prasyarat: EPPM 2514

MODUL PEMASARAN DAN KEPENGGUNAAN

EPPM3024 Pengurusan dan Strategi Pemasaran

Kursus pemasaran ini adalah kursus lanjutan kepada kursus Pengantar Pemasaran dimana pelajar perlu mengaplikasikan segala ilmu yang telah dipelajari kepada proses dan strategi pemasaran. Tujuan utama kursus ini adalah untuk melatih pelajar membuat keputusan pemasaran yang terbaik serta membentuk strategi dan program pemasaran yang berkesan bagi mencapai matlamat firma. Kursus ini memerlukan pelajar mengintegrasikan secara ideal kesemua strategi bagi elemen-elemen campuran pemasaran (4Ps) bagi menghasilkan satu pelan atau rancangan pemasaran yang komprehensif.

Prasyarat: EPPM2073

EPPM3313 Kelakuan Pengguna

Kursus ini bertujuan menyingkap aspek kelakuan pengguna dari dua sudut iaitu pengguna dan pengurusan pemasaran. Kursus ini akan meneliti teori-teori berhubung gelagat pengguna bagi memahami bagaimana pengguna bertindak dalam proses pembelian. Penelitian kelakuan pengguna dibuat dalam tiga perspektif; pengguna sebagai individu, pengguna di dalam persekitaran sosial dan budaya dan pengguna sebagai pembuat keputusan. Kursus ini akan memberi kefahaman komprehensif tentang faktor-faktor intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi proses pembuatan keputusan pengguna. Pelajar akan didedahkan kepada proses pembuatan keputusan pengguna. Pelajar juga akan membuat penelitian bagaimana personaliti dan amalan budaya serta kumpulannya mempengaruhi pembuatan keputusan pengguna. Implikasi kelakuan pengguna

terhadap pembentukan dan pelaksanaan strategi pemasaran juga akan ditinjau dan dikupas.

Prasyarat: EPPM3024

EPPM3363 Pengurusan Peruncitan

Kursus ini memberi pendedahan dan pengetahuan tentang teori, konsep dan strategi yang terlibat di dalam aktiviti pengurusan peruncitan masa kini. Penekanan diberi kepada strategi pasaran runcit, pemilihan lokasi stor, pengurusan sumber manusia, sistem pembelian barangan dagangan, perletakan harga promosi dan pengurusan kedai.

Prasyarat: EPPM3024

EPPM3373 Pemasaran Perkhidmatan

Kursus ini membincangkan cabaran-cabaran unik mengurus dan menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Ianya menekankan kepada pembentukan perhubungan pelanggan yang kukuh melalui perkhidmatan berkualiti tinggi yang boleh diaplikasikan kepada organisasi yang mana produk terasnya adalah perkhidmatan. Kursus ini mengetengahkan ilmu serta kemahiran kritikal yang diperlukan untuk melaksanakan perkhidmatan berkualiti, berinovasi dan strategi perkhidmatan untuk kelebihan berdayasaing. Penekanan juga diberi kepada rangkakerja pengurusan perkhidmatan berteraskan pelanggan yang memfokus kepada peningkatan kepuasan dan kesetiaan pelanggan.

Prasyarat: EPPM3024

EPPM3423 Pemasaran Antarabangsa

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan terhadap pemasaran antarabangsa. Teori, konsep-konsep dan isu-isu pemasaran antarabangsa akan dibincangkan. Pendekatan yang berorientasikan pembuatan keputusan akan ditekankan semasa perbincangan konsep dan strategi pemasaran. Tajuk-tajuk utama termasuk persekitaran pemasaran antarabangsa, penilaian peluang pemasaran di pasaran global dan pembentukan serta pengurusan aktiviti-aktiviti campuran pemasaran di peringkat antarabangsa. Pembelajaran kursus ini memberi penekanan kepada analisis pasaran secara kritikal untuk mengenalpasti peluang pemasaran antarabangsa dan membentuk strategi pemasaran antarabangsa.

Prasyarat: EPPM2073

MODUL PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

EPPM3113 Teori Organisasi

Kursus ini bertujuan melengkapkan kefahaman tentang pengertian organisasi, masalah-masalah, perubahan-perubahan dalaman dan kesan perubahan luaran terhadap organisasi. Tajuk-tajuk yang akan dipelajari termasuk pengertian organisasi, tujuan dan struktur organisasi, mereka bentuk struktur organisasi berdasarkan pertimbangan tentang strategi, pengaruh luaran, saiz dan lain-lain pengaruh mereka bentuk organisasi antarabangsa dan proses pengurusan yang berkesan dan dinamik bagi organisasi.

Prasyarat: EPPM3033

EPPM3214 Pengurusan Sumber Manusia

Kursus ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan mengenai pelbagai konsep, prinsip, isu strategik dan taktikal yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia. Ia juga bertujuan melatih pelajar memperoleh kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berhubung isu-isu pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Tajuk-tajuk yang diliputi termasuklah cabaran masa kini berkaitan pengurusan sumber manusia, analisis kerja, perancangan sumber manusia, pemilihan kakitangan latihan, pembangunan kerjaya, penilaian prestasi, pentadbiran ganjaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta perhubungan perusahaan.

Prasyarat: EPPM3033

EPPM3223 Pengurusan Sumber Manusia Antarabangsa

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini bertujuan memberi tumpuan kepada pengurusan sumber manusia dalam domain antarabangsa. Kursus ini juga akan memberi tumpuan kepada pengurusan sumber manusia ke arah peningkatan keupayaan dan kelebihan daya saing organisasi global atau multinasional. Antara topik tumpuan kursus ini ialah perancangan, pengrekrutan, pemilihan, dan perancangan kerjaya sumber manusia

dalam aktiviti ekspatriasi. Pendedahan akan diberikan tentang pengurusan perbezaan dan kesan perbezaan faktor-faktor sosio-budaya, ekonomi dan politik negara hos dan negara asal ke atas pengurusan sumber manusia organisasi.

Prasyarat: EPPM3033

EPPM4223 Latihan dan Pembangunan Pekerja

Kursus ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan tentang konsep, kepentingan, pendekatan dan amalan pembangunan sumber manusia. Secara khusus, tajuk-tajuk yang diliputi ialah program latihan, kaedah latihan, pelaksanaan program pembangunan sumber manusia, analisis keperluan pembangunan sumber manusia, penilaian pembangunan sumber manusia, teori-teori yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia, pembangunan kerjaya, pembangunan organisasi, kaunseling dan bimbingan pekerja, penggunaan teknologi dalam pembangunan sumber manusia, dan pembangunan sumber manusia antarabangsa.

Prasyarat: EPPM3033

EPPM4253 Pengurusan Ganjaran Pekerja

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan fahaman dan pengetahuan pelajar mengenai konsep dan isu-isu berkaitan perancangan dan pentadbiran ganjaran pekerja dalam organisasi. Tajuk-tajuk yang dibincangkan termasuk teori gaji, pentadbiran gaji, analisis pekerjaan, penilaian pekerjaan, struktur pekerjaan, struktur gaji, tinjauan gaji dan manfaat pekerjaan, dan perancangan gaji.

Prasyarat: EPPM3033

MODUL PERNIAGAAN ANTARABANGSA

EPPE3143 Ekonomi Perdagangan Antarabangsa

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pengurusan kualiti dan kepentingannya dalam sesebuah organisasi perniagaan. Tajuk-tajuk penting yang dibincangkan ialah konsep asas berkaitan dengan pengurusan kualiti, sistem pengurusan kualiti dan audit serta pelbagai alat dan kaedah yang digunapakai dalam merancang, mengawal dan meningkatkan kualiti.

EPPM3223 Pengurusan Sumber Manusia Antarabangsa

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini bertujuan memberi tumpuan kepada pengurusan sumber manusi dalam domain antarabangsa. Kursus ini juga akan memberi tumpuan kepada pengurusan sumber manusia ke arah peningkatan keupayaan dan kelebihan daya saing organisasi global atau multinasional. Antara topik tumpuan kursus ini ialah perancangan, pengrekrutan, pemilihan, dan perancangan kerjaya sumber manusia dalam aktiviti ekspatriasi. Pendedahan akan diberikan tentang pengurusan perbezaan dan kesan perbezaan faktor-faktor sosio-budaya, ekonomi dan politik negara hos dan negara asal ke atas pengurusan sumber manusia organisasi.

Prasyarat: EPPM3033

EPPM3414 Pengurusan Silang Budaya

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Tumpuan kursus ini ialah memberi tawaran kepada pelajar untuk memahami hubungan dari pelbagai perspektif dalam konsep pengurusan. Kursus ini menerangkan konsep pengurusan silang budaya, kesan perbezaan budaya ke atas gelagat, nilai dan pembuatan keputusan dalam organisasi. Kajian kes akan menumpukan kepada isu yang melibatkan Syarikat Multinational. Tumpuan utama kursus ini adalah untuk membincangkan konflik pengurusan yang timbul disebabkan oleh perbezaan budaya dan memperkenalkan kaedah yang sesuai untuk menangani konflik tersebut. Kursus ini turut mendalami isu berkaitan pelaksanaan strategi, struktur dan sistem dengan mengambil kira faktor kepelbagaian budaya dalam organisasi bersesuaian dengan pasaran semasa dan keadaan ekonomi yang amat dipengaruhi oleh globalisasi.

Prasyarat: EPPM2033

EPPM3423 Pemasaran Antarabangsa

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan terhadap pemasaran antarabangsa. Teori, konsep-konsep dan isu-isu pemasaran antarabangsa akan dibincangkan. Pendekatan yang berorientasikan pembuatan keputusan akan ditekankan semasa perbincangan konsep dan strategi pemasaran. Tajuk-tajuk utama termasuk persekitaran pemasaran antarabangsa, penilaian peluang pemasaran di pasaran global dan pembentukan serta pengurusan aktiviti-aktiviti campuran pemasaran di

peringkat antarabangsa. Pembelajaran kursus ini memberi penekanan kepada analisis pasaran secara kritikal untuk mengenalpasti peluang pemasaran antarabangsa dan membentuk strategi pemasaran antarabangsa.

Prasyarat: EPPM2073

EPPM4433 Kewangan Antarabangsa

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai isu-isu utama dalam pengurusan kewangan antarabangsa dan kaedah-kaedah bagi menangani isu-isu tersebut. Perbincangan merangkumi aspek persekitaran syarikat multinasional, penentuan kadar pertukaran mata wang asing, pendedahan dan cara mengurus pendedahan perubahan kadar tukaran mata wang asing, pengurusan modal kerja antarabangsa, pelaburan dan pembiayaan antarabangsa khususnya pelaburan langsung asing, pembelanjawan modal global, pembiayaan perdagangan antarabangsa, trend teknologi kewangan dan kesannya terhadap kewangan global.

Prasyarat: EPPM2114

SINOPSIS KURSUS YANG HANYA DITAWARKAN UNTUK PELAJAR SELAIN FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

EPPM2903 Prinsip Pengurusan Perniagaan

Kursus ini menekankan pengetahuan asas tentang persekitaran pengurusan perniagaan yang merangkumi beberapa aspek penting seperti keusahawanan, pengurusan sesebuah organisasi dan sumber manusia, strategi pemasaran dan juga kewangan dan pelaburan. Kursus ini turut memberi pendedahan tentang amalan pengurusan perniagaan masa kini ke arah pembentukan dan pengekal daya saing organisasi.

EPPM2913 Prinsip Pengurusan Organisasi

Kursus ini merupakan kursus asas dalam pengurusan perniagaan. Matlamat utama kursus adalah memberi pemahaman kepada pelajar mengenai konsep dan fungsi pengurusan supaya pengetahuan mereka sejajar dengan apa yang diamalkan oleh mana-mana organisasi (perniagaan dan bukan perniagaan).

EPPM2923 Prinsip Pengurusan Sumber Manusia

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai konsep, prinsip, teori, teknik dan isu-isu yang berkaitan dalam pengurusan sumber manusia. Ia juga bertujuan memberi kemahiran kepada pelajar dalam menyelesaikan masalah dan pembuatan keputusan berhubung isu-isu pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Antara topik utama yang dibincangkan ialah konsep pengurusan sumber manusia, perancangan sumber manusia, pengambilan dan pemilihan pekerja, latihan dan pembangunan, penilaian prestasi, pentadbiran pampasan, keselamatan dan kesihatan pekerja dan perhubungan industri. Pelajar turut diberi pendedahan kepada amalan semasa pengurusan sumber manusia dalam organisasi perniagaan.

EPPM2933 Asas Pengurusan Kewangan

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada persekitaran dan konsep-konsep asas kewangan. Konsep-konsep ini diterapkan dalam perbincangan yang merangkumi topik-topik seperti persekitaran kewangan, analisis penyata kewangan, penilaian aset, pengurusan modal kerja dan asas keputusan kewangan.

EPPM2943 Pengurusan Pemasaran

Kursus ini bertujuan untuk mengaplikasikan konsep-konsep yang dipelajari dalam bidang pemasaran dalam mengurus aktiviti pemasaran. Tujuan utama kursus ini adalah untuk melatih pelajar membuat keputusan-keputusan pemasaran yang terbaik serta membentuk strategi dan program pemasaran yang berkesan dan kos efektif bagi mencapai matlamat firma. Kursus ini memerlukan pelajar mengintegrasikan secara ideal kesemua strategi bagi prinsip-prinsip pemasaran (4P) bagi menghasilkan rancangan pemasaran yang komprehensif, kreatif, inovatif dan menguntungkan.

Prasyarat: EPPM2073.

EPPM2953 Prinsip Pemasaran

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang dunia pemasaran. Kursus ini membolehkan para pelajar mengenali dan memahami konsep-konsep asas dan falsafah pemasaran, memberi kefahaman tentang persekitaran

pemasaran dan kefahaman tentang kelakuan pengguna pasaran perniagaan dalam pemasaran. Pelajar juga akan didedahkan tentang bagaimana pihak pemarkas bertindak mensegmentasikan pasaran, mensasarkan dan memposisikan produk di kaca mata pengguna. Elemen-elemen campuran pemasaran iaitu keluaran, harga, saluran pengagihan dan promosi atau lebih dikenali sebagai 4P's serta strategi-strategi dan keputusan-keputusan yang perlu dilakukan oleh pihak pemarkas juga turut didedahkan. Di samping itu, pelajar juga akan didedahkan kepada pemasaran global dan kepentingannya.

EPPM2963 Asas Insurans

Kursus ini merupakan kursus asas dalam bidang pengurusan risiko dan insurans. Kursus ini akan membincangkan konsep asas mengenai risiko termasuk definisi, klasifikasi, istilah-istilah penting dan bebanan risiko. Kursus ini juga akan mendedahkan para pelajar tentang proses pengurusan risiko dan teknik-teknik untuk menguruskan risiko dengan memberikan penekanan kepada teknik insurans sebagai instrumen paling asas yang digunakan dalam pengurusan risiko. Insurans am (insurans harta dan liabiliti), insurans hayat, kontrak insurans dan peruntukan-peruntukan serta klausa-klausa insurans am dan hayat juga akan dibincangkan di dalam kursus ini. Kursus ini juga meliputi aspek yang berkaitan dengan sistem insurans Islam iaitu Takaful merangkumi prinsip asas, model operasi dan produk.

SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN DAN INOVASI DENGAN KEPUJIAN



PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN DAN INOVASI DENGAN KEPUJIAN

Menyediakan pelajar dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk :

- a. Memulakan perniagaan baharu
- b. Menguruskan perniagaan keluarga
- c. Membangunkan inovasi dalam organisasi sedia ada
- d. Bagaimana untuk mencari dan mendapatkan peluang
- e. Menjana sumber, membangunkan pelan perniagaan
- f. Membangunkan produk atau perkhidmatan yang berpotensi
- g. Menyampaikan idea perniagaan dengan berkesan

Objektif Program (OP) Sarjana Muda Keusahawanan dan Inovasi adalah:

- a. Mendidik dan menghasil graduan yang mampu menjana peluang pekerjaan sendiri.
- b. Menaman ciri-ciri keusahawanan dan sifat inovatif dalam kalangan graduan.
- c. Memupuk sifat kepimpinan dan pengurusan dalam kalangan graduan.
- d. Menghasilkan graduan yang mampu menguasai rundingan dan jaringan dalam membawa ide perniagaan ke pasaran.

Hasil Pembelajaran Program Sarjana Muda Keusahawanan dan Inovasi

Pada akhir program pengajian, graduan seharusnya boleh:

1. Menjelaskan konsep perniagaan dan keusahawanan.
2. Membincangkan isu keusahawanan dan perniagaan secara efektif.
3. Menggunakan teknik pengurusan perniagaan dan keusahawanan.
4. Mengamalkan kemahiran interpersonal dalam proses keusahawanan.
5. Mengaplikasi kemahiran komunikasi yang efektif dalam proses rundingan, jaringan, dan rancangan perniagaan.
6. Menggunakan kemahiran digital untuk meneliti maklumat perniagaan, ekonomi, dan pasaran.
7. Mentafsir maklumat perniagaan berdasarkan analisis industri dan persekitaran.

8. Mengamalkan sifat kepimpinan beretika dan tanggungjawab dalam pengurusan pasukan dan organisasi.
9. Mengaplikasi kemahiran personal dan keusahawanan dalam proses perniagaan dan kerjaya.
10. Mengamalkan nilai-nilai moral dan etika keusahawanan secara profesional.

Program Sarjana Muda Keusahawanan dan Inovasi

Program ini merangkumi kerja-kerja kursus yang meliputi teori dan amalan dalam bidang keusahawanan dan inovasi. Untuk tujuan pengijazahan, calon-calon mesti lulus sekurang-kurangnya 123/125 kredit kursus yang ditetapkan seperti berikut:

1.	Kursus Wajib Universiti (CW)	10 unit
2.	Kursus Citra Universiti (C1-C6)	12 unit
3.	Kursus Wajib Fakulti (WF)*	29/31 unit
4.	Kursus Wajib Program (WP)	66 unit
5.	Kursus Elektif (PB)	6 unit

*Mengikut keputusan MUET pelajar

Kursus Wajib Fakulti (WF) – 29/31 Kredit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPD1013	Mikroekonomi I	3
2	EPPD1023	Makroekonomi I	3
3	EPPD1033	Prinsip Perakaunan	3
4	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
5	EPPD1053	Pengantar Pengurusan	3
6	EPPD1063	Aplikasi Komputer	3
7	EPPD2023	Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
8	EPPD2033	Perniagaan Mengikuti Perspektif Islam	3
9	LMCE1042 /	Breakthrough English (Band 1.0,2.0 dan 2.5)	2

	LMCE1052 / LMCE1062 / LMCE1072 / LMCE1082	Bridging English (Band 1.0,2.0 dan 2.5) Academic Interactions (Band 1.0,2.0,2.5,3.0 dan 3.5) Academic Literacy (Band 3.0 dan 3..5) Page to Stage (Band 5.0 dan 5+)	
10	LMCE2082 / LMCE2092	Pro Talk English (Band 3.0 dan 3.5) Speak to Persuade (Band 4.0 dan 4.5)	2
11	LMCE3051 / LMCE3061 / LMCE3071 LMCE2103	Let's Get Talking (Band 1.0,2.0 dan 2.5) Corporate Storytelling (Band 3.0 dan 3.5) Professional Communication (Band 4.0 dan 4.5) Advance Communication Project (Band 5.0 dan 5+)	1

*Perbezaan jumlah kredit bergantung kepada keputusan MUET pelajar.

Kursus Wajib Program (WP) - 66 Kredit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1	EPPA2813	Perakaunan untuk Pengurusan	3
2	EPPK2013	Kewangan Keusahawanan	3
3	EPPK2023	Undang-Undang Keusahawanan	3
4	EPPK2033	Citra Wirausaha	3
5	EPPM2033	Perniagaan Antarabangsa	3
6	EPPK2044	Etika dan Kepimpinan dalam Keusahawanan	4
7	EPPK2123	Pengurusan Rantaian Bekalan dan Nilai	3
8	EPPM2073	Pengantar Pemasaran	3
9	EPPK2213	Persekitaran Ekonomi Untuk Perniagaan (ei-XL1)	3
10	EPPK3034	Aplikasi Kreatif Rekabentuk	4
11	EPPK3054	Pengurusan Projek Bersepadu	4
12	EPPK3064	Jaringan dan Rundingan Dalam Perniagaan	4
13	EPPK3114	Penyelidikan Perniagaan Kecil dan Sederhana	4
14	EPPK3123	e-Dagang	3
15	EPPK3133	Pengurusan Inovasi Strategik	3
16	EPPK3223	Meninjau dan Penerokaan Peluang Perniagaan (ei-XL2)	3
17	EPPK3234	Merancang dan Memulakan Perniagaan (ei-XL3)	4
18	EPPK3313	Keusahawanan Komuniti	3
19	EPPM3383	Inovasi Produk dan Penjenamaan	3
20	EPPM3713	Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan	3
Jumlah			66

Kursus Elektif (PB) – 6 Kredit/Unit (minima)

Sebanyak dua (2) kursus boleh diambil daripada senarai berikut dan mana-mana kursus Citra Luar Fakulti berjumlah tiga (3) unit bagi satu kursus :

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit/Unit
1.	EPPM4313	Pemasaran Internet	3
2.	EPPM3024	Pengurusan dan Strategi Pemasaran	4
3.	EPPM3214	Pengurusan Sumber Manusia	4
4.	ZZZXXX	Bahasa Asing (Kursus PPU)*	3
		Jumlah	6

*Disarankan mengambil 1 kursus bahasa asing.

SINOPSIS KURSUS WAJIB FAKULTI (WF) PROGRAM KEUSAHAWANAN DAN INOVASI

EPPD1013 Mikroekonomi I

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang model, konsep dan metodologi mikroekonomi dalam memahami masalah ekonomi pada peringkat pengguna dan firma. Pelajar akan didedahkan kepada tajuk-tajuk utama mikroekonomi meliputi aspek permintaan, penawaran, keseimbangan harga, keanjalan, teori pilihan pengguna, fungsi pengeluaran, kos dan struktur pasaran. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pendekatan mikroekonomi dalam menyelesaikan masalah persekitaran ekonomi dan pengurusan.

EPPD1023 Makroekonomi I

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang konsep asas makroekonomi yang meliputi pengukuran dan keseimbangan pendapatan negara, peranan bank pusat, bank perdagangan dan proses penciptaan kredit, pasaran wang dan penentuan kadar bunga, implikasi dasar fiskal dan monetari terhadap pendapatan negara, pengangguran dan inflasi, perdagangan antarabangsa, imbangan pembayaran dan pasaran pertukaran asing serta globalisasi dan pertumbuhan ekonomi. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaitkan ilmu tersebut dengan isu ekonomi semasa dalam persekitaran global dan setempat.

EPPD1033 Prinsip Perakaunan

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan prinsip asas serta rasional yang mendasari amalan perakaunan. Kitaran perakaunan disentuh secara terperinci yang meliputi proses penjurnalan, pengeposan, penyediaan imbangan duga, pelarasan, penyediaan penyata kewangan dan catatan penutup. Perbincangan meliputi kitaran perakaunan bagi jenis operasi berbeza seperti perniagaan perkhidmatan, pembarangan dan perkilangan serta konteks pemilikan berbeza yang meliputi pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi tidak bermotifkan keuntungan.

EPPD1043 Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan

Kursus ini memberi kefahaman kepada pelajar beberapa aspek asas dalam matematik yang meliputi fungsi, matriks, matematik kewangan, had, keselajaran, perbezaan dan pengamiran. Aplikasi dalam bidang ekonomi turut dibincangkan untuk setiap tajuk tersebut. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dapat menganalisis masalah ekonomi dan perniagaan dengan menggunakan teknik-teknik matematik yang telah dibincangkan.

EPPD1053 Pengantar Pengurusan

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada pengurusan perniagaan. Ia mendedahkan kepada pelajar konsep dan teori asas pengurusan dan pentadbiran organisasi. Tajuk-tajuk utama merangkumi pemikiran pengurusan, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan motivasi, pengawalan kualiti dan prestasi, budaya korporat dan komunikasi dalam menguruskan sesebuah organisasi. Kursus ini turut membincangkan tentang amalan-amalan terbaik pengurusan terkini dalam pembentukan dan pengekalahan daya saing organisasi.

EPPD2023 Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan / EPPD1083 Statistik untuk Ekonomi dan Pengurusan

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai konsep dan kaedah statistik yang digunakan dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Perbincangan akan meliputi pengenalan kepada statistik, perihalan data secara visual dan numerik, pengenalan kepada kebarangkalian, taburan kebarangkalian selang, taburan pensampelan, penganggaran, ujian hipotesis, analisis varian, ujian khi-kuasa dua, kaedah statistik tak berparameter, analisis kolerasi, dan analisis regresi. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh mentafsir maklumat statistik yang diperolehi dalam konteks ekonomi dan perniagaan.

EPPD1063 Aplikasi Komputer

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang konsep asas sistem maklumat dan penggunaan praktikal aplikasi komputer terkini dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Kursus ini memperkenalkan konsep teknologi maklumat seperti perkakasan, perisian, sistem pengoperasian, konsep pangkalan data, rangkaian, internet dan telekomunikasi. Elemen utama kursus ini merangkumi lima

aplikasi komputer yang asas bagi kegunaan dalam pengurusan dan perniagaan iaitu aplikasi Microsoft Office yang terdiri daripada Word, Excel, Powerpoint dan Access.

EPPD2033 Perniagaan Mengikut Perspektif Islam

Matlamat utama kursus ini adalah untuk memberi pemahaman kepada pelajar-pelajar terhadap asas-asas perniagaan menurut perspektif Islam. Pelajar didedahkan dengan konsep-konsep asas perniagaan dalam Islam, instrumen-instrumen kewangan Islam dan etika pengurusan Islam. Kursus ini juga akan meningkatkan pengetahuan pelajar untuk membezakan teknik-teknik urusniaga yang dianjurkan Islam dengan urusniaga konvensional. Di samping itu juga, kursus ini akan membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan asas perniagaan menurut perspektif Islam.

LMCE1042 Breakthrough English

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar yang memperolehi MUET Band 1 dan 2 bagi memupuk keyakinan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Pelajar membina kosakata dan nahu asas melalui pembacaan dan main peranan. Kursus ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk menggunakan bahasa dalam situasi tertentu dengan menggunakan pendekatan interaktif dan berpusatkan pelajar.

LMCE1052 Bridging English

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar dengan Band MUET 1 (jika ada) dan 2, yang diijarkan dengan CEFR A2. Kursus ini dibangunkan untuk membantu pelajar membina dan menggunakan kemahiran belajar untuk mereka menjadi pelajar yang berjaya. Pelajar akan belajar berbagai teknik yang berguna untuk sepanjang pengajian mereka. Kursus dijalankan secara bengkel untuk menggalakkan pelajar mengambil bahagian secara aktif.

LMCE1062 Academic Interactions

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar yang memperolehi MUET Band 1, 2 dan 3. Kursus ini membantu pelajar meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca dan berkomunikasi dalam konteks umum dan akademik. Kursus ini menggunakan kaedah berasaskan kemahiran bersepadu.

LMCE1072 Academic Literacy

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar yang mendapat MUET Band 4. Kursus ini membina kemahiran akademik pelajar terutamanya dalam membaca dan menganalisa teks, dan berkomunikasi dalam konteks akademik. Kursus ini menggunakan pendekatan bersepadu.

LMCE1082 Page to Stage

Kursus ini direka khas untuk pelajar melengkap diri mereka dengan kemahiran berkomunikasi bagi meningkatkan lagi gaya sebutan, artikulasi dan penyampaian. Drama digunakan sebagai bahan pembelajaran untuk meningkatkan kebolehan pelajar menyampaikan buah fikiran dan berkomunikasi secara baik dan yakin. Pelajar akan didedahkan kepada pembelajaran melalui pelbagai aktiviti di dalam dan luar kelas. Kursus ini menggunakan kaedah berasaskan kemahiran bersepadu.

LMCE2082 Pro Talk English

Kursus ini ditawarkan khusus untuk pelajar yang mendapat MUET band 3. Ia bertujuan untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam pekerjaan.

LMCE2092 Speak to Persuade

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar yang memperolehi MUET Band 4. Kursus ini memupuk dan memperkasa kemahiran oratori dan retorik pelajar dalam membentangkan ucapan awam dengan berkesan. Pelajar juga dibantu dalam menyediakan rangka ucapan dan alat bantuan visual serta diberi latihan dalam teknik-teknik memberi ucapan berdasarkan tajuk yang dipilih. Kursus ini dilaksanakan dalam bentuk kuliah, perbincangan berkumpulan, sesi bimbingan, menonton video dan latihan.

LMCE2103 Advanced Communication Project

Kursus ini membina kemahiran pelajar dalam melaksanakan aktiviti komunikatif dalam bahasa Inggeris. Pelajar perlu memainkan peranan yang penting dalam aktiviti tersebut dengan bantuan yang minima. Antara aktiviti yang disarankan termasuk memberi pengucapan awam, mengadakan kelas untuk pelajar sekolah,

mengacara, dan mempromosi produk, khidmat atau idea di ruang pameran. Fokus kursus ini adalah untuk membina kemahiran komunikasi dan mengaplikasikannya dalam pelbagai situasi. Kursus ini menggunakan pendekatan pembelajaran melalui pengalaman.

LMCE3051 Let's Get Talking

Kursus ini ditawarkan khusus untuk pelajar yang telah mengambil dan lulus kursus wajib bahasa Inggeris bagi Tahun 1 dan 2. Kursus ini mengamalkan pendekatan komunikatif di mana pelajar mempunyai peluang untuk mempelajari bahasa sasaran dengan berkesan melalui komunikasi makna sebenar. Di samping itu, pelajar terlibat secara langsung dalam pembelajaran secara langsung. Mereka secara aktif digalakkan untuk melakukan sesuatu untuk mengetahui mengenainya atau 'belajar dengan melakukan'. Ia bertujuan untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam pelbagai situasi. Kursus ini memerlukan pelajar mengaplikasi apa yang dipelajari di dalam kelas seterusnya menghasilkan persembahan video.

LMCE3061 Corporate Storytelling

Kursus ini menggunakan kemahiran bercerita sebagai wadah pembelajaran untuk meningkatkan kebolehan pelajar dalam menyampaikan pendapat dan berkomunikasi secara baik dan yakin. Kemahiran bercerita secara korporat merupakan satu teknik untuk memperkenalkan jenama dan nilai kepada khalayak secara naratif. Ia adalah strategi komunikasi yang bertujuan untuk mendapat perhatian khalayak melalui perkongsian ilmu, pengalaman pembelajaran, nilai dan budaya. Semua aktiviti yang dilakukan dan kemahiran yang akan dipertingkatkan akan memberi keyakinan kepada pelajar untuk menghadapi alam pekerjaan dan kehidupan mereka.

LMCE3071 Professional Communication

Kursus ini ditawarkan khusus untuk pelajar yang telah lulus empat unit kursus wajib bahasa Inggeris. Ia bertujuan untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam situasi yang diberi (pelbagai). Kursus ini memerlukan pelajar mengaplikasi apa yang dipelajari di dalam kelas seterusnya berinteraksi dalam keadaan sebenar melalui pembentangan video komunikasi profesional (kesedaran korporat).

SINOPSIS KURSUS WAJIB PROGRAM (WP) PROGRAM KEUSAHAWANAN DAN INOVASI

EPPA2813 Perakaunan untuk Pengurusan

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar-pelajar tentang elemen-elemen dan isu-isu perakaunan kos dan perakaunan pengurusan. Dengan itu, bakal-bakal usahawan ini bukan sahaja boleh memahami malahan juga boleh menerapkan pengetahuan yang berkaitan perakaunan dalam kerja mereka kelak.

EPPK2013 Kewangan Keusahawanan

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar mengenai prinsip-prinsip dan aplikasi kewangan keusahawanan yang diperlukan bagi permulaan perniagaan. Topik-topik yang akan dibincangkan termasuk persekitaran dan peluang perniagaan, sumber-sumber pembiayaan, belanjawan modal, struktur modal, modal kerja, risiko kewangan keusahawanan, penyata kewangan dan rancangan kewangan perniagaan.

Prasyarat: EPPD1033 dan EPPD1043 atau EPPD2023.

EPPK2023 Undang-undang Keusahawanan

Matlamat kursus ini menghuraikan kepada pelajar berhubung aspek perundangan berkaitan dengan aktiviti perniagaan. Topik-topik yang dibincangkan dalam kursus ini adalah aplikasi undang-undang berhubung keusahawanan, kontrak, pendaftaran dan penubuhan syarikat, modal perniagaan, kontrak sivil dan Islam, pembentukan lembaga pengarah, agensi, prinsip ekuiti dan amanah, kemahiran memilih sistem perundangan, penyelesaian pertikaian alternative, kebertanggungjawaban, perbankan, insurans, jenayah pecah amanah dan harta intelek.

EPPK2044 Etika dan Kepimpinan dalam Keusahawanan

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar mengenai teori dan amalan serta isu-isu yang berkaitan dengan etika dan kepimpinan dalam organisasi secara amnya dan dalam keusahawanan secara

khususnya. Ia juga bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar dalam proses penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan berhubung isu-isu dan masalah berkenaan etika dan kepimpinan dalam organisasi dan perniagaan. Antara topik utama yang dibincangkan ialah teori dan konsep etika, etika keusahawanan, teori dan gaya kepimpinan individu dalam organisasi serta kepimpinan dalam menguruskan perniagaan.

EPPK2123 Pengurusan Rantian Bekalan dan Nilai

Kursus ini memperkenalkan teori dan amalan Pengurusan Rantian Bekalan (PRB) dan kepentingannya dalam sesebuah perniagaan kecil dan sederhana. Topik utama yang akan dibincangkan termasuklah peranan PRB dalam strategi operasi, faktor-faktor yang mempengaruhi PRB, pengurusan pembekal dan vendor, keperluan dalam menjayakan PRB, logistik dan inventori. Kursus ini juga akan memberi pengetahuan tentang piawaian tempatan dan antarabangsa.

EPPM2073 Pengantar Pemasaran

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal tentang dunia pemasaran. Kursus ini membolehkan para pelajar mengenali dan memahami konsep-konsep asas dan falsafah pemasaran, memberi kefahaman tentang persekitaran pemasaran dan kefahaman tentang kelakuan pengguna pasaran perniagaan dalam pemasaran. Pelajar juga didedahkan tentang bagaimana pihak pemasar bertindak mensegmenkan pasaran, mensasarkannya dan memposisikan produk di kacamata pengguna. Elemen-elemen campuran pemasaran iaitu keluaran, harga, saluran pengagihan dan promosi atau lebih dikenali sebagai 4P's serta strategi-strategi dan keputusan-keputusan yang perlu dilakukan oleh pihak pemasar juga turut didedahkan. Di samping itu, pelajar juga akan didedahkan kepada pemasaran global dan kepentingannya.

EPPK2213 Persekitaran Ekonomi untuk Perniagaan (Ei-XL1)

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan asas dan kemahiran meninjau faktor-faktor luaran yang mempengaruhi perjalanan perniagaan seperti persekitaran serta dasar-dasar nasional yang berkaitan dengan keusahawanan. Dalam kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan kemahiran untuk menghubungkan peluang

perniagaan dengan faktor-faktor luaran tersebut. Pelajar juga dibimbing untuk mengenalpasti entiti perniagaan yang berpotensi dalam pelbagai industri.

EPPK3054 Pengurusan Projek Bersepadu

Kursus ini memberi pengetahuan tentang teknik mengurus projek secara bersepadu. Ia memfokus kepada proses pengurusan projek, kos dan faedah projek dan pelbagai alat/teknik pengurusan projek. Antara topik yang dibincang termasuk kitaran hayat projek, perancangan kualiti, pemasaran dan kos serta alat/teknik pengurusan projek serta aplikasi komputer dalam mengawal dan mengawasi projek.

Prasyarat: Ditawarkan untuk pelajar tahun akhir.

EPPK3114 Penyelidikan Perniagaan Kecil dan Sederhana

Kursus ini memberi pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar untuk menjalankan penyelidikan perniagaan kecil dan sederhana. Pengendalian kursus ini dimulakan dengan membincangkan tentang kepentingan penyelidikan dalam mengendalikan perniagaan. Kemudiannya ianya diikuti dengan tajuk-tajuk berikut: permasalahan, penentuan objektif dan kerangka teori dalam penyelidikan saintifik, penyelidikan penerokaan dan analisis kualitatif, skala pengukuran yang bersesuaian untuk pembolehubah, kaedah mengutip data sekunder dan primal, kaedah-kaedah persampelan, memproses data, membuat laporan penyelidikan dan akhirnya pelajar diberi pengalaman untuk membentangkan hasil kajian penyelidikan mereka.

Prasyarat: EPPD2023.

EPPK3133 Pengurusan Inovasi Strategik

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada pelajar tentang pengurusan inovasi secara strategik. Ia merangkumi tajuk-tajuk utama seperti konsep dan prinsip asas inovasi, perancangan dan pemilihan projek berinovasi dan berdayasaing, kolaborasi strategik, perlindungan hasil inovasi, proses pengkomersilan serta pembangunan organisasi yang inovatif.

Prasyarat: Ditawarkan untuk pelajar tahun akhir.

EPPK3223 Meninjau dan Penerokaan Peluang Perniagaan (Ei-XL2)

Kursus ini merupakan pelengkap kepada ei-XL1. Ia memberi ruang kepada pelajar untuk mengaplikasikan ilmu tentang faktor-faktor luaran ke dalam peluang perniagaan. Aplikasi ini dilakukan dari sudut dalaman seperti kewangan, pemasaran, pengeluaran dan pengurusan sumber manusia. Dalam kursus ini, pelajar berinteraksi dengan mentor di entiti perniagaan yang telah dikenalpasti di peringkat ei-XL1 .

Prasyarat: EPPK2213

EPPK3234 Merancang dan Memulakan Perniagaan (Ei-XL3)

Kursus ini bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar mensintesis teori dan amalan perniagaan yang telah dikenalpasti di dalam ei-XL2. Pelajar berpeluang membuat lawatan ke luar negara untuk menimba pengalaman perniagaan dalam budaya yang berbeza. Pelajar juga dibimbing untuk membina rancangan perniagaan berasaskan pengetahuan dan pengalaman tentang persekitaran ekonomi dan penerokaan peluang perniagaan.

Prasyarat: EPPK3223

EPPM3713 Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan

Kursus ini bertujuan untuk membantu pelajar memahami konsep dan teori asas berkenaan inovasi dan kreativiti dalam konteks perniagaan dan keusahawanan. Para pelajar didedahkan dengan praktis inovasi dan kreativiti melalui lawatan-lawatan industri supaya pelajar mempunyai jaringan minda yang rapat dengan realiti keusahawanan. Para pelajar juga diterapkan dengan budaya membaca kajian empirik supaya pelajar memahami konsep, teori dan praktis inovasi dan kreativiti dalam perniagaan dan keusahawanan secara global. Selepas mengikuti kursus ini, para pelajar seharusnya mampu membincangkan faktor kejayaan/ kegagalan suatu perubahan yang dikatakan inovatif atau kreatif dalam perniagaan dan keusahawanan.

EPPK2033 Citra Wirausaha

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan tentang nilai-nilai intrinsik usahawan, sikap prihatin dan kemahiran membina imej profesional. Antara topik yang diliputi termasuk kepentingan mempamerkan imej tanggapan pertama, komunikasi lisan dan bukan lisan, penciptaan kehadiran maya, etiket profesional, keprihatinan

terhadap masyarakat dan alam sekitar serta kemahiran sosial. Setelah mengikuti kursus ini pelajar mengetahui dan mengamalkan citra seorang usahawan yang berjaya.

EPPK3034 Aplikasi Kreatif Rekabentuk

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran kreatif yang menggunakan platform ICT. Pelajar diperkenalkan kepada prinsip-prinsip rekabentuk dengan mengaplikasikan teknologi terkini. Pelajar diberikan kemahiran asas menggunakan ICT untuk membantu pelajar merekabentuk dan menambahbaik produk atau proses sedia ada.

EPPK3064 Jaringan dan Rundingan dalam Perniagaan

Kursus ini memberi pengetahuan tentang prinsip-prinsip asas dan amalan jaringan perniagaan dan rundingan dalam perniagaan. Pelajar akan diberi kemahiran dalam membina dan mengekalkan jaringan serta membuat rundingan yang berkesan.

Prasyarat : EPPD1053.

EPPK3123 E-Dagang

Kursus ini memperkenalkan asas-asas mekanisme perniagaan online. Pelajar didedahkan kepada amalan eletronik dagang iaitu strategi-strategi dan konsep e-dagang dan keperluan infrastruktur teknologi. Pelajar akan belajar menerusi penggabungan syarahan dan latihan internet. Kursus ini juga menyediakan pelajar untuk membina satu pelan perniagaan e-dagang.

EPPM2033 Perniagaan Antarabangsa

(Kursus dikendalikan dalam Bahasa Inggeris)

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar terhadap pelbagai aspek perniagaan yang mempengaruhi pengoperasian firma di pasaran antarabangsa, dan bagaimana firma menangani tekanan daripada isu globalisasi. Para pelajar akan mempelajari faktor persekitaran nasional yang berbeza seperti sistem budaya, politik, perundangan, kewangan dan ekonomi yang mempengaruhi amalan dan strategi perniagaan merentas sempadan. Kursus ini juga akan membincangkan komponen-komponen yang mempengaruhi perniagaan antarabangsa seperti teori

perdagangan antarabangsa, polisi perdagangan kerajaan, integrasi kawasan, pelaburan langsung luar dan persekitaran kewangan di era globalisasi. Di samping itu, pelajar juga akan menilai pengurusan perniagaan antarabangsa seperti fungsian organisasi yang melibatkan sumber manusia, pemasaran, operasi dan sumber rantai nilai. Selain itu, isu pasaran baru muncul (*emerging markets*) juga merupakan topik yang akan dibincangkan dalam kursus ini.

EPPK3313 Keusahawanan Komuniti

Kursus ini akan menerapkan pengetahuan, kemahiran dan memberikan pendedahan praktikal mengenai keusahawanan sosial dan komuniti. Dalam kursus ini para pelajar berpeluang memahami dan menghayati prinsip perniagaan sosial dan komuniti sebagai satu bidang baru yang berpotensi menjana pertumbuhan ekonomi negara menerusi pembangunan kelompok masyarakat terpinggir dan khusus, mengurangkan kemiskinan, memperbaiki taraf sosio-ekonomi dan kebajikan golongan terpinggir dan membawa perubahan sosial secara positif. Kursus ini juga menerapkan nilai keusahawanan yang mengutamakan kesejahteraan komuniti sebagai matlamat utama perniagaan, manakala keuntungan adalah sebagai alat mencapai kesejahteraan sosio-ekonomi.

EPPM3383 Inovasi Produk dan Penjenamaan

Kursus ini memperkenalkan beberapa struktur asas dalam usaha memahami dunia pengurusan inovasi produk dan penjenamaan dalam kitaran perancangan inovasi produk. Penekanan utama diberikan dalam isu-isu inovasi produk dan penjenamaan yang berkaitan dengan isu-isu pengurusan pemasaran. Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan inovasi produk dan penjenamaan seperti perancangan, penilaian dan pelancaran produk baru. Pelajar juga akan diberi kefahaman mengenai tatacara dalam menghasilkan perletakan penjenamaan yang selari dengan produk baru yang telah dibangunkan.

Prasyarat: EPPM3024 (Pengurusan dan Strategik Pemasaran).

SINOPSIS KURSUS ELEKTIF (PB) PROGRAM KEUSAHAWANAN DAN INOVASI

EPPM3024 Pengurusan dan Strategi Pemasaran

Kursus pemasaran ini adalah kursus lanjutan kepada kursus Pengantar Pemasaran dimana pelajar perlu mengaplikasikan segala ilmu yang telah dipelajari kepada proses dan strategi pemasaran. Tujuan utama kursus ini adalah untuk melatih pelajar membuat keputusan pemasaran yang terbaik serta membentuk strategi dan program pemasaran yang berkesan bagi mencapai matlamat firma. Kursus ini memerlukan pelajar mengintegrasikan secara ideal kesemua strategi bagi elemen-elemen campuran pemasaran (4Ps) bagi menghasilkan satu pelan atau rancangan pemasaran yang komprehensif.

Prasyarat: EPPM2073.

EPPM3213 Pengurusan Sumber Manusia

Kursus ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan mengenai pelbagai konsep, prinsip, isu strategik dan taktikal yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia. Ia juga bertujuan melatih pelajar memperoleh kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berhubung isu-isu pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Tajuk-tajuk yang diliputi termasuklah cabaran masa kini berkaitan pengurusan sumber manusia, analisis kerja, perancangan sumber manusia, pemilihan kakitangan, latihan, pembangunan kerjaya, penilaian prestasi, pentadbiran ganjaran, serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

EPPM4313 Pemasaran Internet

Kursus ini menerangkan kepelbagaian peranan program pemasaran atas talian yang menyeluruh bagi suatu organisasi. Pelajar akan dilatih secara khusus bagaimana internet dan teknologi digital diaplikasikan dalam strategi pemasaran yang melibatkan kajian pasaran, iklan, jualan, penjenamaan, dagangan barangan, pengurusan perhubungan pelanggan dan fungsi-fungsi gabungan pemasaran yang berkaitan.

Prasyarat : EPPD1063

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PENGAJIAN SARJANA MUDA)

Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh **perenggan 38 Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010**, Senat Universiti Kebangsaan Malaysia membuat peraturan seperti berikut;

1. Nama, Mula Berkuat kuasa, Pemakaian dan Tafsiran

- 1.1. Peraturan ini dinamakan Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2020 dan hendaklah mula berkuat kuasa selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-peraturan ini.
- 1.2. Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelajar yang mula mengikuti sesuatu program yang mengurniakan suatu Ijazah selepas tarikh Peraturan ini mula berkuatkuasa.
- 1.3. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain,

“bayaran” ertinya apa-apa yuran dan pembayaran lain yang dikenakan oleh Universiti kepada pelajar bagi sesuatu program;

“Dekan” ertinya ketua bagi sesuatu Fakulti atau Pengarah bagi sesuatu Pusat yang dilantik oleh Naib Canselor;

“Fakulti” ialah mana-mana Fakulti Universiti termasuklah mana-mana Pusat Universiti yang mengurniakan Ijazah;

“gred” ertinya abjad bagi menunjukkan pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran;

“Jawatankuasa Rayuan” ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menimbang rayuan terhadap keputusan peperiksaan;

“Ketua Program” ertinya seseorang staf akademik yang dilantik oleh Universiti bagi menyelaras sesuatu program;

“kredit” ertinya nilai beban bagi satu jam kredit yang bersamaan dengan jam belajar atau masa pembelajaran setara selama satu

semester pengajian;

“kursus” ertinya sesuatu mata pelajaran yang ditawarkan di dalam syarat program pengajian;

“kursus audit” ialah sesuatu kursus yang didaftarkan oleh pelajar tetapi jam kredit kursus tersebut tidak dikira dalam pengiraan jumlah jam kredit untuk bergraduasi dan pengiraan keputusan peperiksaan;

“pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar Universiti yang mengikuti program Sarjana Muda di Universiti bagi sesuatu program;

“pelajar baharu” ertinya pelajar yang telah menerima tawaran Universiti tetapi belum mendaftarkan diri untuk Program Pengajian;

“pelajar tanpa ijazah” ertinya pelajar luar yang mendaftar dan mengikuti satu atau sebahagian kursus yang terdapat dalam program Sarjana Muda;

“Penangguhan Pengajian” ertinya tempoh sementara pelajar dibenarkan untuk tidak mengikut pengajian;

“Pendaftar” ertinya seorang pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional dalam klasifikasi perkhidmatan pentadbiran dan sokongan yang ditempatkan di entiti pentadbiran dan perkhidmatan akademik Universiti bagi pelajar dan ditanggungjawab dengan tanggungjawab sebagai ketua di entiti itu;

“Pendaftaran Kursus” ertinya proses pelajar mendaftar kursus tertentu dalam sesuatu program dalam tempoh yang ditetapkan;

“Peperiksaan” ertinya apa-apa cara atau kaedah penilaian yang membolehkan markah atau gred diberikan bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus tertentu;

“Pemindahan Kredit” ertinya kredit yang telah diberikan oleh satu program ke dalam program yang lain, sama ada semua program itu di dalam UKM atau salah satu daripadanya adalah program di luar UKM;

“Pemindahan Kredit Secara Menegak” ertinya jumlah kredit yang dikecualikan bagi seseorang pelajar daripada mengambil semula kursus yang setara yang telah diambil daripada institusi pascapendidikan menengah yang telah mendapat kelulusan Fakulti;

“Pemindahan Kredit Secara Mendatar” ertinya pemindahan kredit dari satu program ke program yang lain pada tahap pengajian yang sama dan mendapat kelulusan Fakulti;

“Peperiksaan Ulangan Khas” ertinya peperiksaan yang dijalankan bagi sesuatu kursus boleh diberikan kepada pelajar yang memerlukan hanya satu sahaja untuk tujuan bergraduat;

“Pindah Kredit Dengan Gred” ertinya pindah kredit secara mendatar bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar masih dalam pengajian). Kredit dikira dalam kredit bergraduat pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

“Pindah Kredit Tanpa Gred” turut dipanggil pengecualian kredit, ertinya pindah kredit secara menegak atau mendatar bagi pelajar yang telah keluar daripada sistem (pelajar telah tamat pengajian) atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduat tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

“PNG” (Purata Nilai Gred) ertinya purata mata nilai gred yang diperolehi dalam sesuatu semester;

“PNGK” (Purata Nilai Gred Kumulatif) ertinya purata himpunan mata nilai yang diperolehi bagi semua semester yang telah diikuti;

“program” ertinya struktur pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang tertentu; “semester” ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu sesi yang telah ditetapkan oleh Senat; “Senat” ertinya Senat Universiti Kebangsaan Malaysia;

“sesi” ertinya tahun akademik yang tarikhnya ditetapkan oleh Senat;

“tahun berjeda (*gap year*)” ertinya pelajar berehat dari mengikuti pengajian dalam tempoh masa sehingga maksimum dua semester

(satu tahun) untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti sukarelawan yang dirancang dengan agensi terpilih atau untuk tujuan-tujuan umum yang lain.

“tempoh maksimum pengajian” ertinya bilangan maksimum semester yang dibenarkan bagi menamatkan sesuatu kursus;

“Universiti” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia.

2. Syarat Penerimaan Masuk

2.1. Keperluan Pelajaran Asas

2.1.1. Sijil Pelajaran Asas

Calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu atau kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu Kertas Julai dan lulus mata pelajaran Sejarah.

atau:

Bagi calon luar negara, calon hendaklah telah melengkapkan 12 tahun pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah atas;

dan:

2.1.2. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

2.1.2.1. Calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am; dan Gred C (NGMP 2.00 dalam dua (2) mata pelajaran lain.

atau:

2.1.3. Sijil Matrikulasi/ Asasi

2.1.3.1. Calon mestilah lulus Matrikulasi/ Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau:

2.1.4. Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

2.1.4.1. Calon mestilah lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid;

atau:

2.1.5. Diploma/Setaraf

2.1.5.1. Calon mestilah memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti. Calon lepasan diploma TVET perlu memiliki kelulusan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) atau Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti (syarat khas program mengikut jenis program yang ditawarkan di Fakulti).

atau:

2.1.5.2. Lulus peperiksaan STPM tahun sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am;

atau:

2.1.5.3. Lulus Sijil Matrikulasi tahun sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau:

- 2.1.5.4. Lulusan Pra-U Sekolah Sukan Malaysia/GCE A-Level/ International Baccalaureate Diploma/ Australian Matriculation (AUSMAT) serta kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat.

atau:

- 2.1.5.5. Bagi calon luar negara, calon hendaklah memiliki Sijil Sekolah Menengah Atas (contohnya seperti Higher Secondary Certificate, Senior Secondary School Graduation Certificate, Tawjihyah, Ijazah Sekolah Menengah Atas, High School Diploma);

atau:

2.1.6 Kelayakan lain

- 2.1.6.1 Calon mestilah mempunyai kelayakan lain dan/atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat seperti yang tersenarai di dalam Buku Panduan Fakulti masing-masing.

dan:

2.1.7 Malaysian University English Test (MUET).

- 2.1.7.1 Calon –calon mestilah mendapat sekurang kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
